

GAYA BAHASA DAN TEKNIK PENULISAN DALAM
NOVEL *MAGIS* KARYA RAMLEE AWANG MURSHID:
SATU PENELITIAN TEORI STILISTIK

WAN NUR AKMAL BINTI WAN ISMAIL

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GAYA BAHASA DAN TEKNIK PENULISAN DALAM
NOVEL *MAGIS* KARYA RAMLEE AWANG MURSHID:
SATU PENELITIAN TEORI STILISTIK

WAN NUR AKMAL BINTI WAN ISMAIL

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Wan Nur Akmal Binti Wan Ismail
C19A0839
Tarikh: / / 2023

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: / / 2023

Penghargaan

Segala puji bagi Allah S. W. T yang maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Terlebih dahulu saya menginginkan ucapan syukur dan Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan semasa menjalankan sebuah amanah yang diwajibkan untuk setiap pelajar memikul.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, selaku penyelia saya. Dengan hadirnya bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan nasihat oleh beliau yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini. Dr. Mohd Firdaus tidak jemu dalam memberi motivasi kepada pelajar-pelajarnya malah melalui motivasi tersebut telah menjadikan satu inspirasi buat diri saya untuk lebih berusaha dan bersemangat. Tidak dilupakan juga

Selain itu, tidak dilupakan juga rasa syukur dan berterima kasih kepada ibu dan arwah abah saya. Sepanjang menjayakan Projek Penyelidikan ini amatlah bermain pelbagai emosi hal ini kerana disebabkan oleh kematian arwah abah (27 Mei 2022) iaitu Encik Wan Ismail Bin Wan Umar semasa menjayakan kajian ini. Dengan adanya dorongan daripada keluarga, selaku penyelia saya Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dan sahabat-sahabat perjuangan dapat diri ini yang kerdil berjaya untuk menyiapkan satu amanah

Sekian, terima kasih.


Wan Nur Akmal Binti Wan Ismail
Lot 726 Kampung Ketil,
Pengkalan Kubor
16080 Tumpat
Kelantan.
0136399490
Emel: akmalti.c19a0839@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
	PENGESAHAN TESIS	i
	PENGHARGAAN	ii
	JADUAL KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	vi
	SENARAI RAJAH	vii
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Persoalan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Batasan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	17
1.7	Definisi Operasional	18
1.8	Organisasi Kajian	22
1.9	Penutup	24
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	25
2.2	Kajian Terhadap Novel Di Malaysia	26
2.3	Kajian Terhadap Gaya Bahasa	47
2.4	Kajian Terhadap Teori Stilistik	53
2.5	Penutup	60
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	61
3.2	Rekabentuk Kajian	63
3.3	Kaedah Kajian	63
	3.3.1 Kajian Kepustakaan	64
	3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	64
3.4	Pendekatan Teori	65
	3.4.1 Latar belakang Teori Stilistik	65
	3.4.2 Teori Stilistik	68
	3.4.2.1 Fonologi	69
	3.4.2.1 Semantik	70
3.5	Kerangka Konseptual	71
3.6	Penutup	72
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	73

4.2	Gaya Bahasa Perbandingan	74
	4.2.1 Gaya Bahasa Metafora	75
	4.2.2 Gaya Bahasa Personifikasi	78
	4.2.3 Gaya Bahasa Simile	81
	4.2.4 Gaya Bahasa Imej	84
4.3	Gaya Bahasa Pertentangan	86
	4.3.1 Gaya Bahasa Hiperbola	87
	4.3.2 Gaya Bahasa Inversi	90
	4.3.3 Gaya Bahasa Paradoks	95
4.4	Gaya Bahasa Penyirnaan	96
	4.4.1 Gaya Bahasa Sinkof	97
4.5	Gaya Bahasa Sindiran	99
	4.5.1 Gaya Bahasa Ironi	100
	4.5.2 Gaya Bahasa Sinisme	103
4.6	Gaya Bahasa Pengulangan	105
	4.6.1 Gaya Bahasa Anafora	106
	4.6.2 Gaya Bahasa Asonansi	107
	4.6.3 Gaya Bahasa Aliterasi	109
4.7	Diksi	111
	4.7.1 Penggunaan Bahasa Dalam	112
	4.7.2 Penggunaan Bahasa Halus	115
	4.7.3 Penggunaan Bahasa Arab	117
	4.7.4 Penggunaan Bahasa Inggeris	120
	4.7.5 Penggunaan Bahasa Jepun	122
	4.7.6 Penggunaan Kata Ganda	123
4.8	Ayat	126
	4.8.1 Ayat Tanya	127
	4.8.2 Ayat Perintah	128
	4.8.3 Ayat Suruhan	130
	4.8.4 Ayat Larangan	131
	4.8.5 Ayat Silaan	132
	4.8.6 Ayat Permintaan	133
	4.8.7 Ayat Seruan	134
4.9	Teknik Penulisan Novel Magis Karya Ramlee Awang Murshid	136
4.10	Teknik Imbas kembali	137
4.11	Teknik Dialog	140
4.12	Teknik Pemerian	143
4.13	Konflik	146
4.14	Monolog	147
4.15	Monolog Dalaman	149
4.16	Suspens	151
4.17	Imbas Muka	153
4.18	Penutup	155

BAB 5	RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP	
5.1	Pengenalan	156
5.2	Rumusan	157
5.3	Perbincangan	158
5.4	Cadangan	159
5.5	Penutup	160
BIBLIOGRAFI		161
BIODATA PENULIS		166




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 1.5: Senarai Gaya Bahasa Dan Teknik Penulisan Dalam
Novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid


14



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 3.4.1	: Teori Stilistik	67
Rajah 3.4.2	: Prinsip Fonologi Dan Semantik	68
Rajah 3.5	: Kerangka Konseptual	71
Rajah 4.7.1	: Senarai Ganti Nama Diri Bahasa Diraja Berdasarkan Pameran Dalam Peristiwa Diraja	114



ABSTRAK

Novel merupakan karya sastra yang diciptakan hasil imaginasi dan penghayatan pengarang terhadap masyarakat. Kajian ini merupakan tentang gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Ekoran daripada itu, pernyataan masalah membuktikan novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid jarang dijadikan satu kajian yang berbentuk ilmiah. Selain itu, penggunaan bahasa yang digunakan oleh Ramlee Awang Murshid terlalu berat bagi pelajar sekolah rendah dan menengah. Terdapat dua objektif di dalam kajian ini, yang pertama mengenalpasti penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dan yang kedua menganalisis teknik penulisan pengarang Novel *Magis* karya Ramlee Awang. Selain itu, metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu memaparkan kaedah kepustakaan dan analisis tekstual. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan teori Stilistik bagi memperkukuhkan lagi kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi, terdapat banyak gaya bahasa dan teknik penulisan yang boleh ditemui dalam novel *Magis* (2013) karya Ramlee Awang Murshid.

Kata kunci: Gaya Bahasa, Teknik Penulisan, Novel, Teori Stilistik, Novel *Magis*

Language Style and Writing Techniques in Ramlee Awang Murshid's *Magical* Novels:
A Study of Stylistic Theory

ABSTRACT

A novel is a literary work created as a result of the author's imagination and appreciation of society. This study is about the language style and writing technique in the novel *Magis* by Ramlee Awang Murshid. As a result, the problem statement proves that the novel *Magis* by Ramlee Awang Murshid is rarely used as a scientific study. In addition, the language used by Ramlee Awang Murshid is too heavy for primary and secondary school students. There are two objectives in this study, the first is to identify the use of language style found in Ramlee Awang Murshid's *Magical* Novel and the second is to analyze the author's writing technique of Ramlee Awang's *Magical* Novel. In addition, the methodology of this study uses a qualitative design that displays the method of bibliography and textual analysis. In the meantime, the researcher uses Stylistic theory to further strengthen this study. As a result of the research findings, there are many language styles and writing techniques that can be found in the novel *Magis* (2013) by Ramlee Awang Murshid.

Keywords: Language Style, Writing Technique, Novel, Stylistic Theory, *Magical* Novel

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan adalah seni yang menggambarkan kepada keindahan bahasa dalam bentuk prosa moden, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional. Malah kesusasteraan merupakan karya yang bersifat imaginatif iaitu yang berbentuk sastera bertulis ataupun lisan. Menurut Hashim Awang (1987) sastera adalah ciptaan atau karya seni yang disampaikan melalui bahasa. Manakala menurut Muhammad Arief Budiman (2011) sastera adalah seni yang indah dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Karya sastera bukan hanya terletak pada teks puisi sahaja malah merangkumi teks prosa seperti novel, cerpen, cerita rekaan dan skrip-skrip drama serta filem.

Terdapat dua jenis karya sastera iaitu sastera tradisional dan sastera moden. Sastera tradisional dinamakan sebagai sastera rakyat atau *folklore*. Kewujudan sastera tradisional sejak berkurun lama dahulu, ketika masyarakat masih buta huruf dan ia merupakan salah satu hiburan pada masa dahulu. Menurut Harun Mat Piah (2006) sastera tradisional disampaikan melalui pengucapan lisan manakala sastera moden berbentuk tulisan. Sastera tradisional merangkumi sastera panji, sastera epik, sastera hikayat, pantun, seloka, gurindam dan syair. Manakala sastera moden terdiri daripada sajak, novel dan cerpen. Menurut Arba'ie (2008) karya sastera adalah sebuah alat yang mampu mempengaruhi kehidupan seseorang individu sama ada dari segi pemikiran, tingkah laku dan gaya hidup. Namun begitu, pada era kini terdapat pelbagai kemudahan teknologi yang mampu mengubah cara hidup manusia namun tidak ketinggalan, karya sastera turut memainkan peranan dalam proses perubahan manusia. Watak-watak

dalam karya sastra kebanyakannya adalah contoh dan cerminan bagi masyarakat. Sikap yang ditampilkan oleh pengarang dalam karya memainkan peranan penting dalam mencerminkan kehidupan manusia. Menurut Muhammad Arief Budiman (2011) karya sastra salah sebuah alat hiburan bagi masyarakat dengan kata lainnya, sastra adalah makanan jiwa bagi penggemarnya. Tambahan pula, melalui sastra masyarakat boleh mengkaji pelbagai jenis bidang, bukan sahaja dalam ilmu sastra malah ilmu lain-lain juga. Karya-karya sastra dapat dijadikan satu rujukan kepada pembaca, banyak ilmu yang dapat diperolehi melalui pembacaan karya sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana, individu yang menghasilkan karya sastra merupakan golongan cendekiawan yang cerdik pandai dalam bidang kesusasteraan.

Menurut Usman Awang (1995) menyatakan bahawa sastra meliputi semua aspek kehidupan manusia secara meluas. Aspek tersebut terdiri daripada bentuk karya-karya yang banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, sastra hadir dengan ciri-ciri yang tersendiri dan mempunyai beberapa asas penting untuk menjadikan sesebuah karya tersebut indah dan menarik. Namun begitu, penggunaan bahasa yang indah, pemilihan kata-kata yang tepat, penyusunan kata-kata dengan rima dan rentaknya yang indah didengari, mampu menarik perhatian pembaca. Oleh itu, melalui pembacaan dan pemahaman yang baik mampu menyedarkan manusia agar sentiasa berfikiran positif dan mempunyai sifat serta akhlak yang baik.

Menurut Shahnun Ahmad (1999) mendefinisikan novel sebagai satu bentuk pentafsiran campuran hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastra cereka. Novel merupakan sebuah karya sastra yang berbentuk naratif di mana terdapat rangkaian cerita tentang kehidupan tokoh dan orang-orang di sekitarnya dengan menonjolkan watak dan perwatakan, plot, konflik dan sebagainya dalam sesebuah kisah. Selain itu, novel merupakan hasil karya panjang yang bersifat kompleks dengan mempunyai

unsur-unsur utama, seperti perwatakan, plot, latar dan sudut pandangan. Menurut *Kamus Dewan* (2007) mendefinisikan novel sebagai cerita dalam bentuk prosa panjang dan kompleks, berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Seterusnya, novel juga merupakan karangan panjang yang berbentuk prosa dan turut mengandungi rangkaian cerita tentang kehidupan seseorang, sama ada orang lain di sekelilingnya dengan menonjolkan watak dan perwatakan. Namun begitu, novel adalah satu bentuk karya sastera yang turut memaparkan nilai-nilai budaya, moral, sosial dan juga pendidikan. Malah ia adalah sebuah hasil ciptaan buah pemikiran yang kreatif dan inovatif daripada seorang penulis yang merakam dan merespon kehidupan di sekitarnya. Ketika keadaan sekitar mempunyai permasalahan yang baru, maka di situ jua akan tercetus idea bagi menciptakan sebuah cerita yang akan digambarkan dalam bentuk prosa yang indah, plot cerita dan disertai konflik.

Menurut Ramli Isin (1989) dalam pengertian atau ukuran yang luas, novel adalah cerita rekaan berbentuk prosa. Oleh itu, novel merupakan bentuk bebas dan tidak terikat oleh sebarang struktur atau format seperti sajak, pantun dan lain-lain. Malah hasil pembikinan pemikiran idea, novel dihasilkan berasaskan kepada persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencana kehidupan sesuatu masyarakat dalam alam realiti yang sebenar. Persoalan-persoalan tersebut bersatu dengan menyajikan susunan bahasa yang indah dan tepat bagi menggambarkan sesuatu dengan lebih jelas dan terperinci. Menurut pada pandangan Nurgiyantoro (1995) novel merupakan karya sastera yang diciptakan hasil imaginasi dan penghayatan pengarang terhadap masyarakat. Malah novel merupakan karya yang bebas dan melibatkan permasalahan konflik.

Tambahan pula, novel terdiri daripada fiksyen dan bukan fiksyen. Fiksyen ialah berdasarkan kepada khayalan dan imaginasi penulis manakala bukan fiksyen ialah penulisan yang berbentuk fakta, peristiwa dan manusia. Secara amnya, dapat disimpulkan bahawa karya yang berbentuk fiksyen adalah sesuatu yang tidak benar dan

tidak nyata hanya sekadar imaginasi seorang pengarang. Sebaliknya bukan fiksi adalah sebuah karya yang berkisahakan fakta. Selain itu, novel turut mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri jika ingin dibandingkan dengan karya sastra yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, jumlah kata pada umumnya terdiri daripada 35.000 kata (400 halaman). Dan juga alur cerita di dalam novel agar konflik dan disertai pelbagai emosi.

Gaya merupakan pemilihan dan penggunaan kata (diksi), penyusunan kata-kata, irama, pengulangan dan lain-lain. Sebahagian daripada kata-kata tersebut bersifat konotatif iaitu mempunyai makna tersirat dan tersurat. Menurut Halliday dan Ruqaiya (1989) bahasa merupakan sistem tanda dan lambang dalam sesebuah masyarakat dalam interaksi antara satu sama lain. Oleh itu, bahasa merupakan sistem lambang bunyi yang digunakan oleh sesuatu masyarakat untuk berinteraksi. Malah menurut Goys Keraf (1987) menyatakan bahasa merupakan sebuah alat komunikasi antara anggota masyarakat. Untuk lebih difahami, bahasa adalah sebuah alat yang digunakan bagi menyampaikan idea atau cara berkomunikasi dengan orang lain. Gaya bahasa menurut pandangan Keris Mas (1990) cara atau ragam bahasa yang dipakai khususnya dalam tulisan. Penggunaan bahasa mempunyai pelbagai jenis dan mempunyai gaya yang tertentu. Manakala Za'ba (1965) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susukbahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang. Malah beliau turut menjelaskan bahawa gaya bahasa merupakan identiti kepada ciri-ciri keperibadian seorang penulis.

Namun begitu, menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) secara umumnya menjelaskan gaya bahasa yang pelbagai terdapat dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif iaitu boleh dikelompokkan. Terdapat lima jenis gaya bahasa, gaya bahasa perbandingan, pertentangan, pernyirnaan dan pertautan. Penggunaan gaya bahasa di dalam novel agar berbeza jika dibandingkan dengan prosa tradisional. Hal ini kerana, di dalam prosa tradisional terikat dari segi bentuk format dan identiti yang tersendiri.

Sebagai contoh adalah pantun, pantun mempunyai rima yang sama iaitu 'a, a' ataupun 'a, b, a, b' dan pantun terbahagi kepada pembayang dan juga maksud. Berbeza pula, dengan novel yang bersifat bebas dan tidak terikat dengan mana-mana format yang signifikan. Menurut *Kamus Dewan* (2009) gaya bahasa adalah cara pemakaian bahasa. Malah gaya bahasa turut terdiri daripada pelbagai jenis seperti hiperbola, simile, metafora, sinkof, anafora, paradoks dan lain- lain. Penggunaan gaya bahasa sering digunakan dalam karya-karya sastera yang berbentuk novel, sajak dan seangkatannya. Manakala menurut Robert P. Wareen dan Cleanth Brooks (1998) menyatakan gaya merujuk kepada pemilihan dan penyusunan bahasa penulis.

Teknik penulisan atau teknik penceritaan adalah satu tatacara atau pendekatan yang membantu pengarang dalam membina ceritanya. Selain itu, teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera adalah cerminan dari segi legasi pemikiran dan keperibadian seseorang penulis dalam mengungkapkan tema, persoalan, dan langgam bahasa yang dihasilkan oleh penulis bagi meletakkan diri mereka dalam kategori tertentu. Menurut Rosni Samah (2014) kunci takrif kesusasteraan bandingan adalah kajian secara sistematik yang bermaksud bandingan ciri-ciri yang terdapat dalam berbagai-bagai aspek sastera, misalnya diksi, gaya bahasa, tema, jalan cerita, plot, perwatakan, latar, masa dan huraian. Teknik penulisan adalah kaedah atau cara pengarang mempersembahkan ceritanya.

Teknik penulisan merupakan perkara penting dalam penulisan kreatif. Setiap karya mempunyai teknik tertentu yang berbeza-beza mengikut kategori masing-masing. Antara contoh teknik penulisan adalah terdiri daripada dialog, suspens, monolog, imbas kembali, monolog dalaman, imbas muka dan sebagainya. Kajian yang ingin dilaksanakan adalah untuk mengkaji gaya bahasa dan teknik penulisan pengarang dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Dalam karya ini, terdapat pelbagai gaya bahasa yang telah disajikan oleh penulis novel *Magis* seperti metafora, hiperbola,

personifikasi, simile, repetisi, ironi, sinkope, diksi, paradoks, anafora, aliterasi dan asonansi. Manakala dari segi teknik penulisan, pengarang Ramlee Awang Murshid telah menggunakan imbas kembali, imbas muka, monolog, monolog dalaman, suspens, pemerian, dialog dan konflik. Pengarang Ramlee Awang Murshid yang merupakan seorang penulis yang terkenal sering bermain dengan prosa kata di dalam karya beliau tidak asing lagi dalam dunia penulisan fiksi. Antara hasil nukilan beliau seperti novel *Tombiruo*, *Laksamana Sunan*, *Hijab Sang Pencinta* dan lain-lain.

Kajian Stilistik adalah ilmu yang mengkaji tentang teknik penggunaan sesuatu bahasa dalam penulisan yang berkaitan dengan disiplin linguistik. Stilistik juga mencakupi stail dan gaya yang dihubungkan dengan pemakaian bahasa sebagai wahana pengucapan. Stilistik turut memfokuskan aspek kebahasaan yang membentuk ilmu gaya iaitu gaya sastera dan gaya bukan sastera. Dalam konteks yang lain, ilmu stilistik merupakan ilmu linguistik yang diperluas dalam bidang sastera dengan menekankan kajian tentang bahasa. (Izwandy Asri, 2014). Selain itu, menurut Keris Mas (1988) stilistik ialah kajian stail yang mengkaji segala kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai dan mendapat kefahaman sebenar mengenai sesebuah teks kesusasteraan. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan teori Stilistik dengan mengukuhkan analisis dan kajian yang berkaitan dengan gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penelitian Teori Stilistik. Kaedah penyelidikan yang diaplikasikan ke dalam kajian ini adalah senarai semak yang digunakan untuk mengenalpasti dan menganalisis maklumat berdasarkan kepada prinsip-prinsip teori Stilistik. Teori stilistik adalah merupakan teori yang khusus untuk menyentuh wacana bahasa yang terdapat di dalam karya sastera dengan melalui metodologi bahasa.

Menurut za'ba (2016) stilistik ialah suatu kajian mengenai teknik penggunaan gaya bahasa yang mantap secara berkesan di dalam sesuatu penulisan. Pendekatan stilistik adalah mengutamakan dan mengkhususkan kepada aplikasi bahasa kerana daripada pembahasaan dan juga gaya bahasa yang menjadi komponen penting dalam struktur penghasilan sebuah karya sastera. Menurut Mana Sikana (2009) penerokaan ilmu stilistik dalam kajian karya sastera sememangnya mampu membantu menvariasikan disiplin kritikan sastera supaya menjadi lebih mantap, beraneka ragam serta tahap penghayatan karya sastera itu dapat diangkat keunggulannya.

Kajian stilistik dibahagikan kepada dua perkara, yang pertama kajian mengenai kelainan bahasa yang mengandungi bentuk gaya bahasa pengulangan, penyirnaan, perbandingan, tautan dan tentangan. Peribahasa, sindiran dan gaya retorik juga termasuk sebagai kelainan bahasa. Antara ciri kedua adalah pemakaian bahasa termasuklah segala yang ternyata dalam linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Secara umumnya, teori stilistik dalam kajian bahasa boleh dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian yang utama tadi boleh dipecahkan kepada beberapa bahagian. Ciri-ciri yang boleh dilihat dalam gaya bahasa perbandingan adalah seperti imejan, metafora, personifikasi dan simile. Ciri bagi gaya bahasa pertentangan adalah seperti hiperbola, inversi dan paradoks. Sementara itu, gaya perulangan pula adalah merangkumi aliterasi, anafora, asonansi, epifora, rima dan sinkof. Akhir sekali, gaya bahasa penyirnaan yang terdapat satu ciri sahaja iaitu sinkof. Kesemua jenis gaya bahasa ini mempunyai ciri-ciri yang membezakan antaranya.

Kesimpulannya, bidang stilistik terkandung di dalam ciri-ciri linguistik yang berbeza yang berlaku dalam kelompok sosial. Stilistik mempunyai gaya bahasa yang tersendiri bagi mengklasifikasikan sesuatu ayat, klausa, perkataan dan rangkap-rangkap di dalam teks komsas. Sungguhpun takrifannya hampir sama, namun ianya dibezakan dengan ciri-ciri yang tersendiri.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Antara permasalahan yang didapati oleh pengkaji dalam kajian ini melalui pemerhatian terhadap sorotan kajian yang lepas oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Hal ini berkaitan dengan kajian gaya bahasa yang dan teknik penulisan dalam prosa moden atau prosa tradisional. Pengkaji telah melihat kajian lepas oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu dari aspek pengkajian terhadap gaya bahasa, pengkajian terhadap teknik penulisan dan pengkajian terhadap teori Stilistik. Terdapat beberapa kajian yang telah diteliti dan diperhatikan oleh pengkaji seperti *kajian Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung* oleh Mohammad Yazid Bin Kerya, Fatahiyah Binti Mohd Ishak dan Wan Roslina Binti Wan Ismail (2015), *Gaya Bahasa Dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip* oleh Mohd Azhar Su (2005), *Jenis Dan Fungsi Gaya Bahasa Kiasan Dalam Lirik Lagu Ciptaan Naif Dan Payung Teduh* oleh Anastasia Tita Pratiwi (2018), *Tinjauan Stilistik Pada Kumpulan Puisi Yang Dikarang Oleh M An Mansyur* oleh Laila M. P (2016), *Metafora Kata Nama Dan Sifat Dalam Cerpen Bahasa Mandarin* oleh Lau Yoke Lian (2009), *Gaya Bahasa Perbilang Adat Perpatih* oleh Norhayati Idris (1999), *Aspek Kala Dalam Gaya Bahasa Nafi Dalam Juz'amma* oleh Ahmad Bin Wan Abd Rahman (2015), *Penggunaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Bidang Kajian: Linguistik* oleh Ann Muhammady (2014).

Menyentuh tentang pernyataan masalah, pengkaji mendapati terdapat kelompongan dalam kajian melalui pengamatan awal terhadap kajian-kajian sedia ada berdasarkan sorotan kajian lepas. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian mengenai gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid belum diberikan pemerhatian secara khusus dan mendalam oleh para pengkaji, untuk dijadikan satu kajian yang berbentuk ilmiah. Hal ini secara tidak langsung tiada rujukan

yang boleh diambil oleh pelajar untuk dijadikan panduan. Oleh itu, menyebabkan kurang pengetahuan terhadap aspek gaya bahasa dalam karya-karya sastera terutamanya novel. Kedua, penggunaan bahasa yang digunakan oleh Ramlee Awang Murshid terlalu berat bagi pelajar sekolah rendah dan menengah. Hal ini kerana, bahasa yang digunakan terlampau tinggi sehingga sukar untuk difahami. Bagi seorang pelajar sekolah rendah, penggunaan bahasa yang terlalu susah untuk dijadikan bacaan akan menerbitkan rasa kebosanan terhadap novel tersebut. Oleh itu, kajian penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk dijadikan kajian yang berilmiah.

1.3 Persoalan Kajian

Pengkaji juga turut nyatakan beberapa persoalan kajian dalam kajian ini, yang bertujuan bagi memberikan hasil kajian yang menepati skop kajian. Dan persoalan kajian selaras dengan objektif kajian iaitu:

- 1.3.1 Bagaimanakah penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dalam penelitian Teori Stilistik?
- 1.3.2 Apakah teknik penulisan pengarang Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua persoalan kajian yang akan dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini bertujuan untuk memberikan hasil kajian yang jelas dan menepati isi kajian. Antara objektif kajian yang diperolehi seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dalam penelitian Teori Stilistik.
- 1.4.2 Menganalisis teknik penulisan dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid.

1.5 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan sebuah novel yang berjudul *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Novel *Magis* ini mengandungi 512 halaman bercetak dan diterbitkan oleh Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd. Dalam pada itu, novel *Magis* ini merupakan terbitan pada tahun 2013. Selain itu, novel ini mengisahkan tentang lima watak hero dalam novel-novel Ramlee Awang Murshid dipertemukan dalam satu ruang dimensi '*hujung waktu*'. Sebuah dunia hujung waktu ketika tamadun serta peradapan manusia mulai terhakis, mereka yang terpilih adalah Saifudin (Laksamana Sunan), Ejim (Tombiruo), Mikhail, Ryu-Watanabe dan Carlos malah semua watak ini terheret ke satu relung dimensi ketika berlakunya fenomena Halo. Watak-watak tersebut sebenarnya terdapat pada novel Ramlee Awang Murshid sebelum ini. Mereka berlima merentas masa ke dunia '*hujung waktu*' dan melalui pengalaman yang cukup berbeza, iaitu Saifudin dan Ejim terjebak di Buyuk Rimsiz, Mikhail dan Ryu-Watabe di Buyuk Docia manakala Carlos pula Buyuk Bulsinatur. Di dalam dunia '*hujung waktu*', Saifudin dan Mikhail sering diintai dan diperhatikan oleh seorang perempuan yang menggunkan tongkat dan wajah yang mengerikan. Perempuan ini adalah gambaran dunia itu sendiri, dunia yang manusia sanggup berbunuh antara satu sama lain, sanggup memutuskan hubungan, berhasad dengki, saling marah-memarahi dan tipu-menipu.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas pengkaji menggunakan satu penelitian teori Stilistik. Stilistik ialah kajian yang berkaitan dengan usaha-usaha mendapatkan atau membuktikan ciri-ciri keindahan bahasa yang universal terhadap sesuatu karya sastera. Ciri-ciri keindahan bahasa misalnya berupa rangkap (perulangan) sesuatu bentuk linguistik seperti jenis ayat tertentu, kata tertentu atau bunyi tertentu. Tambahan pula, Stilistik adalah ilmu yang mengkaji teknik pemakaian bahasa dalam penulisan yang berkaitan dengan disiplin linguistik.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa teori Stilistik memfokuskan aspek kebahasaan yang membentuk ilmu gaya iaitu gaya sastera dan gaya bukan sastera. Hal ini menggambarkan Stilistik ialah suatu kajian mengenai teknik penggunaan gaya bahasa yang mantap serta secara berkesan di dalam sesuatu penulisan dan juga stail yang mengkaji segala kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai dan mendapat kefahaman sebenar mengenai sesebuah teks kesusasteraan. Oleh itu, segala hubungan yang menimbulkan kelainan gaya bahasa dapat memenuhi kriteria ke atas teks-teks sastera Melayu.

Gaya Bahasa dan Teknik Penulisan Dalam Novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid

GAYA BAHASA	TEKNIK PENULISAN
Gaya Bahasa Perbandingan: <ul style="list-style-type: none"> • Metafora • Personifikasi • Simile • Imaja 	Imbas muka
Gaya Bahasa Pertentangan <ul style="list-style-type: none"> • Hiperbola • Inversi • Paradoks 	Imbas kembali
Gaya Bahasa Perulangan <ul style="list-style-type: none"> • Anafora • Aliterasi • Asonansi 	Dialog
Gaya Bahasa Penyirnaan <ul style="list-style-type: none"> • Sinkope 	Monolog
Gaya Bahasa Sindiran <ul style="list-style-type: none"> • Ironi • Sinisme • Sarkasme 	Monolog Dalaman
Diksi <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Bahasa Dalam • Penggunaan Bahasa halus 	Suspens
Bahasa Asing <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Arab • Bahasa Inggeris • Bahasa Jepun • Penggunaan Kata Ganda 	Pemerian
Ayat <ul style="list-style-type: none"> • Ayat Tanya 	
Ayat Perintah <ul style="list-style-type: none"> • Ayat Suruhan • Ayat Silaan • Ayat Permintaan • Ayat Larangan 	

Jadual 1.5: Senarai Gaya Bahasa dan Teknik Penulisan Dalam Novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid

Justifikasi Kajian

Jika diteliti dengan lebih mendalam pemikiran pengarang novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid yang cuba disampaikan kepada pembaca mengenai kesedaran dan perihal dunia akhir zaman. Dunia akhir zaman akan mengalami keruntuhan tamadun Islam. Dalam novel ini juga menekankan aspek persahabatan di antara Enjim dan Saifudin, kekeluargaan di antara Pandolou dan Enjim dan percintaan.

Seterusnya, justifikasi kajian dapat dilihat menerusi watak dan perwatakan yang ditonjolkan dalam novel *Magis*. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak merupakan pendukung atau pelakon yang memainkan peranan bagi menggerakkan atau menghidupkan sesebuah cerita dalam sesebuah karya. Oleh itu, menerusi novel ini, watak Bilal Piut yang mempunyai dua perwatakan dalam dirinya satu sisi perwatakan yang baik dan sisi yang kedua perwatakan yang jahat. Hal ini kerana, Bilal Piut mempunyai mental yang dikenali sebagai split personaliti iaitu dua perwatakan yang berbeza. Secara tidak langsung, pembaca dapat mengetahui sejenis penyakit mental ini secara tidak langsung. Ini menunjukkan pengarang telah berjaya menambahkan ilmu baru kepada pembaca terhadap isu mental.

Selanjutnya, justifikasi kajian berdasarkan novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid menerusi plot yang disajikan. Dapat diperhatikan bagaimana susunan peristiwa yang sedang berlaku, telah berlaku dan akan berlaku. Pengarang telah memberikan gambaran peristiwa yang akan berlaku seperti menggunakan teknik imbas muka, manakala penggunaan teknik imbas kembali merupakan peristiwa yang telah berlaku tetapi sering kali diingat dan dikenang oleh watak. Plot dalam novel ini terdiri daripada permulaan, pertengahan, klimaks, peleraian dan pengakhiran. Di dalam novel tersebut, Enjim teringat semasa usianya 10 tahun dia melihat ayahnya yang sedang membuat

topeng kayu kepadanya bagi menutupi kecacatan muka yang dialami oleh Enjim sejak masuk bayi lagi.

Selain itu, justifikasi kajian dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa yang digunakan dalam novel *Magis* ini. Pengarang dapat menonjolkan bakatnya dari segi kreativiti penulisannya. Penggunaan gaya bahasa amat penting dalam sesebuah karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap gaya bahasa yang dipertunjukkan oleh Ramlee Awang Murshid mengandungi makna tersurat dan tersirat. Gaya bahasa ini merangkumii hiperbola, metafora, personifikasi, anafora, simile, paradoks dan sebagainya.

Justifikasi kajian yang terakhir mengenai ilustrasi. Ilustrasi memainkan peranan penting bagi mempengaruhi pemikiran pembaca untuk menghayati karya tersebut. Disingkapkan di sini ilustrasi pada novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid sangat menarik untuk dihayat kerana ia mempunyai teks yang bersesuaian. Malah terdapat imej gambar pada muka hadapan novel tersebut secara tidak langsung dapat menarik perhatian pembaca.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang ingin dijalankan diharapkan dapat memberi pengetahuan mengenai penggunaan gaya bahasa di dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Selain itu, pengetahuan terhadap teknik penulisan novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Karya-karya sastera bukan sahaja novel tetapi di sini, pengkaji ingin memfokuskan novel dalam kajian ini. Hal ini kerana, ingin memberikan pengetahuan yang khusus kepada setiap masyarakat. Melalui kajian ini juga, pengkaji mengharapkan kepada pengarang novel untuk memperluaskan lagi penggunaan gaya bahasa dan teknik penulisan kerana secara tidak langsung dapat dipelajari oleh individu yang membaca karya tersebut. Contohnya gaya bahasa personifikasi, ialah bahasa kiasan yang dihasilkan dengan memberikan ciri-ciri manusia kepada bukan manusia. Seterusnya adalah gaya bahasa aliterasi, ialah pengulangan bunyi atau huruf pada beberapa perkataan yang berturutan dalam sesuatu baris. Selain itu, gaya bahasa sinkof ialah singkatan perkataan seperti '*tidak*' kepada '*tak*'. Namun begitu, dari sudut disiplin ilmu adalah menambahkan ilmu pengetahuan kepada semua masyarakat secara tidak langsung dapat menarik minat mereka untuk terdedah dengan pelbagai penggunaan gaya bahasa dalam setiap karya-karya sastera. Justeru itu, sumber yang tepat dan benar akan memberikan manfaat kepada setiap orang.

1.7 Definisi Operasional

Bagi menjadikan kajian ini berada dalam landasan yang tepat dan benar pengkaji turut menghimpunkan definisi, istilah dan konsep dalam mengkaji mengenai gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Hal ini bagi memastikan, setiap definisi atau konsep yang diberikan oleh pengkaji menjadikan kajian ini berbentuk relevan.

1.7.1 Novel

Menurut Abrams (2010) sebutan novel berasal dari bahasa Itali iaitu "*novella*" manakala di dalam bahasa Jerman pula adalah "*no-velle*". Secara amnya, keseluruhan "*novella*" membawa maksud sebuah barang yang kecil dan diertikan sebagai cerita pendek yang berbentuk prosa. Selain itu, novel merupakan karya sastera yang diciptakan hasil imaginasi dan penghayatan pengarang terhadap masyarakat (Nurgiyantoro, 1995). Di samping itu, pendapat yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad (1999) mendefinisikan novel sebagai satu bentuk pentafsiran campuran hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka.

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa novel merupakan karya sastera yang berbentuk naratif di mana terdapat kehidupan yang dikisahkan dengan menonjolkan dari segi watak, perwatakan, latar masa, latar tempat dan plot penceritaan. Tambahan pula, novel diciptakan sebagai sebuah alat hiburan untuk masyarakat bagi mengisi waktu lapang. Namun begitu, terdapat juga konsep pengajaran dan tauladan kepada masyarakat kini dengan menonjolkan watak-watak protagonis.

1.7.2 Gaya Bahasa

Gaya bahasa menyentuh kepada stail pengarang mempersembahkan karya melalui wadah bahasa. Kepelbagaian ragam bahasa merangkumi kategori ironi, simile, metafora, sindiran dan kiasan. Menurut Za'ba (1965) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susukbahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang. Malah beliau turut menjelaskan bahawa gaya bahasa merupakan identiti kepada ciri-ciri keperibadian seorang penulis. Selain itu, menurut Keris Mas (1990) gaya bahasa merupakan cara atau ragam bahasa yang dipakai khususnya dalam tulisan. Penggunaan bahasa mempunyai pelbagai jenis dan mempunyai gaya yang tertentu.

Maka, dapat ditakrifkan bahawa gaya bahasa merujuk kepada pemakaian dan penggunaan bahasa dalam karya-karya sastera yang bertulis atau lisan. Penggunaan gaya bahasa akan menjadikan sesebuah karya tersebut indah dan menarik untuk didengari dan dibaca. Seterusnya merujuk kepada istilah gaya adalah pemilihan dan penggunaan kata (diksi), penyusunan kata-kata, irama, pengulangan dan lain-lain. Sebahagian daripada kata-kata tersebut bersifat konotatif iaitu mempunyai makna tersirat di samping tersurat. Namun begitu, bahasa merupakan sistem lambang bunyi yang digunakan oleh sesuatu masyarakat untuk berinteraksi. Oleh itu, gaya bahasa adalah cara penyusunan pengarang bagi menjadikan karya-karyanya sebagai identiti bagi masyarakat Melayu. Hal ini kerana, masyarakat Melayu kaya dengan penggunaan bahasa yang berbentuk puisti seperti kiasan.

1.7.3 Teknik Penulisan

Menurut S. Othman (1985), teknik penulisan dalam novel menentukan sesebuah novel itu dapat membawa kepada persoalan seperti tema, perwatakan, latar, stail dan sebagainya. Oleh itu, kejayaan sesebuah novel bukan bergantung kepada teknik penyampaian tetapi bagaimana cara seseorang pengarang dapat menentukan dan mengatur dialog, monolog, imbas muka dan sebagainya. Selain itu, pada pandangan Shahnnon Ahmad (1989) proses penciptaan karya-karya seni adalah satu kegiatan yang didukung oleh orang-orang yang diberi bakat mencipta, mengeksploitasi bakat tersebut dengan tujuan kemanfaatan dan keindahan bersama.

Oleh hal yang demikian dapat disimpulkan teknik penulisan adalah cara atau kaedah penulis menyampaikan cerita yang sudah dilakarkan dalam bentuk plot. Pelbagai teknik penulisan boleh digunakan seperti teknik monolog, dialog, imbas muka dan sebagainya. Struktur cerita yang baik iaitu pemilihan sudut pandangan yang sesuai, gaya bahasa yang menarik, plot yang kemas dan pemerian watak dan perwatakan yang jelas akan memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kualiti sesebuah novel yang dihasilkan oleh pengarang.

1.7.4 Teori Stilistik

Menurut za'ba (2016) stilistik ialah suatu kajian mengenai teknik penggunaan gaya bahasa yang mantap serta secara berkesan di dalam sesuatu penulisan. Manakala Kamus *Dewan* (2015) mengatakan stilistik adalah kajian tentang teknik penggunaan gaya bahasa secara berkesan di dalam penulisan. Kebiasaannya, ia berkaitan dengan stail atau gaya terutamanya gaya bahasa. Di samping itu menurut Keris Mas (1988) stilistik ialah kajian stail yang mengkaji segala kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai dan mendapat kefahaman sebenar mengenai sesebuah teks kesusasteraan. Segala hubungan yang menimbulkan kelainan gaya bahasa, baik

individu mahupun implikasi lain dan melibatkan lahirnya hasil sastera yang diperhatikan dan diberi saluran kajian khusus. Oleh itu dapat disimpulkan, stilistik merupakan bidang kajian kesusasteraan ilmu yang mengkaji teknik pemakaian bahasa dalam penulisan yang berkaitan dengan disiplin linguistik. Stilistik juga memfokuskan aspek kebahasaan yang membentuk ilmu gaya iaitu gaya sastera dan gaya bukan sastera. Dengan dua cara melihat dan menilai karya kesusasteraan ini pembaca dapat menikmati pendekatan ilmuwan yang dilakukan oleh para akademik bagi merealisasikan hakikat karya kesusasteraan yang merupakan cerminan masyarakat tidak kira gaya mana yang dilaksanakan.



1.8. Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini terdiri daripada lima bab. Setiap bab yang dijalankan oleh pengkaji telah mengikuti kehendak dalam proses penyelidikan dan pelaporan kajian. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan.

Bab Satu

Berdasarkan kepada bab satu, pengkaji turut menghuraikan mengenai Pengenalan, Pernyataan Masalah, Persoalan Kajian, Objektif Kajian, Batasan Kajian, Kepentingan Kajian, Definisi Operasional dan Organisasi Kajian. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan ini menepati format yang betul dan tepat. Pendefinisian operasi seperti menghuraikan maksud yang terperinci mengenai novel dan juga gaya bahasa turut disertakan. Pada bahagian pendahuluan, akan membincangkan mengenai definisi novel dan pandangan tokoh mengenai makna sastera. Selain itu, di dalam pendahuluan juga akan menerangkan makna gaya bahasa dan teknik penulisan dan teori stilistik.

Bab Dua

Seterusnya pada bahagian bab dua, turut mengandungi perihal Pengenalan, Pengkajian terhadap sebuah novel yang telah dipilih iaitu novel *Magis* karya Ramlee Awang, Pengkajian Terhadap Gaya Bahasa dan Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Stilistik. Bab ini memfokuskan mengenai pendekatan yang ingin digunakan dalam menganalisis novel-novel tersebut yang menjadi bahan kajian. Selain itu, pengkaji juga turut membuat penelitian terhadap beberapa kajian-kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan gaya bahasa dan teknik penulisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji.

Bab Tiga

Tambahan pula, dalam bab tiga, pengkaji akan mengemukakan teori dan pendekatan yang telah dipilih mengikut kesesuaian kajian ini. Pengkaji menggunakan Teori Stailistik bagi menjadikan kajian turut dijadikan rujukan oleh para mahasiswa di Universiti.

Bab Empat

Dalam bab empat adalah menganalisis dan membincangkan mengenai gaya bahasa yang terkandung dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Gaya bahasa dalam novel *Magis* ialah metafora, hiperbola, personifikasi, paradoks, anafora, simile, sinkope, diksi. Selain itu menganalisis teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Teknik penulisan dalam novel *Magis* ialah imbas kembali, imbas muka, monolog, monolog dalaman, suspens, pemerian. Dapatan kajian ini telah mengukuhkan lagi kajian ini dengan mengeluarkan gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis*.

Bab Lima

Dalam bab lima ini menerangkan tentang kajian yang membawa kepada implikasi di dalam penyelidikan. Melalui implikasi ini jelas kelihatan bahawa setiap kajian pasti mempunyai masalah tersendiri. Seterusnya tertumpu kepada perbincangan dalam merumuskan dan menyimpulkan kajian yang telah dijalankan ini. Perbincangan ini turut disertai dengan dua objektif kajian. Dengan hadirnya kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pihak.

1.9 Penutup

Kesimpulannya, gaya bahasa yang terdapat di dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid merupakan prosa kata dan susunan bait-bait prosa yang amat luar biasa. Ramlee Awang Murshid pandai bermain dengan prosa kata, susunan kata dan juga penggunaan gaya bahasa di dalam karya-karya beliau. Hal ini dapat dilihat menerusi pencapaian beliau yang pernah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Sastera Negeri Sabah. Selain itu, karya beliau yang berjudul *Tombiruo* telah diangkat menjadi adaptasi filem pada 2017. Setiap pengarang mempunyai identiti yang tersendiri dalam karya-karya yang telah diciptakan begitu juga hasil nukilan Ramlee Awang Murshid yang membawa elemen ketuhanan, kemanusiaan, persahabatan dan kekeluargaan. Penulisan novel fiksyen memerlukan individu yang kreatif dalam penerapan keindahan gaya bahasa sebagai melatih minda golongan pembaca untuk berfikir secara kreatif dan rasional. Berdasarkan kepada kajian ini, melalui pengaplikasian Teori Stilistik dapat memperkukuhkan lagi kajian ini. Pengkaji mengharapakan masyarakat kini perlu mengambil cakna terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh para pengarang. Dengan kepelbagaian gaya bahasa yang diterapkan dalam karya adalah salah satu inisiatif bagi memperkayakan gaya bahasa.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan salah satu bahagian yang perlu dinyatakan pada kajian yang ingin dilaksanakan oleh setiap pengkaji. Hal ini kerana, bagi memperkukuhkan objektif dan membuktikan teori yang digunakan dalam kajian yang dijalankan ini. Di dalam sorotan kajian, pengkaji juga akan mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Gaya Bahasa Dan Teknik Penulisan Dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid Satu: Penelitian Teori Stilistik. Di dalam bab ini, pengkaji akan membataskan perbincangan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian pertama adalah pengkajian terhadap novel di Malaysia, dan yang kedua kajian terhadap gaya bahasa. Yang ketiga kajian terhadap teori Stilistik. Rujukan dan penelitian pada kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh sarjana sastera dan para pengkaji agar menjadikan kajian ini berada pada landasan betul dan benar mengikut piawaian yang ditetapkan. Penelitian terhadap kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan tajuk kajian ini dapat membantu pengkaji memantapkan dan menjayakan kajian ini.

2.2 Kajian Terhadap Novel Di Malaysia

Kajian daripada Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azwan Yaakob (2015) yang bertajuk Teknik Retorik Dalam Novel *Salina* Karya A. Samad Said. Kajian ini memfokuskan tentang penggunaan teknik retorik dalam penulisan yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina* (1961). Keberkesanan penggunaan teknik retorik pada penulisan kreatif adalah salah satu cara komunikasi secara langsung dan tidak langsung di antara pengarang dengan pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, retorik digunakan bagi membantu pengarang menyampaikan idea, pandangan dan juga pendapat bagi menarik perhatian pendengar dan juga pembaca. Di dalam kajian ini telah dibahagikan kepada dua objektif kajian iaitu terdiri daripada menghuraikan teknik retorik yang terdapat pada novel *Salina* karya A. Samad Said. Manakala objektif kedua adalah, menganalisis kekerapan penggunaan teknik retorik dalam novel *Salina* karya A. Samad Said. Tambahan pula, teknik retorik yang digunakan oleh A. Samad Said adalah teknik penceritaan, pemerian, penerangan, pemujukan dan pendedahan pada novel *Salina* (1961).

Kajian yang dijalankan oleh Afirah Binti Osman @ Yusoff (2015), menjalankan kajian yang berjudul Citra Wanita Melayu Penelitian Terhadap Novel *Ranjau Sepanjang Jalan Dan Harga Sebuah Maruah*. Kajian ini menerangkan perihal aspek citra wanita Melayu tradisional yang dijelmakan menerusi watak Jeha dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan watak Cah dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, yang pertama meneliti perkaitan antara watak Jeha dalam karya *Rantau Sepanjang Jalan* dengan watak Cah dalam *Harga Sebuah Maruah* arahan Azizi Haji Abdullah. Objektif kedua adalah melihat perbandingan kedua-dua watak tersebut yang cuba menyampaikan mesej yang cuba diketengahkan. Manakala objektif yang ketiga, memahami nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.

Kajian yang seterusnya adalah daripada Nursham Abdul Aziz dalam kajiannya yang berjudul *Novel- Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajiann Intertekstualiti* (2015). Kajian ini bermatlamat untuk menganalisis pembentukan sebuah cerita dalam novel-novel yang terpilih dengan menggunakan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Menurut Nursham Abdul Aziz, novel adalah suatu bentuk karya kreatif yang mana susunan bahasanya sejajar dengan persoalan-persoalan yang kompleks tentang kehidupan masyarakat di dunia realiti. Melalui kajian ini, dapat dilihat mengenai gambaran kehidupan sebenar manusia merupakan faktor sesebuah karya lebih dekat dengan pembaca. Seterusnya, memudahkan pembaca menghayati karya dengan lebih mudah dan baik. Kajian ini juga memperlihatkan tentang keseluruhan teks novel sama ada karya-karya yang telah dipilih mempunyai persamaan dengan karya-karya yang lain atau mempunyai ketulenannya tersendiri.

Kajian yang telah dijalankan oleh Faziela Abu Bakar, Che Din, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2015) menjalankan kajian yang bertajuk *Unsur Emosi Dalam Novel KOMSAS*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji emosi yang terdapat dalam beberapa novel KOMSAS terpilih. Antara novel KOMSAS yang menjadi pilihan untuk dianalisis dalam kajian ini adalah novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhen Mohd Hanafiah. Kesemua novel KOMSAS terpilih dianalisis dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kualitatif. Berdasarkan kajian ini, teori keperluan Maslow telah digunakan bagi menganalisis unsur emosi yang terdapat dalam novel KOMSAS terpilih. Kesemua novel KOMSAS tersebut banyak memperlihatkan kehidupan remaja pada masa kini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa emosi yang wujud seperti kasih sayang, gembira, rasa bersalah, malu, sedih dan takut. Dalam peringkat umur remaja, emosi membawa pengaruh yang tinggi dalam perjalanan hidup mereka. Oleh itu, Kesemua emosi tersebut perlu dikawal dengan baik supaya golongan remaja tidak terikut dengan tindakan dibawah pengaruh emosi.

Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Fatimah Saidin dan Jamilah Ahmad pada tahun (2015) yang bertajuk Kesan Pembacaan Novel Kepada Remaja Di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk kesan pembacaan novel kepada remaja dengan lambakan novel popular yang semakin meningkat naik di pasaran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian fenomenologi. Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah temubual dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Collaizi. Seramai 10 orang responden dalam kalangan remaja yang merupakan peminat tegar novel popular. Hasil temubual direkodkan menggunakan perakam atau secara atas talian di laman sosial. Hasil kajian mendapati bahawa pembacaan novel popular dalam kalangan pembaca meninggalkan pelbagai kesan samada dalam perkembangan diri mereka dan juga tingkahlaku.

Faziela Abu Bakar @Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) pula menjalankan kajian yang bertajuk Unsur Konflik Dalam Novel Remaja Terpilih. Kajian ini membicarakan perihal konflik remaja yang terdapat pada novel-novel remaja terpilih dan turut menggunakan aspek konflik daripada perspektif teori Humanistik Abraham Maslow. Selain itu, novel-novel remaja turut dikatakan mencetuskan pelbagai kritikan yang positif dan negatif kepada pengiat sastera. Persoalan yang sering timbul di benak fikiran adalah novel-novel remaja dinyatakan tidak memberikan dan memaparkan teladan yang baik kepada pembaca sedangkan novel-novel ini turut memenangi Sayembara Bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung akan menimbulkan keraguan dan kekeliruan jika mengambil dari sudut yang positif. Kajian ini juga menganalisis dua dapatan penting yang menjadi fokus kepada perbincangan ini. Pertama, mengklasifikasikan jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji. Kedua, menganalisis jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji.

Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Binti Samsudin (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Watak Dan Perwatakan Dalam Novel *Sejambak Bakti* Karya Rejab Fi. Kajian ini dijalankan bagi memudahkan pelajar untuk memahami watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* melalui teori Psikoanalisis Sigmund Freud (1923). Novel *Sejambak Bakti* mengisahkan mengenai bagaimana usaha sekumpulan murid dan guru Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dalam membangunkan sebuah koperasi sekolah. Tambahan pula, nilai-nilai murni yang dinyatakan pada novel ini seperti sikap bertanggungjawab, jujur, amanah dalam sesuatu pekerjaan akan menjadikan contoh dan panduan kepada pembaca.

Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati (2016) yang bertajuk Pemikiran Dalam Novel *Sebalik Yamashita* Dan *Percivel*. Kajian ini telah mendapati bahawa aspek pemikiran yang ditonjolkan oleh pengarang adalah pemikiran kolonisme dan imperialisme, kepimpinan, politik dan sejarah. Novel *Sebalik Yamashita* Dan *Percivel* hasil nukilan karya Shaari Isa yang telah diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2015. Pengkaji juga memfokuskan untuk mengenalpasti aspek pemikiran yang diutarakan oleh pengarang khususnya dalam novel yang dipilih dan membincangkan mengenai gambaran masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel yang dipilih.

Kajian yang dijalankan oleh Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaacob (2016), yang berjudul Keanekaragaman Retorik Gaya Trope Dalam Penulisan Novel *Salina*. Kajian ini dijalankan berpandukan kerangka gaya retorik yang dibina oleh Corbett dan Connors berdasarkan teori retorik klasik oleh Aristotle dan beberapa pandangan sarjana retorik lain digunakan untuk menyokong hujag dalam penghuraian data kajian. Selain itu, penganalisisan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Tambahan pula, kajian ini berfokus kepada satu objektif utama iaitu mengenalpasti dan menghuraikan penggunaan retorik gaya trope yang terdapat dalam

novel A. Samad Said iaitu Salina. Hasil dapatan kajian, elemen yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah retorik gaya trope yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novelnya, iaitu gaya metafora, simile, hiperbola, personifikasi, oksimoron dan soalan retorik.

Wahidah Nasution dan Indratmoko Ariwibowo dalam kajian mereka yang bertajuk Kajian Psikoanalisis *Novel Burung Terbang di Kelam Malam* karya Arafat Nur dan kesesuaiannya sebagai Menteri Pembelajaran sastera pada Jenjang SMA di Kota Bandar Aceh (2016). Mengatakan novel ialah suatu alat pengajaran bagi memberi nasihat dan motivasi kepada pelajar khususnya pelajar yang berada di sekolah menengah sebagai pendedahan awal mengenai realiti masyarakat yang berlaku di luar pemikiran atau di luar kelompok masyarakat mereka. Artikel ini menggunakan teori psikoanalisis dalam mengkaji watak dan kesesuaian novel bagi pelajaran di sekolah menengah. Hasil daripada keseluruhan kajian ini mendapati bahawa watak-watak yang terdapat dalam novel adalah bersifat mudah dipengaruhi dan terikut-ikut dengan persekitaran. Namun begitu, novel dipilih bagi kajian ini adalah bersesuaian bagi pengajaran di sekolah-sekolah menengah. Menerusi penelitian keseluruhan kajian ini dapat dilihat bahawa karya-karya novel sering dikaji bagi memastikan karya-karya itu sesuai bagi pembacaan umum.

Kajian Noraini Ibrahim dan Ani Omar dalam sebuah artikel yang ditulis oleh mereka yang bertajuk Analisis Pengarang Dalam Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Bin Talip (2017). Kajian ini telah menggunakan Teori Sistem Bersepadu 4K yang diteraskan oleh Mohd Yusof Hasan. Artikel ini adalah berkisahkan kajian mengenai novel bercirikan kepahlawanan dan mengkaji aspek pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifkan. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa kajian novel tidak semata berdasarkan kajian watak sahaja malah ia juga dapat melihat sisi yang ingin ditunjukkan oleh pengarang melalui karya mereka.

Selain itu kajian daripada Azman Ismail (2018) yang bertajuk Novel-Novel Shahnnon Ahmad Dalam Perspektif Etnografi Semantik. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kedudukan novel-novel Shahnnon Ahmad sebagai karya budaya masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan pengetahuan dan sistem sosial masyarakat. Antara novel yang menjadi tumpuan kepada kajian ini adalah seperti *Kemelut* (1977), *Cerita-Cerita Lain* (1996), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Srengenge* (1974), *Rentong* (1965), *Rantau Sepanjang Jalan* (1966) *Tunggul-Tunggul Gerigis* (1989) dan *Patriarch* (1991). Kesemua novel ini berfungsi sebagai medium untuk memahami perilaku budaya masyarakat. Malah novel-novel tersebut dapat difahami dari perspektif teori etnografi semantik Goodenough (1957).

Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Chen Nan Fei dan Mawar Safei yang berjudul *Cinta: Komunikasi Emosi Wanita Dalam Novel China Dan Melayu* (2017). Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat cinta sebagai wadah komunikasi emosi wanita dalam novel dua orang pengkarya iaitu Eileen Chan dan Zaharah Nawawi. Kedua-dua pengkarya ini mengetengahkan tema wanita dalam setiap penulisan novel mereka. Mereka menjadikan wanita sebagai watak utama dalam penulisan novel kerana permasalahan yang berlaku dalam dunia kaum wanita sering menjadi tema dalam penulisan tersebut. Antara novel yang digunakan untuk dianalisis dalam kajian ini adalah novel *Love in a Fallen City* oleh Eileen Chang dan *Jalur Sinar di Celah Daun* oleh Zaharah Nawawi. Kajian ini menggunakan kerangka teori Tiga Segi Cinta yang diasaskan oleh Robert J. Sternberg. Berdasarkan kajian ini, fokus utama yang diberi penekanan adalah terhadap dalam novel kajian terpilih. Taksonomi Cinta mempunyai tiga bahagian iaitu keintiman, nafsu dan keputusan atau komitmen. Hasil kajian mendapati bahawa rasa kesedihan yang dialami oleh Eileen Chang memberi kesan kepada emosinya dan meninggalkan impak yang tinggi dalam penulisan novelnya. Manakala novel Zaharah Nawawi melalui penulisannya dalam *Jalur Sinar di Celah Daun*

membuktikan pengaruh agama Islam mendidik wanita untuk menjadi isteri sempurna dalam sesebuah perkahwinan.

Menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid pada tahun (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk Emosi Takut Dalam *Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis emosi takut yang zaharah Nawawi. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua buah teori iaitu Teori Rasa Fenomologi oleh Sohaimi Abdul Aziz dan Teori Psikoanalisis yang diasaskan oleh Freud bagi menganalisis emosi takut dalam novel terpilih. Emosi takut merupakan sesuatu emosi tidak rasional dan berlebihan yang menjadikan seseorang bertindak secara berhati-hati serta mempunyai sifat was-was. Oleh itu, hasil daripada analisis yang telah dilakukan daripada karya Zaharah Nawawi tersebut mendapati bahawa emosi takut dapat dirasai oleh para pembaca karya Zaharah Nawawi. Emosi takut yang dimaksudkan tergolong dalam kelompok penderaan fizikal, mental dan emosi yang menjadikan kemurungan kepada diri seseorang. Namun begitu, emosi takut yang terkumpul akan berkumpul menjadi sesuatu keberanian kepada diri seseorang untuk menentang perasaan takut tersebut.

Che Abdullah Che Ya (2018) menjalankan kajian yang bertajuk Manifestari Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam *Bedar Sukma Bisu* Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu (2018). Pengkaji menyatakan bahawa semasa membuat penelitian terhadap novel tersebut, pengarang telah mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam iaitu sebagai sumber ekonomi dan sumber inspirasi. *Bedar Sukma Bisu* merupakan hasil karya Faisal Tehrani dan telah diterbitkan pada tahun 2007. Selain itu novel ini turut memenangi hadiah utama Sayembara Mengarang Sempena Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB). Pengkaji juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang dalam mengaplikasikan kerangka kajian ini.

Sorotan kajian yang seterusnya telah dilaksanakan oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) yang bertajuk *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah yang diterbitkan pada tahun 1993 yang mengisahkan tentang dua watak utama yang terdiri daripada Suriati dan Anuar yang mengalami ketandusan kasih sayang daripada ibu bapanya. Selain itu, pengkaji menggunakan Pendekatan Dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu hal ini kerana penulisan novel tersebut membawa aspek keagamaan dan dakwah bagi mencorakkan kehidupan manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan keburukan pada novel tersebut melalui tema dan jalan penceritaan.

Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muahamad Affendi (2019) yang bertajuk *Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains Dan Teknologi Dari Tahun 2012 Sehingga 2017*. Kajian ini menggunakan lima buah novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi iaitu dari karya Nor Azida Ishak, Fadli al-Akiti dan Ted Mahsun yang bertajuk *Yang Diselindung Samudera* (2017), Bekamorfosis (2012) hasil karya daripada Jali Kenoi, *Puranakila* (2015) karya Saadiah Ibrahim, *Petaka Bakteria* (2012) karya Mohd Kasim Mahmud dan karya Ruhaini Matdarin yang bertajuk *Ajal* (2015). Selain itu, kajian yang dilaksanakan berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji tentang pendapat sarjana sastera yang mendakwa novel-novel fiksyen sains yang terhasil daripada Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi yang tidak memaparkan unsur keindahan bahasa kepada pembaca. Tambahan pula, objektif pada kajian ini adalah terdiri daripada mengklasifikasikan dan menganalisis unsur estetika bahasa iaitu penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam novel-novel kajian.

Kajian yang dirujuk seterusnya ialah melalui kajian yang dilakukan oleh Wan Nor Hawiah Wan Dollah yang berjudul *Konflik dalam Novel Ayahku: Satu Analisis Pendekatan Kemasyarakatan* (2018). Penggunaan teori yang digunakan untuk

menganalisis aspek konflik politik, konflik sosial, konflik agama, konflik budaya dan konflik ekonomi seperti yang digambarkan dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai panduan untuk melaksanakan penyelidikan. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pendekatan kemasyarakatan amat sesuai terhadap aspek yang dikaji.

Kajian yang dijalankan oleh Maznida Mahadi dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2018) menjalankan kajian yang bertajuk Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Dalam Novel *Penyeberang Sempadan Dengan Kafka on the Shore*. Novel *Penyeberang* merupakan karya Anuar Ridhwan dan novel *Kafka on the Shore* adalah karya Haruki Murakami mengandungi unsur psikologi terhadap emosi lelaki secara bandingan. Kajian ini telah memilih Teori Kecerdasan Emosi yang diasaskan Goleman bagi menganalisis novel terpilih. Watak lelaki yang dipilih terdiri daripada watak protagonis yang mempunyai bentuk-bentuk emosi yang telah disenaraikan oleh Goleman. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk-bentuk emosi daripada kedua-dua buah novel terpilih mempunyai persamaan dalam keseimbangan emosi sedih. Emosi sedih yang wujud dalam watak lelaki menunjukkan bahawa mereka mempunyai sentiviti dan kelembutan hati. Emosi sedih pada watak lelaki dalam kedua-dua novel terpilih banyak dipengaruhi oleh faktor yang sama iaitu berpunca dari masalah keluarga dan konflik jiwa.

Seterusnya penelitian terhadap kajian Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019) yang bertajuk Unsur Sains Dan Sastera Dalam Novel Remaja Terpilih. Kajian ini dijalankan bagi membuat pemerhatian dan pengamatan pengkaji berdasarkan pandangan sarjana sastera yang mengatakan novel-novel remaja yang berunsur sains dan teknologi tidak mengetengahkan fakta sains malah turut mengabaikan perihal nilai sastera pada jalan cerita, tema dan juga persoalan kepada novel-novel remaja. Tambahan pula, kajian ini adalah bagi membuka minda setiap

masyarakat yang menganggap kewujudan novel sains ini bersifat negatif secara tidak langsung menerima secara terbuka. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap individu berhak untuk berkarya mengikut cara yang tersendiri tanpa meniru pengkarya-pengkarya yang lain.

Sorotan seterusnya adalah pada kajian Nadia Binti Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) yang bertajuk Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel *Ayahanda*. Kajian ini menfokuskan perihal bagi mendidik anak-anak bangsa, malah kajian ini juga menganalisis pendidikan yang berasaskan al-Quran yang berupaya bagi mendidik dan membimbing generasi akan datang. Tambahan pula, kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa pendidikan anak-anak oleh Luqman al-Hakim menepati kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam dalam mendidik dan membimbing perilaku keperibadian mereka. Pengkaji telah mengambil hasil nukilan karya penulis kelahiran Kedah iaitu Azizi Haji Abdullah novel *Ayahanda* (1997) dan turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nadia Ishak (2019) berkaitan aspek dakwah dalam novel *Suriati* berdasarkan pendekatan dakwah teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyebarkan ajaran agama Islam serta untuk meningkatkan ketakwaan terhadap jalan Allah SWT. Malah pergolakan dan konflik yang berlaku dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian ini memberikan kekuatan pendekatan dakwah bagi mencorakkan kehidupan manusia menuju kearah kebaikan. Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Nadia Ishak (2019) ini dapat menyimpulkan bahawa penerapan ini banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat melalui penerapan dakwah menerusi teori Pengkaedahan Melayu.

Berdasarkan kajian daripada Hazwany et. al (2019), menerusi kajiannya yang bertajuk *Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Damia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu*. Menjelaskan cabang suatu keindahan dilihat dari aspek estetika dalamnya dalam erti kata lain melibatkan pemikiran yang merujuk kepada idea asal beserta tema keseluruhan dan mesej tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak umum. Kepakaran dan kreativiti pemikiran pengarang yang diukur oleh Teori Estetika Bersepadu (2009) dalam menyentuh aspek keindahan dalaman dan luaran. Keindahan di sebalik gaya bahasa dapat dirasi dengan penerapan beberapa unsur alam yang dikaitkan dengan tema dan persoalan berteraskan kepada nilai kemanusiaan. Penggunaan tema dan persoalan berteraskan kepada nilai kemanusiaan. Penggunaan tema dan persoalan yang bersifat positif serta penerapan nilai moral berasaskan kepada unsur keagamaan dan menggambarkan karya novel menepati ciri estetika bersepadu.

Siti Norashikin Binti Mohd Khalidi (2019) menjalankan kajian yang berjudul *Bahasa Figuratif Dalam Novel Anwar Ridhwan*. Kajian ini memberi fokus terhadap penggunaan bahasa figuratif dalam karya kreatif, yang mempunyai fungsi penting sama ada kepada pengarang dan juga pembaca. Selain itu, kaedah analisis yang digunakan bagi meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Malah pengkaji menganalisis data kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif. Tambahan pula, kajian ini berfokuskan kepada tiga objektif utama, iaitu mengenalpasti jenis bahasa figuratif, menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif. Objektif terakhir adalah menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Data kajian ini diperoleh daripada menganalisis tiga buah novel yang Anwar Ridhwan yang bertajuk *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Naratif Ogonshoto* (2001), dan *Penyeberang Sempadan* (2012). Kajian ini dijalankan berpandukan teori pragmatik, iaitu Teori Relevans yang diasaskan Dan Sperber dan Deirde Wilson pada tahun (1986). Hasil dapatan yang menfokuskan kepada lima jenis bahasa figuratif, iaitu personifikasi, simile, metafora, hiperbola dan alusi menemukan sebanyak 300 data bahasa figuratif.

Selain itu, dari sudut makna tersurat dan makna tersirat bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan pula menunjukkan bahawa Teori Relevans berjaya merungkaikan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang dan seterusnya dapat difahami oleh pembaca. Seterusnya, analisis dari sudut fungsi bahasa figuratif mendapati bahasa figuratif adalah bertujuan untuk menjelaskan, memperkuat dan menghidupkan objek mati tentang sesuatu keadaan yang sedang berlaku dalam novel yang dikaji.

Kajian yang seterusnya tertumpu kepada kajian yang dilaksanakan oleh Husna (2020) yang berjudul Keberanian dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob menerusi Novel Empangan Tunggal yang menyatakan bakat keberanian dalam diri pengarang mempengaruhi penghasilan karya. kesan keindahan dapat dirasi berdasarkan kepada dua elemen penting iaitu keberanian dan proses kreatif. Keupayaan pengarang dalam penggunaan bahasa mendorong keindahan yang dapat diamati diikuti pengalaman estetik yang lahir ke atas diri pembaca. nilai estetika di sini bukan sahaja diukur dari gaya bahasa dalam kritikan yang dilontarkan, tetapi kepakaran pengkarya dalam memurnikan penulisan kreatifnya.

Nur Suhaila Binti Shahrman (2020) dalam kajiannya yang berjudul Demoralisa Dalam Novel Hotel K Karya Kathryn Bonella: Satu Kajian Psikologi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat jenis-jenis keruntuhan moral yang dilakukan oleh para pesalah dan melihat aspek psikologi yang mempengaruhi mereka melakukan perbuatan demoralisasi. Analisis mengenai jenis-jenis keruntuhan moral yang telah dilakukan oleh para pesalah dilihat dengan teliti dan mengaitkannya dari sudut psikologi manusia. Teori psikoanalisis digunakan kerana ia bertepatan dengan tujuan kajian dalam melihat punca sebenar kejadian demoralisasi terhadap manusia. Terdapat empat jenis perbuatan demoralisasi yang berlaku terhadap para pesalah dalam novel Hotel K ini. Secara keseluruhannya, perbuatan-perbuatan demoralisasi ini sememangnya mempunyai

hubungan rapat dengan pengaruh psikologi dan faktor psikologi persekitaran para pesalah.

Kajian yang bertajuk Keberanian Dan Proses Kreatif Dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel *Empangan Tugal* oleh Nurul Husna Mat Nor (2020) adalah bertujuan untuk mengenalpasti nilai keberanian yang terdapat dalam novel *Empangan Tugal*, mengenalpasti proses kreatif yang digunakan oleh pengarang Osman Ayob dalam novel *Empangan Tugal* dan menghubungkan nilai keberanian dengan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob. Selain itu, kajian ini juga menggunakan Teori Rasa-Femenologi oleh Abdul Aziz. Berdasarkan kepada teori ini, pengalaman estetik adalah sebuah pengalaman yang dialami apabila berlakunya proses serentak di dalam minda.

Maryam Nabilah Alias & Nurul Jamilah Rosly (2020) kajiannya yang bertajuk Analisis Deiksis Dalam Novel *9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik* memperihalkan mengenai penggunaan deiksis pada novel tersebut. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Pragmatik Levinson (1983) dan pragmatik merupakan ilmu bahasa yang mempelajari dalam konteks dan hubungan bahasa. Seterusnya Yule (2006) menjelaskan bahawa pragmatik adalah ilmu tentang penafsiran makna yang disampaikan dari penutir kepada pendengar ataupun pembaca. Kajian ini memfokuskan kepada aspek mengenalpasti jenis-jenis deiksis yang terdapat dalam novel *9 Nyawa* dan menganalisis penggunaan jenis-jenis deiksis dalam novel *9 Nyawa* secara terperinci melalui watak utama dalam novel tersebut dan dari aspek dialog.

Srikandi Saemah Samoan & Mary Fatimah Subet (2020) pula mengkaji tentang Perwatakan Dalam Novel Komsas "*Di Sebalik Dinara*": Analisis Teori Releven. Kajian ini membincangkan mengenai perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor dan juga pengaplikasian Pendekatan Teori Releven. Malah watak dan perwatakan

yang dinyatakan dalam novel tersebut akan dianalisis dengan menggunakan analisis Teori Relevan bagi memudahkan pembaca dapat memahami keperibadian watak dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

Selain itu kajian yang didapati daripada Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae (2020) yang mengkaji tentang Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti keunggulan kepengarangan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dengan menggunakan teori Teksdealisme iaitu melalui empat prinsip terdiri daripada kehadiran, pengukuhan, keindividualan dan pelanggaran. Malahan hanya terdapat tiga objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji yang pertama adalah mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui teori Teksdealisme. Seterusnya bagi objektif yang kedua adalah, menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan menggunakan teori Teksdealisme. Dan yang terakhir adalah mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan teori Teksdealisme.

Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2020) pula mengkaji tentang "Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel *Sangkar Karya* Samsiah Mohd. Nor. Kajian ini membincangkan mengenai mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal. Malah melalui pendekatan ini pengkaji akan menghuraikan dan menganalisis mengenai jenis leksikal terdiri daripada sinonim, homofon, homograf, antonim, metonim, meronim, polisim dan hiponim. Objektif kajian ini terdiri daripada mengenal dan menganalisis kekerapan penggunaan semantic leksikal yang lazimnya digunakan dalam novel *Sangkar* oleh Samsiah Mohd. Nor. Selain itu, objektif kedua terdiri daripada membincangkan semantik leksikal dari aspek pemerian dan hubungan makna yang terdapat pada novel tersebut.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Norsuhaida Ismail (2020) menjalankan kajian yang berjudul Aspek Perundangan Islam Dalam Novel Nisah Haron. Kajian ini adalah untuk melihat aspek perundangan Islam yang terdapat dalam karya sastera moden iaitu novel Melayu. Kajian ini dijalankan kerana belum ada kajian yang secara serius memanfaatkan karya-karya sastera moden terutamanya novel-novel Melayu yang meneliti aspek perundangan Islam. Lantaran daripada itu, pengkaji telah memilih dua buah novel Melayu moden, iaitu novel *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika* karya Nisah Haron bagi menganalisis aspek perundangan Islam yang dikaji. Menurut pengkaji, pemilihan novel daripada Nisah Haron kerana, penulis ini telah menitikberatkan aspek perundangan dalam karya sastera. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pandangan tokoh-tokoh sarjana Islam untuk dijadikan sebagai kerangka analisis yang mengiktiraf aspek-aspek perundangan sebagai dokumen kebudayaan masyarakat yang sah dan berautoriti.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah menjalankan kajian yang berjudul Faktor Dan Kesan Murtab Masyarakat Melayi Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. Kajian ini mendasari tentang konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah dalam novel Tuhan Manusia karya Faisal Tehrani (2017). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang murtad. Selain itu, kajian ini telah menggunakan teori Takmilah sebagai deduktif kajian dengan menggunakan prinsip-prinsip Islam, ilmu dengan sastera, Islam bersifat Akmal, khalayak yang bersifat Kamil sebagai sokongan kepada analisis kajian agar lebih tepat dan sistematik. Hasil dapatan kajian, dapat memberi kefahaman kepada khalayak bahawa melalui sastera juga dakwah dapat disampaikan dengan kreatif dan berkesan kepada pembaca.

Arif Mohamad dan Norhayati Ab Rahman (2017) dalam jurnalnya yang bertajuk Dimensi Politik Secara Metafora Melayu Dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*. Kajian ini menganalisis ungkapan-ungkapan yang terdapat di dalam teks karya iaitu novel hasil karya Ishak Haji Muhammad yang berjudul *Anak Mat Lela Gila*. Pandangan daripada Hasan Ahmad dijadikan sebagai panduan, pandangan yang dinamakan sebagai metafora Melayu dan turut dikaitkan dengan pandangan paradigm semiotik. Kajian ini menunjukkan bagaimana seorang pengarang Melayu dapat mengaitkan pemikiran mereka mengenai persoalan politik mendatang secara perlambangan ataupun metafora. Analisis secara tekstual dan kontekstual telah digunakan untuk mengaitkan dimensi politik secara perlambangan yang terdapat di dalam novel ini. Hasil daripada kajian ini dapat menyerlahkan lagi keistimewaan bangsa Melayu di mana ia mempunyai cara-cara yang tersendiri dengan menggunakan kiasa, perlambangan dan metafora untuk menyingkap persoalan-persoalan yang melibatkan politik.

Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina Binti Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussein dan Mohd Taufik Arridzo Bin Mohd Balwi (2020) telah menjalankan kajian yang berjudul Pertentangan Nilai Islam Dalam Novel Tivi Menurut Al-Ghazali. Kajian ini dilaksanakan bagi memahami faktor krisis akhlak yang dilakukan amat bertentangan dengan ajaran Islam dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah (2017) oleh Imam Al-Ghazali dari sudut perspektif al-Quran dan al-hadis. Kajian ini telah menggariskan kepada tiga objektif utama iaitu, mengenalpasti isu keruntuhan akhlak dalam novel Tivi (1995) karya Shahnnon Ahmad. Objektif kedua adalah menganalisis isu keruntuhan akhlak menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah oleh Imam Al-Ghazali. Dan objektif terakhir adalah merumuskan kesan keruntuhan akhlak yang terdapat dalam novel Tivi (1995). Penetapan objektif ini terhasil daripada penelitian terhadap kesan penyalahgunaan teknologi yang telah mengakibatkan berlakunya pertentangan nilai akhlak Islam dalam masyarakat Islam.

Seterusnya, penelitian yang dilakukan oleh Sara Beden & Nur Haifa Rosle (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Penenun Cinta: Analisis sisi Pengkaedahan Melayu* bagi menyampaikan mesej keagamaan, moral dan akhlak. Selain itu, pengkaji turut menganalisis dan merungkai aspek-aspek mesej keagamaan yang terdapat pada novel *Penenun Cinta* dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) iaitu dari sudut tema, watak perwatakan, peristiwa penting dan latar tempat. Teks *Penenun Cinta* merupakan hasil karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi yang diterbitkan pada tahun 2013. Pengkaji memilih novel tersebut kerana, *Penenun Cinta* merupakan sebuah karya yang mengetengahkan penceritaan dalam sudut pemikiran Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis.

Sorotan seterusnya adalah pada kajian Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Ja'afar, Mardian Shah Omar & Mawar Shafei (2021) pula menjalankan kajian yang bertajuk *Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi*. Kajian ini telah menggunakan tiga buah novel karya Azmah Nordin iaitu *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999) bagi menganalisis dari aspek perspektif wanita dalam ekonomi. Novel-novel ini dipilih kerana, pengarang novel tersebut memperjuang dan mengangkat martabat wanita dalam bidang ekonomi. Hal ini dikatakan demikian dapat dilihat menerusi pada plot penceritaan yang memaparkan kegiatan ekonomi dan mendapati watak wanita memainkan peranan dalam kegiatan ekonomi.

Baharudin & Nordiana Binti Hamzah (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Adab Kepada Alam Semesta dalam Novel Nggusu Waru Yang Tersisa Karya N. Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al-Ghazali*. Pengkaji menyatakan bahawa kajian ini terdapat nilai adab pada novel tersebut kepada alam semester seperti tidak merosak tumbuhan, memelihara flora dan fauna, mengambil dan menikmati hasil alam semula jadi dan memulihara dan memelihara tumbuh-tumbuhan. Manakala dari segi Objektif

kajian ini adalah bertujuan menganalisis aspek adab kepada alam dalam Novel Nggusu Waru Yang Tersisa karya N. Marewo berdasarkan kepada nilai adab menurut Al-Ghazali. Pengkaji menggunakan Pendekatan Al-Ghazali kerana dapat mendidik pelajar dalam pembentukan peribadi dan wawasan agama yang baik.

Selain itu, kajian daripada Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021), berdasarkan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih iaitu satu penelitian pendekatan kemasyarakatan. Kajian ini bertujuan untuk mengungkapkan permasalahan remaja seperti krisis identiti bukannya hanya tertumpu pada soal cinta semata-mata. Dalam pada itu, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Kajian ini membataskan kepada tiga buah novel-novel remaja terpilih iaitu *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai kerangka panduan bagi menyempurnakan kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan kedinamikan citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu merangkumi aspek pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Oleh itu, dapatan kajian yang diperoleh dalam novel-novel remaja terpilih sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni di samping kaya dengan nilai kebudayaan Melayu dan kedinamikan citra masyarakat yang mampu memberi pengajaran dan pendidikan khususnya kepada generasi remaja

Lanjutan daripada itu, kajian daripada Ainul Wahida Radzuan, Farrah Atikah Saari, Nordiana Ab Jabar, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Sudirman Kiffli & Suraya Sukri (2021), mengenai nilai kemanusiaan dalam novel *Atas Lantai Takdir* karya Fida Rohani. Berdasarkan kajian ini merupakan sebuah karya yang sarat dengan mesej murni dalam kehidupan umat manusia untuk dijadikan teladan dan mampu membawa

manusia kearah perilaku terpuji dalam dunia nyata. Sehubungan dengan itu, objektif pada kajian ini adalah untuk mengemukakan dan menganalisis elemen nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel kajian. Dalam konteks ini, kehidupan sebenar manusia tidak boleh lari daripada melatih diri untuk mengamalkan nilai kemanusiaan yang terpuji kerana perkara ini bukan sahaja memenuhi prasyarat kebahagiaan hidup tetapi turut menjadi bukti dakwah dari seorang individu kepada individu lain. Hal ini kerana dakwah tidak semestinya disampaikan melalui bait-bait kata sahaja tetapi boleh juga ditonjolkan melalui perilaku terpuji seperti yang terdapat pada nilai kemanusiaan menerusi novel *Atas Lantai Takdir*. Justeru itu, pendekatan dakwah menerusi teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1994) telah digunapakai bagi memurnikan lagi kajian ini. Oleh itu, hasil kajian mendapati teks ini telah mengangkat nilai kemanusiaan seperti nilai kemaafan, nilai kasih sayang, nilai baik hati dan nilai ketaatan terhadap ajaran agama dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Setelah diamati, watak-watak yang ditonjolkan berjaya mempraktikkan nilai kemanusiaan dalam diri mereka meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai konflik hidup. Secara analoginya, kajian ini diyakini mampu memberi lebih pendedahan dan kefahaman kepada khayalak tentang erti kemanusiaan yang sebenar khususnya dalam konteks dakwah.

Sara Beden & Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini bertujuan sebagai menganalisis mesej keagamaan dalam novel *Gapura Iman* karya W Kursiah Awang (2014) dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah menjelaskan bahawa keenam-enam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan seni, pendekatan gunaan dan pendekatan kemasyarakatan telah diaplikasikan dengan teperinsi dalam novel *Gapura Iman*.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menjalankan kajian yang berjudul Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said Dalam Novel Daerah Zeni Dan Hujan Pagi. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis aspek kemasyarakatan melalui pemikiran A. Samad said dalam novel *Daerah Zeni* (1985) dan *Hujan Pagi* (1992). Kajian ini juga telah menggunakan teori sosiologi sebagai deduktif untuk memantapkan analisis perbincangan. Selain itu, reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa A. Samad said bijak mengutarakan cetusan idea dan kreativiti dalam usaha membincangkan isu semasa yang dapat diterima secara terbuka oleh masyarakat di dalam novel beliau.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassn & Nik Norazira Abd Aziz (2022) dalam kajiannya yang bertajuk Warisan Budaya Melayu Dalam Novel '*Kasyaf Ain*'. Persoalan penting yang dikemukakan dalam novel tersebut adalah mengenai nilai warisan budaya sesebuah masyarakat kerana aspek budaya sering kali tidak menerapkan dalam aspek mendidik setiap lapisan masyarakat. Justeru itu, melalui pendedahan yang dipaparkan mengenai aspek warisan budaya Melayu yang digambarkan melalui novel. Penonjolan unsur warisan budaya ini dapat dilihat dari segi dialek, bahasa, tingkah laku sosial, tataadab dan institusi kekeluargaan.

Lanjutan itu, kajian oleh Mastura Othman (2022), tentang nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad iaitu aplikasi teori pengkaedahan Melayu. Kajian ini dilakukan disebabkan kaya dengan nilai kemanusiaan yang dapat memberikan sumber teladan dan ilmu pengetahuan yang berguna kepada khayalak pembaca. Di samping itu, objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Lebih-lebih lagi, kajian ini membataskan hanya sebuah novel sahaja iaitu novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad. Daripada penerangan

diatas jelaslah bahawa kajian ini mampu membantu membuka minda golongan remaja untuk membaca novel fiksyen yang banyak memberikan teladan dan pengajaran kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kualitatif diaplikasikan melalui kajian ini. Dalam pada itu, penerapan teori Pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad ini, mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang dapat memberikan penghayatan dan kefahaman kepada khayalak pembaca mengenai nilai-nilai kemanusiaan yang cuba diketengahkan oleh penulis. Dalam erti kata lain, melalui nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* mampu memberikan contoh teladan yang baik bagi membentuk masyarakat yang memiliki nilai moral yang tinggi.

2.3 Kajian Terhadap Gaya Bahasa

Mohammad Zulfadhi (2012), menjalankan kajian gaya bahasa melalui lirik lagu Band Betrayer Album the Best Of. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengesan, menerang dan menggambarkan fungsi kepelbagaian gaya bahasa yang terkandung dalam beberapa lirik lagu menerusi album terpilih. Hasil kajian mendapati beberapa gaya bahasa personifikasi, hiperbola, ironi dan anafora yang diterapkan dalam menyampaikan lagu tersebut yang bertujuan untuk memberikan penegasan, menggambarkan nilai estetik dan memudahkan penyampaian kepada khalayak pendengar. Kajian lirik lagu yang seterusnya ditangani oleh Gunawan Wiradharman & Afdol Tharik WS (2016) menjalankan kajian ke atas beberapa lagu yang bergenre dangdut dengan menggunakan elemen metafora dalam mengungkapkan realiti sosial yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Analisis yang dijalankan dengan menggunakan makna metafora (Knowles dan Moon, 2006) dan teori Metafora Konseptual (Lakoff dan Johnson, 1980) serta Semantik Kognitif (Evans dan Green, 2006) yang digunakan untuk mengungkapkan makna metafora dalam lirik lagu dangdut. Hasil penemuan tersebut mendapati pengungkapan angka, kata dan frasa metafora yang terjadi kerana adanya persamaan konsep, sifat bentuk dan fungsi yang dialihkan makna secara konkrit. Di samping itu, realiti sosial yang diungkapkan dalam lirik lagu dangdut meliputi perilaku seseorang, imaginasi pornografi serta ungkapan perilaku dan negatif.

Ann Muhammady (2014) menjalankan kajian yang berjudul penggunaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Bidang Kajian: Linguistik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Huda (SMANH), menganalisis penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah Agama. Dan yang

terakhir adalah mengkaji faktor-faktor kelemahan pelajar tentang penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar (SMANH). Dapatan kajian meunjukkan bahawa, terdapat lapan kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-arabiyatu baina yadaik, buku ta'li:mu al-lughat al-'arabiyat fasl(xl)* dan dalam buku nota tambahan para pelajar. Lapan kategori tersebut terdiri atas empat kategori umum dan empat kategori sapaan bertujuan.

Mohammad Yazid Bin Kerya, Fatahiyah Binti Mohd Ishak dan Wan Roslina Binti Wan Ismail (2015) menjalankan kajian yang berjudul *Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung*. Kajian ini menganalisis setiap gaya bahasa yang digunakan serta dialog dan lagu yang terdapat di dalam persembahan teater Mek Mulung. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Iaitu dengan menemu bual ketua kumpulan Mek Mulung dan membuat rujukan di perpustakaan. Selain menemu bual, pengkaji turut menonton persembahan teater tersebut bagi menjalankan kajian ini dengan lebih mudah dan mendalam. Manakala, gaya bahasa telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti gaya bahasa anafora, epifora repetisi dan lain-lain. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa gaya bahasa yang berjaya dikenalpasti melalui skrip cerita Putera Cahaya Bulan iaitu di dalam teater tradisional Mek Mulung tetapi didominasi dan telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu gaya bahasa dialog dan juga gaya bahasa yang terdapat di dalam lagu.

Ahmad Bin Wan Abd Rahman (2015) menjalankan kajian yang bertajuk *Aspek Kala Dalam Gaya Bahasa Nafi Dalam Juz'amma*. Kajian ini membincangkan mengenai aspek kala gaya bahasa nafi dalam Juz' Amma. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek kala dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab dan menganalisis penggunaan gaya bahasa nafi dalam al-Quran al-Karim dan hubung kait dengan unsur kala dalam Juz'Amma. Pengkaji menggunakan tiga instrument dalam kajian ini iaitu penelitian, deskriptif dan analisis data. Hasil kajian mendapati terdapat tiga aspek kala

yang dapat diterjemahkan untuk dikaitkan dengan Sembilan kata peranti nafi iaitu kala lampau, kala kini dan masa hadapan.

Kajian oleh Azaha bin Ibrahim (2016) telah membuat penelitian untuk mengetahui tentang analisis Gaya Kebahasaan (Majas), mendeskripsikan diksi dan pesan yang ingin disampaikan melalui puisi "Padamu Jua" Karya Amir Hamzah. Sumber data pada penelitian ini adalah puisi Amir Hamzah yang berjudul "Padamu Jua, yang terbit perdana pada November 1937". Jenis Penelitian ini menggunakan jenis penelitian deskriptif dengan bentuk penelitian Kualitatif. Teori yang digunakan adalah teori Stilistika dengan pendekatan Stilistika. Dalam menganalisis data, penulis menggunakan teknik analisis dokumen (content analysis) dan Teknik pengumpulan data dokumentasi. Objek penelitian ini berfokus pada Gaya Kebahasaan (Majas), diksi, serta menemukan makna yang terkandung dalam puisi "Padamu Jua" Karya Amir Hamzah. Hasil penelitian ini menyebutkan bahwa, Gaya kebahasaan yang digunakan di dalam puisi ini menggunakan Majas Alegori dan menggunakan diksi Sinonimi. Puisi ini juga memberikan makna religiuitas. Kesimpulan yang dapat diambil dalam penelitian ini adalah penggunaan bentuk kata pada puisi "Padamu Jua" karya Amir Hamzah yang menarik untuk diteliti. Kajian ini menunjukkan sedikit perbezaan dengan objektif kajian pengkaji yang menganalisis penerimaan masyarakat kini terhadap gaya bahasa dalam pantun Melayu.

Saripah Banseng et al (2017) dalam jurnal Melayu yang berjudul Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora yang terdapat di dalam mantera perhuman (sampi umai) masyarakat Iban. Dua buah sampi perhuman yang telah diperolehi daripada buku Sampi Enggau Biau telah dipilih untuk melakukan kajian dengan berasaskan pendekatan secara kualitatif dan kaedah deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kiasan metafora yang terdapat di dalam sampi terdiri daripada

unsur alam antaranya seperti tumbuhan, haiwan, dan juga manusia yang sesuai digunakan. Kajian ini telah mengaplikasikan teori Linguistik Kognitif yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson pada tahun 1980, kerana teori tersebut menjelaskan bahawa bahasa adalah satu lambang kerana setiap bahasa mempunyai makna dan juga unsur-unsurnya. Dengan kajian ini dapat membantu golongan generasi muda dalam memahami setiap unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora. Hasila kajian menunjukkan setiap penggunaan yang melibatkan unsur alam dan bukan alam di dalam bahasa kiasa metafora dalam menambahkan pengetahuan dalam kemahiran bahasa.

Penelitian jenis dan fungsi gaya bahasa kiasan dalam lirik lagu telah dijalankan oleh Anastasia Tita Pratiwi (2018). Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan jenis gaya bahasa dan fungsi kiasan yang terdapat dalam lirik lagu ciptaan naif dan Payung Teduh. Berdasarkan kajian tersebut, telah didapati elemen gaya bahasa kiasan seperti ironi, simile, personifikasi dan metafora yang telah dizahirkan dalam penghasilan lagu tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesan keidahan, menyamakan sesuatu makna eksplisit, bersifat memujuk, peringatan dan sebagai tabu bahasa dengan tujuan menyindir.

Analisis gaya bahasa dalam lirik lagu oleh Sinta Wulandari, (2018) membahaskan mengenai gaya bahasa dan makna yang terdapat dalam lirik lagu di salah satu karya Nadin Amizah. Penelitian kajian ini menggunakan teori stilistik kerana beliau menyatakan stilistika merupakan salah satu dari ilmu yang khusus dalam mengkaji, mempelajari ataupun meneliti sesuatu yang berkaitan dengan gaya bahasa khususnya bahasa yang digunakan dalam karya sastera. Lagu dapat dikategorikan sebagai wacana puisi yang memiliki ciri bahasa seperti karya sastera yang lain. Bahasa yang digunakan dalam karya sastera akan disusun secara menyingkat, padat dan memberi irama sesuai dengan bunyi yang sepadan dalam pilihan kata-kata yang mempunyai makna yang khusus atau biasa.

Siti Fatimah Radzi dan Harun Baharudin (2019) menjalankan kajian yang berjudul Kontrasif Tasybih Dan Istia'rah Dengan Simile Dan Metafora. Kajian dilakukan untuk mengenalpasti antara persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan tasybih dan juga simile serta turut mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan istiarah dan tasybih dengan metafora. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menganalisis kontrasif bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan tersebut. Gaya bahasa kiasa bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah sangat penting untuk dipelajari oleh kedua-duanya mempunyai kekayaan bahasa masing-masing. Hasil kajian tersebut ialah didapati tidak banyak perbezaan dalam membuat perbandingan ataupun perumpamaan di dalam ayat. Manakala bagi gaya bahasa kiasan metafora pula adalah merupakan satu peminjaman makna asal sesuatu perkataan dengan membentuk makna yang baru di dalam ayat.

Norjieta Julita Binti Taisin menjalankan sebuah kajian yang berjudul Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusu (2019). Kajian ini dilakukan untuk meneliti antara unsur metafora yang terdapat di dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun yang telah diselarikan dengan aliran metafora di mana yang telah dipelopori oleh Lakoff dan Johnson. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kajian melalui beberapa penelitian dengan menggunakan data-data genre puisi lisan tradisional iaitu pantun Kadazandusun yang dijadikan sebagai bahan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Secara khusus, kajian ini akan melibatkan dengan kajian lapangan iaitu pengumpulan data dan kaedah penganalisan data yang berdasarkan dengan kaedah temu bual dan pemerhatian. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa penggunaan bahasa yang terdapat di dalam puisi tradisional terutamanya pantun mempunyai makna yang tersirat dan tersurat ataupun unsur metafora.

Kajian mengenai Kesepaduan Stail dengan Perutusan dalam sajak-sajak terpilih lima penyair Sabah dibuat oleh A. Halim Ali (2020). Kajian dalam mengenal pasti dan menganalisis kesepaduan stail dalam perutusan sajak-sajak terpilih. Kajian adalah sebuah kajian kepustakaan dengan menggunakan kaedah menganalisis kandungan dan deskriptif. Prinsip kesepaduan dan perkaitan dalam Teori Estetika Bersepadu oleh Abdul Halim Ali 2010 adalah berdasarkan analisis dan perbincangan. Kajian ini telah membuktikan bahawa unsur gaya bahasa dihadirkan dengan sedar oleh penyair dengan bertujuan khusus untuk menyampaikan pemikirannya tentang kebesaran Tuhan, mengenal hakikat diri, kecaknaan sesama manusia dan kehebatan cinta terhadap tuhan.

Fatima Setiawati (2021) menegaskan perbahasan mengenai penggunaan gaya bahasa dan makna yang terdapat pada lirik lagu salah satu lagu Nadim Amizah yang bertajuk 'Bertaut'. Lagu ini diterbitkan pada tahun 2020. Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif bagi memperolehi hasil analisis yang berupa deskriptif. Pengkaji memilih lirik lagu 'Bertaut' sebagai bahan penelitian kerana gaya bahasa yang unik. Berdasarkan penyelidikan, lirik lagu ini belum mempunyai kajian yang berkaitannya. Berdasarkan penelitian terhadap kajian ini, pengkaji menemui beberapa kata yang berdasarkan kategorinya. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tekstual dengan membaca keseluruhan lirik lagu tersebut.

2.4 Kajian Terhadap Teori Stilistik

Kajian yang dijalankan oleh Rohayati binti Junaidi, Tengky Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Mediawati binti Mamat @ Mustaffa (2014) yang berjudul Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri Berdasarkan Prinsip Stilistik J.J Webber. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keindahan bahasa dalam karya sastera melalui Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri karya Awang Sariyan. Selain itu, dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori Stilistik oleh J.J Webber yang menggariskan enam prinsip kajian stilistik dan keenam-enam prinsip tersebut akan dijadikan panduan dalam proses analisis kajian ini. Manakala objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis gaya stilistik yang terdapat dalam karya Awang Sariyan dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber. Dalam kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah teks. Hasil dapatan kajian, memperlihatkan keenam-enam prinsip tersebut amat dominan dan signifikan dalam menggambarkan keindahan bahasa penciptaan karya sastera serta memperlihatkan elemen bahasa Melayu, masyarakat Melayu Islam dan refleksi diri pengarang yang mewakili khalayak pembaca.

Faezah Muhayat & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2014), menjalankan kajian yang bertajuk Cerita Adam: Analisis Daripada Perspektif Stilistik. Kajian ini bertujuan bagi meneliti aspek bahasa yang digunakan oleh pengarang. Novel cerita Adam merupakan nove yang telah memenangi Hadiah Sarjana Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2004/2005 bagi kategori Novel Remaja. Hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa novel tersebut mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Namun pada keseluruhannya, novel ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dan boleh dijadikan bahan bacaan masyarakat, khususnya golongan remaja. Bahasa yang digunakan dalam novel ini mudah dan menarik, digabungkan dengan teknik penceritaan yang sesuai. Hal ini memudahkan golongan remaja memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Penggunaan gaya bahasa, teknik penceritaan

dan diksi yang sesuai sangat membantu pembaca memahami pemikiran yang coba diutarakan oleh pengarang.

Penelitian ini dibuat oleh Acep Deri Cahyadi, (2014) Kajian mengenai stilistik yang berlatar belakang oleh masalah pentingnya suatu analisis sastra terutamanya dalam karya sastra puisi (sajak). Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan struktur batin sajak yang berdasarkan tema, nada, perasaan, dan amanat yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000-an. Objektif yang kedua adalah menganalisis unsur stilistika yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000. Seterusnya, objektif kajian terakhir adalah kajian etnopedagogi yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000-an. Untuk mencapai tujuan tersebut, dalam penelitian ini digunakan rekabentuk kajian secara penelitian kualitatif, metode yang digunakan adalah metode deskriptif, sedangkan teknik yang digunakan adalah analisis tekstual.

Penelitian ini dibuat oleh Acep Deri Cahyadi, (2015) Kajian mengenai stilistik yang berlatar belakang oleh masalah pentingnya suatu analisis sastra terutamanya dalam karya sastra puisi (sajak). Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan struktur batin sajak yang berdasarkan tema, nada, perasaan, dan amanat yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000-an. Objektif yang kedua adalah menganalisis unsur stilistika yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000. Seterusnya, objektif kajian terakhir adalah kajian etnopedagogi yang terdapat dalam kumpulan sajak periode tahun 2000-an. Untuk mencapai tujuan tersebut, dalam penelitian ini digunakan rekabentuk kajian secara penelitian kualitatif, metode yang digunakan adalah metode deskriptif, sedangkan teknik yang digunakan adalah analisis tekstual.

Kajian yang dijalankan oleh Haerany Widiarti Eligia, A. Totok Priyadi dan Ahmad Rabi Muzammil (2015) menjalankan kajian yang berkaitan dengan Penggunaan Unsur Retorik Dalam Kumpulan Carita Pendek Celeng Satu Celeng Semua. Kajian ini bersifat

kualitatif ini dengan menggunakan pendekatan stilistik. Berdasarkan penelitian yang dibuat, penyelidik mendapati penggunaan majas dalam penulisan cerita pendek tersebut telah memperlihatkan kesan keindahan yang tinggi. Antara majas yang digunakan ialah majas metaforan, simile, metonimi, personifikasi, paradoks, alegori dan hiperbola. Selain itu, struktur bahasa yang digunakan telah mencipta nilai keindahan dari segi gaya penulisan, kesejajaran struktur ayat dan penegasan penuturan. Aspek ini merangkumi penggunaan gaya pengulangan anafora, paralelisme, aliterasi, klimaks, antiklimaks dan soalan retorik. Penyelidik turut menyeliti penggunaan bahasa pencitraan dalam memberikan kesan keindahan dari segi penyiasatan makna, pemberian gambaran dan penegasan penuturan. Perkara ini meliputi citraan penglihatan, pendengaran, gerakan dan sebagainya.

Laila M. P (2016) dalam jurnal penelitiannya mengkaji tentang tinjauan stilistik pada kumpulan puisi yang dikarang oleh M An Mansyur berjudul Melihat Api Bekerja. Dalam penelitiannya, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif analisis dengan mengumpulkan data kumpulan puisi Melihat Api Bekerja oleh M An Mansyur. Dapatan kajian mendapati banyak ditemukan gaya bahasa perbandingan seperti perumpamaan, metafora, personifikasi, pleonisme, antithesis, depersonifikasi dan tautologi. Penggunaan gaya bahasa perbandingan pada kumpulan puisi M An Mansyur selain untuk memperindah bahasa juga memberikan kesan romantik dalam mengungkapkan rasa cinta dan kasih sayang.”

Arinah Fransori (2017), sebuah artikel daripada Indonesia yang berjudul Analisis Stilistika Pada Puisi Kepada Peminta- Minta karya Chairil Anwar. Tujuan kajian ini dikaji adaah untuk mendiskripsikan bahasa serta pembentukan kata melalui puisi Kepada Peminta-Minta. Teori pendekatan stilistik telah dipilih di dalam kajian ini, kerana ia dapat mempengaruhi daya cipta di dalam sebuah puisi dari segi pembentukan kata dan unsur-unsur pembangunan puisi tersebut. Tambahan pula, kajian ini dapat menyampaikan

mesej secara tidak langsung kepada pembaca dan hasil daripada kajian ini menunjukkan puisi tersebut menonjolkan pelbagai aspek dan pembentukan yang kuat dan puisi ini juga menunjukkan sikap sosial dan kenyataan yang terjadi pada masyarakat.

Mohd Khairul Adenan (2018) di dalam jurnalnya yang berjudul Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa yang terdapat di dalam sebuah karya daripada Azwar Kamruzaman yang bertajuk Nasi Kangkang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian penyelidikan kualitatif dengan melakukan analisis terhadap novel Nasi Kangkang. Teori Stilistik telah diaplikasikan di dalam kajian ini dengan berlandaskan Prinsip Webber (1989). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan yang berkaitan dengan aspek diksi iaitu slaga, dialek dan lain-lain dapat memberikan faedah kepada novel tersebut dengan merealitkan lagi watak dan perwatakan, mewujudkan kesan kepada watak. Keseluruhan bagi kajian ini dengan menggunakan Teori Stilistik dapat melihat dan memberi maklumat yang berkaitan dengan gaya penggunaan bahasa dan bagaimana gaya bahasa yang digunakan di dalam karya-karya Indie.

Menerusi kajian Manhaj Akidah Imam al-Syafie (2018) dalam novel Rimba Jiwa dan Qalam Kalbu. Karya Sri Rahayu oleh Kamariah Kamaruddin, Kuala Lumpur. Kajian ini berfokuskan kepada sifat dalam mengenali tuhan dan memantapkan akidah serta ajaran Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan teori Islam sebagai pengukuhan dan pemantapan isi kajian yang dilakukan. Dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua novel Sri Rahayu menggunakan manhaj akidah Iman al-Syafie untuk memperlihatkan ciri-ciri seorang Muslim kepada khalayak pembaca.

Menerusi kajian bertajuk Analisis Novel Klasik Kepimpinan Melalui Teladan berdasarkan Prinsip Kepimpinan dalam Analogi Jaket Kulit dari Istanbul oleh Sara Beden (2019). Kajian ini adalah mengenai dasar kepimpinan yang ada pada diri sebagai pegangan dalam meneruskan kehidupan. Sifat kepimpinan yang ditonjolkan adalah merupakan salah satu sifat mahmudah di mana mengajak masyarakat untuk sentiasa membuat kebaikan dalam kehidupan bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Selain itu, pendekatan yang digunakan pada kajian ini adalah pendekatan kualitatif dalam mencari dan mengumpul data.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Mohd Khairul Adenan (2018) bertajuk analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie ini tertumpu kepada karya Azwar Kamaruzaman iaitu novel *Nasi Kangkang*. Novel ini dipilih kerana memiliki sifat-sifat yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, novel ini banyak menggunakan bentuk sinkof kerana bersesuaian dengan sifat karya indie yang disasarkan pada golongan remaja yang gemar pada sesuatu (kata) yang ringkas dan formal. Novel *Nasi Kangkang* ini banyak menggunakan aspek-aspek diksi merujuk kepada penggunaan dialek, slanga, bahasa asing, kolokial dan sebagainya yang digunakan. Novel ini juga tidak terkecuali menggunakan gaya repetisi dalam bahagian naratif. Sebaliknya, gaya novel ini lebih menonjolkan bentuk sinkof atau bentuk singkatan. Bentuk sinkof digunakan kerana bersesuaian dengan sifat karya indie yang disasarkan pada golongan remaja yang gemar pada sesuatu kata yang ringkas. Berdasarkan kepada penelitian secara terperinci, didapati terdapat beberapa kajian mengenai stilistik dalam karya sastera oleh sarjana-sarjana di dalam negara mahupun di luar negara.

Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff (2020) di dalam jurnal Melayu yang berjudul Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. Kajian ini menunjukkan analisis yang berkaitan dengan aspek stilistik atau gaya bahasa dalam teks Melayu Klasik, iaitu

Hikayat Abdullah (1849), karya Abdullah Munsyi. Penelitian secara deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data bahasa. Analisis data kajian berpandukan kerangka analisis stilistik Leech & Short (2007) untuk menghuraikan gejala bahasa dari sudut linguistic dengan fungsi sastera. Kategori leksikal dan penggunaan bahasa kiasan adalah antara kategori yang difokuskan daripada kerangka ini. Kesemua elemen linguistik perlu dihuraikan dengan pendekatan komponen makna Leech (1981), seperti makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna sosial, makna stilistik, makna reflektif dan makna kolokatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengarang masih mengekalkan gaya bahasa kratif dari segi penggunaan leksikal yang diabstrak bagi mengimplimentasikan makna.

Mohd Aidil Subhan (2000) di dalam kajiannya yang berjudul *Cerpen Remaja Melayu Singapura: satu Pengamatan Stilistik*. Di dalam kajian ini telah menggunakan lima buah cerpen yang berjudul *Sulaiman Slyman, Doktor Remaja, Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin, Epilog Semalam dan Ira*. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti dengan lebih jelas penggunaan gaya bahasa di dalam cerpen- cerpen tersebut dan memperlihatkan gaya bahasa yang digunakan memiliki ciri-ciri tertentu yang menarik. Pengamatan Stilistik dipilih kerana pengkaji lebih mudah untuk meneliti setiap penggunaan bahasa dan gaya bahasa. pengkaji turut menyatakan bahawa dengan adanya gaya bahasa pengulangan di dalam cerpen ini adalah salah satu usaha penulis-penulis remaja untuk menghasilkan satu karya yang bermutu tinggi.

Mohd Farandi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021) di dalam jurnalnya yang berjudul *Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesisa (Afrizal Malna)*. Tujuan kajian ini dijalankan bagi merungkai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan proses penulisan sajak yang terdiri daripada teknik gaya bahasa yang cuba disampaikan oleh penyair. Skop kajian tersebut difokuskan

kepada dua orang tokoh sastera nusantara iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna serta memaparkan identiti gaya bahasa digunakan ketika menghasilkan karya. Kajian ini telah dilajalkan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan beberapa analisis dokumen teks. Kajian ini mengaplikasikan Teori Stilistik untuk merungkaikan dengan lebih lanjut setiap teknik gaya bahasa, unsur kesamaran dan lain-lain untuk membuktikan setiap gaya penyampian pengkarya. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh penyair ini mempunyai gaya dan keunikan yang tersendiri.

2.5 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini adalah bertujuan untuk merumuskan kajian-kajian lepas dengan topik kajian yang pernah dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu, sorotan kajian yang dilakukan haruslah mempunyai kaitan dengan topik yang ingin dikaji supaya ia dapat membantu untuk memberi serba sedikit gambaran untuk menghasilkan kajian yang berkualiti. Kajian lepas dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan beberapa maklumat dan hasil kajian dari aspek yang berbeza dengan pandangan daripada pengkaji-pengkaji yang lebih berpengalaman. Dari hasil kajian-kajian lepas juga dapat membantu pengkaji-pengkaji baru lebih memahami setiap hasil kajian yang dijalankan untuk memastikan kajian yang dihasilkan memberi maklumat kepada pengkaji baru yang lain untuk mengkaji berkaitan dengan tajuk kajian yang berkaitan. Selain itu, sorotan kajian yang lepas mampu memberikan satu rujukan dan panduan kepada pengkaji bagi melaksanakan dan menyiapkan kajian dengan baik dan disokong dengan pemilihan teori yang betul dan benar. Pemilihan sorotan kajian yang menepati kriteria dan tajuk kajian pengkaji. Sorotan kajian adalah sebagai kerangka kajian yang dijalankan pengkaji.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan kerangka kajian yang meliputi kepada kaedah kajian dalam mendapatkan analisis. Ia merupakan kerangka bagi memastikan kajian yang ingin dijalankan berada pada landasan yang tepat dan benar. Menurut *Kamus Dewan* (2007), metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Metodologi bermaksud ilmu tentang kaedah atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian bagi mencapai matlamat dan tujuan. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pengumpulan dan menganalisis data. Menurut Hornby (1985) menyatakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Metodologi bertujuan sebagai membantu dan memahami dengan lebih terperinci mengenai pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk pendekatan menyeluruh dalam proses penyelidikan daripada asas teori yang digunakan hinggalah dari aspek kepada pengumpulan data dan penganalisis data. Namun begitu, kajian ini telah mengaplikasikan penyelidikan kualitatif yang bersifat tekstual. Menurut Dr, Tengku Iskandar (1996) penyelidikan adalah satu takrifan sebagai perbuatan menyelidik, pemeriksaan penyelidikan dengan teliti dan betul. Kajian tekstual adalah membolehkan pengkaji untuk menganalisis hasil karya penulis novel di Malaysia secara sistematik dan terperinci.

Bab ini membincangkan dan memperincikan gambaran secara terperinci mengenai kajian yang akan dilaksanakan. Bab ini merupakan bahagian metodologi kajian yang mana mengumpul segala maklumat data mengenai kajian yang dikaji. Kajian mengenai gaya bahasa dan teknik penulisan novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid (2013) dijalankan secara sistematik dan mengikut panduan yang telah ditetapkan bagi menjayakan kajian ini. Pengkaji menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kajian teks. Namun begitu, maklumat yang diperolehi melalui teks pilihan akan digabungkan dengan penggunaan teori pilihan bagi memberikan pengukuhan terhadap kajian ini. Selain itu, pengkaji turut memberikan beberapa data sekunder yang diperolehi melalui penyelidikan ke perpustakaan dan laporan kajian yang lepas berkaitan dengan novel. Penelitian terhadap kajian-kajian yang lepas akan memberikan contoh dan panduan kepada pengkaji bagi memantapkan kajian ini. Pengkaji telah memilih menggunakan pendekatan teori, iaitu Teori Stilistik sebagai menyokong kepada kajian ini. Pengkaji akan meneliti sebuah buah novel yang berbentuk fiksyen (*Magis*) secara terperinci dan mengemukakan gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel tersebut berdasarkan kepada pendekatan teori Stilistik. Pengkaji akan menghuraikan dan menerangkan perihal gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid (2013).

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji merupakan kajian yang bersifat deskriptif (penjelasan). Reka bentuk kajian ini adalah melibatkan pengumpulan data yang dikumpul iaitu data kualitatif. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepada kepelbagaian kaedah termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semulajadi) iaitu dapat disimpulkan bahawa menyelidik sesuatu perkara yang melibatkan kepada proses pemahaman untuk meninjau sesuatu permasalahan sosial. Penyelidikan kualitatif mempunyai data yang perlu dikumpul dalam bentuk tersendiri dan amat berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif diperolehi melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Namun sepanjang kajian ini dijalankan pengkaji hanya menfokuskan kepada data yang diperolehi melalui analisis dokumen. Namun begitu, bagi mencapai objektif kajian yang telah dilaksanakan ini pengkaji menetapkan beberapa kaedah kajian. Data kualitatif kajian ini akan dikumpul melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks (analisis novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dan juga penelitian ke atas kajian-kajian literature yang berkaitan). Data-data terkumpul akan dianalisis seterusnya dengan menggunakan Penelitian Teori Stilistik.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian dilaksanakan dengan bertujuan bagi memperjelaskan tatacara kajian yang digunakan bagi menyempurnakan penyelidikan. Dalam pada itu, ia mengandungi banyak subtopik dalam bahagian ini seperti kaedah kepustakaan, analisis teks dan dokumen yang berkaitan dengan teori Stilistik. Hal ini kerana, dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan tepat dan benar. Dalam kajian ini juga, pengkaji mengaplikasikan reka bentuk kualitatif kerana bagi tujuan untuk melihat dan menganalisis dengan lebih mendalam serta lebih sistematik berkenaan dengan gaya bahasa dan teknik penulisan dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penelitian Teori Stilistik.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan adalah salah satu sumber yang penting kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat tambahan bagi mencapai objektif kajian ini. Dengan erti kata lain, kaedah kepustakaan merupakan hasil kajian yang diperolehi melalui pembacaan bahan bercetak seperti buku-buku rujukan, dokumen, dan sebagainya. Selain itu, pengkaji turut membuat penelitian terhadap kajian-kajian yang terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan ini. Oleh itu, pengkaji memilih Pustaka Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok sebagai destinasi bagi mencari dan mendapatkan maklumat. Pengkaji juga telah menggunakan salah satu novel dari karya Ramlee Awang Murshid yang berjudul *Magis* (2013) yang menjadi sasaran bagi menjalankan kajian.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Kaedah analisis tekstual sangat penting untuk dilakukan kerana dapat mengkaji mengenai tajuk-tajuk kajian yang telah dilakukan. Analisis tekstual dilakukan melalui pembacaan novel *Magis* secara teliti. Berdasarkan dari sudut pembacaan pengkaji terhadap novel tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan dari sudut gaya bahasa, plot penceritaan, tema dan juga latar. Selain itu pengkaji dapat mengenal pasti gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Kaedah pembacaan ini adalah satu teknik yang ideal sebagai medium utama bagi pengkaji memperoleh maklumat dengan lebih tepat mengenai gaya bahasa dan teknik penulisan yang terdapat pada novel tersebut. *Magis* merupakan salah satu karya terbitan dari penulis yang tersohor yang dikenali sebagai Ramlee Awang Murshid. Novel *Magis* ini mengandungi 512 halaman bercetak dan diterbitkan oleh Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd. Dalam pada itu, novel *Magis* ini merupakan terbitan pada tahun 2013. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan teori Stilistik bagi menjadikan kajian ini berbentuk ilmiah.

3.4 Pendekatan Teori

3.4.1 Latar Belakang Teori Stilistik


Teori Stilistik berlandaskan kepada prinsip J.J Webber (1989) merupakan cabang ilmu yang terdapat dalam linguistik. Merujuk kepada Menurut Bally, Jakobson, Leech, Widdowson, Levin (2005) dan beberapa orang lain, menjelaskan bahawa stilistik sebagai suatu deskripsi linguistik daripada bahasa yang digunakan di dalam teks sastera. Stilistik berasal dari perkataan 'style' yang membawa maksud gaya dan gabungan daripada bahasa serapan iaitu 'linguistic' bermaksud tatabahasa. Menurut *Kamus Bahasa*, stilistik adalah ilmu bahasa yang mempelajari bidang gaya bahasa. Di samping itu, menurut Murray (1960) berpendapat bahawa stilistik ialah gaya sesuatu yang istimewa, sebagai teknik eksposisi, pencapaian estetika dan pernyataan sikap penulis manakala pemilihan kata serta penyusunan struktur ayat dengan memperlihatkan ciri-ciri keperibadian penulis. Aspek gaya bahasa dan olahan diksi adalah prinsip yang ditekan dalam kajian tersebut. Keterangkuman itu merangkum gaya atau olahan seseorang pengarang dalam menggarapkan hasil penulisan dalam sesebuah karya. Stilistik merujuk kepada penggunaan prinsip linguistik terhadap bahasa sastera yang diteliti dari aspek morfologi atau ilmu gaya bahasa.

Menurut za'ba (2016), Stilistik ialah suatu kajian mengenai teknik penggunaan gaya bahasa yang mantap dan secara berkesan di dalam sesuatu penulisan. Penelitian gaya bahasa sastera khususnya novel merupakan deviasi atau penyimpangan bahasa yang paling menonjol. Menerusi kajian ini, stilistik berkaitan gaya bahasa melalui unsur linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Stilistik juga melihat puisi sebagai gaya bahasa kreatif yang membenarkan proses penyimpangan menerusi aspek linguistik secara eksplisit mahupun implisit. Kajian stilistik sememangnya menekankan cabang linguistik dalam proses penganalisis sesebuah karya sastera.

Tujuan utamanya adalah untuk melihat dan mengesan nilai estetik pemakaian gaya bahasa bagi setiap karya sastera yang diselidiki.

Menurut *Kamus Dewan* (2015) pula mengatakan stilistik adalah kajian tentang teknik penggunaan gaya bahasa secara berkesan di dalam penulisan. Kebiasaanya, berkaitan dengan stail atau gaya terutamanya gaya bahasa. Di samping itu, menurut Keris Mas (1988) stilistik ialah kajian stail yang mengkaji segala kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai dan mendapat kefahaman sebenar mengenai sesebuah teks kesusasteraan. Segala hubungan yang menimbulkan kelainan gaya bahasa, baik gaya individu mahupun implikasi lain, yang melibatkan lahirnya hasil sastera yang diperhatikan dan diberi saluran kajian khusus.

Selain itu, kesusasteraan mempunyai sifat dan hakikat perkembangan perubahan yang sejajar dengan perkembangan fikiran dan realiti hidup manusia dan masyarakat, ikut dipertimbangkan, dikaji dan dihubungkan dengan kajian gaya. Kaedah stilistik ini telah banyak digunakan oleh pengkaji dalam pelaksanaan kajian yang ingin dilaksanakan. Kaedah ini digunakan bagi membuat melakukan analisis data antaranya untuk menghuraikan tingkah laku bentuk-bentuk bahasa tulisan yang digunakan atau dicipta oleh pengarang di dalam karya deskriptif mahupun karya kesusasteraan. Di dalam karya kesusasteraan, bentuk bahasa tulisan atau gaya bahasa banyak dipakai. Oleh itu, berdasarkan jenis bahasa inilah, maka stilistik berusaha mencari jalan keluar bagi menghuraikan perhubungan antara bentuk pengucapan dengan makna yang dibawa olehnya.




Rajah 3.4.1 Teori Stilistik

Berdasarkan rajah di atas, teori Stilistik mempunyai lima prinsip iaitu terdiri daripada fonologi, leksikal, sintaksis, semantik individualisme. Dalam konteks ini, hasil gabungan prinsip-prinsip tersebut dalam teori ini menyimpulkan bahawa Stilistik mempunyai hubungan yang rapat dengan disiplin sosiolinguistik (pengalaman) dan dialektologi yang dipengaruhi oleh faktor demografi. Kedua-duanya pula merupakan cabang linguistik yang saling bersangkutan dalam mengungkapkan gaya kepenyairan seseorang penyair. Hal ini dikatakan demikian kerana, selaras dengan dinyatakan oleh Freeman (1970) menyatakan stilistik melihat kepada penggunaan bahasa yang menyimpang atau deviasi daripada norma tatabahasa, penggunaan pengulangan dan meminjam usaha penyair (dalam konteks ini penyair) untuk mendapatkan kepadatan tulisannya.

3.4.2 Teori Stilistik

Menerusi kajian yang dijalankan ini pengkaji mengaplikasikan teori Stilistik melalui prinsip fonologi dan semantik. Pada realitinya, memang tidak dinafikan bahawa teori stilistik menekankan cabang linguistik dalam proses penganalisis sesebuah karya sastera. Tujuan utamanya adalah untuk melihat dan mengesan nilai estetik pemakaian gaya bahasa bagi setiap karya sastera yang diselidiki. Stilistik ialah suatu kajian mengenai teknik penggunaan gaya bahasa yang mantap serta secara berkesan di dalam sesuatu penulisan. (Za'ba, 2016)



Rajah 3.4.2 Prinsip Fonologi Dan Semantik

3.4.2.1 Fonologi


Fonologi merupakan salah satu bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu bahasa. Bagi memudahkan pemerian sistem bunyi, maka satu unit nahu telah diwujudkan yang dinamakan sebagai fonem. Oleh itu, fonologi ialah kajian mengenai pola bunyi bahasa, iaitu kajian mengenai bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa. Cabang ini mengkaji tentang cara penghasilan bunyi bahasa dan bahagian-bahagian (artikulator) yang terlibat dalam penghasilan bunyi. Tambahan pula, alat-alat sebutan dapat dibahagikan kepada dua jenis, yang pertama pengeluar (artikulator), iaitu alat yang dapat digerak-gerakkan dengan bebas dan dapat diletakkan di beberapa kedudukan seperti hujung lidah, dan bibir lelangit lembut. Manakala daerah pengeluar (artikulari) adalah tempat-tempat yang dapat dicapai oleh artikulator seperti gigi atas, gusi dan lelangit keras. Selain itu, fonologi merupakan salah satu bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu bahasa. Bagi memudahkan pemerian sistem bunyi, maka satu unit nahu telah diwujudkan yang dinamakan sebagai fonem. Menurut Tajul Aripin (2011) menjelaskan bahawa fonologi merupakan cabang linguistik yang mengkaji bunyi pertuturan bahasa manusia di dunia secara abstrak.

Dalam pada itu, karya sastera mempunyai unsur fonologi menerusi gaya bahasa pengulangan iaitu terdiri daripada asonansi dan aliterasi. Asonansi merupakan pengulangan bunyi huruf vokal (a, e, i, o, u). Penghasilan bunyi-bunyi vokal ditentukan oleh beberapa ciri tertentu iaitu keadaan bibir sama ada dihamparkan atau dibundarkan, bahagian lidah yang terlibat sama ada depan lidah atau belakang lidah. Manakala Aliterasi merupakan pengulangan bunyi huruf konsonan (selain dari vokal). Konsonan terhasil apabila terdapat gangguan atau halangan oleh alat artikulasi terhadap udara dari peparu.

3.4.2.2 Semantik

Semantik merujuk kepada aspek makna bahasa untuk memahami bahasa dan mengetahui bagaimana makna dan morfem yang sepatutnya membentuk. Selain itu, bagaimana makna kata bergabung menjadi frasa dan ayat yang bermakna. Konsep dan makna sesuatu kata dapat dianalisis dengan berdasarkan tiga komponen iaitu komponen kata, komponen makna dan komponen rujukan. Di samping itu, makna terbahagi kepada beberapa jenis seperti makna leksikal, makna gramatikal, makna kontekstual, makna referensial, makna denotatif, makna konseptual dan makna asosiatif. Berdasarkan kepada kajian ini, merupakan makna leksikal. Makna leksikal adalah makna denotatif (tersurat). Makna denotatif merupakan makna yang sesuai dengan rujukan atau pemerhatian alat indera atau makna yang nyata. Dalam karya sastera yang mempunyai makna denotatif adalah gaya bahasa perbandingan dan pertentangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, gaya bahasa tersebut mempunyai makna yang tersurat dan disampaikan secara berkias. Tambahan pula, masyarakat Melayu sentiasa menggunakan kiasan dalam kehidupan seharian.

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5 Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji telah memperincikan metodologi kajian dalam bab ini. Reka bentuk kajian yang dipilih merupakan kepada kaedah kajian dan data kualitatif turut diperjelaskan. Metodologi kajian yang ditetapkan berdasarkan kepada kajian lepas (Bab 2) dan isu yang dibincangkan dalam Bab 1. Selain itu, pendekatan teori Stilistik turut dibincangkan dalam kajian agar dapat memantapkan kajian gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Musrhid. Selain itu, dapat membuktikan bahawa keyakinan pengkaji terhadap teori yang digunakan dapat dijadikan satu rujukan. Tambahan pula, dapat menjadikan kajian ini bersifat ilmiah dan secara tidak langsung dapat dijadikan rujukan dan panduan oleh setiap masyarakat.

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan mengenai dapatan kajian yang terkandung pada objektif kajian. Objektif kajian telah dirangka oleh pengkaji sebanyak dua objektif. Objektif yang pertama ialah mengenalpasti penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dalam penelitian teori Stilistik. Manakala objektif yang kedua pula, menganalisis teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Dalam konteks ini juga, memerihalkan tentang teori stilistik yang diaplikasikan bagi menyokong dapatan kajian tersebut. Secara ringkasnya, hal ini secara tak langsung akan menjelaskan mengenai tatacara dalam bab ini agar pembaca lebih memahami tentang penyusunan keputusan atau hasil dapatan bagi setiap objektif yang dijalankan.

4.2 Gaya Bahasa Perbandingan

Gaya bahasa perbandingan atau bahasa kiasan didefinisikan oleh Za'ba dalam bukunya yang berjudul *Ilmu Mengarang Melayu* (1965) ialah bahasa yang mencakapkan sesuatu perkara dengan mengkiaskannya dengan perkara lain, sama ada dengan menyebutkan bandingan lain di antaranya atau dengan tiada menyebutkan bandingan. Namun begitu, perkara yang dikiaskan menggunakan bahasa yang cantik, berbunga dan sedap bunyinya. Pandangan Za'ba selari dengan Keris Mas (1990) yang mendapati bahasa kiasan berasal dari analogi, membandingkan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara lain dalam membandingkan itu, telah timbul pengkiasan kepada objek perbandingan. Selain itu, Gory Keraf (2000) berpendapat bahasa kiasan dibentuk berdasarkan dua perkara dengan menemukan ciri-ciri persamaan pada dua perkara. Malahan, beliau juga membahagikan bahasa kiasan kepada dua mengikut kelas. Kelas pertama adalah gaya bahasa kiasan langsung dengan membandingkan dua hal yang sama kelas. Sebagai contoh '*kerbau itu sama kuat dengan lembu*'. Kedua, gaya bahasa kiasa tidak langsung dengan membandingkan dua hal yang berlainan kelas. Misalnya '*bibirnya seperti delima merkah*'.

Di samping itu, gaya bahasa perbandingan merupakan satu bentuk bahasa yang indah dan digunakan untuk menambahkan kesan dan makna tertentu dengan cara membuat perbandingan antara sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Gaya bahasa ini lebih memfokuskan kepada membuat perbandingan antara satu objek atau konsep lain secara langsung dan bersifat eksplisit serta imaginatif. Menurut Keris Mas (1988) gaya bahasa kiasan dalam bahasa Melayu sudah lama menjadi satu dari aspek keindahan. Selain itu, bukan sahaja merupakan keindahan bentuk tetapi juga bersifat estetik yang menyangkut keindahan isi, makna dan keseluruhannya. Gaya kiasan secara tidak langsung dapat menghidupkan suasana, mood situasi dan memperluas rasa sentiviti dalam makna dan erti. Beliau juga berpendapat bahawa kiasan yang asal

mempunyai gaya bahasa ini digunakan untuk menerangkan sesuatu secara berkias atau tersirat supaya dapat menjaga perasaan terhadap sesuatu yang ingin disampaikan. Tambahan pula, gaya bahasa ini menjadikan ayat tersebut lebih indah dan gramatis untuk dibaca. Di samping itu, juga berfungsi sebagai penggambaran watak yang dapat memberikan pengajaran dan teladan kepada pembaca sama ada sesuatu perkara yang baik ataupun tidak. Tambahan pula, gaya bahasa perbandingan terdiri daripada gaya bahasa metafora, personifikasi, simile dan imejan.

4.2.1 Gaya Bahasa Metafora

Gaya bahasa metafora adalah gabungan kata konkrit dan abstrak yang menerbitkan makna lain daripada makna tersurat. Menurut Md Salleh Yaapar (2015) metafora adalah kiasan yang membandingkan secara tersirat dua objek yang berlainan melalui daya imaginasi sehingga melahirkan konotasi yang segar dan baharu. Selain itu, metafora juga merupakan kiasan yang sering kali digunakan dalam komunikasi secara lisan atau tulisan bagi menyampaikan makna tersirat di sebalik penyampaian makna secara tersurat. Di samping itu, metafora berasal daripada perkataan Greek "*metaphora*" yang membawa maksud "*memindahkan*". Seterusnya menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014) ungkapan metafora memerlukan penelitian yang mendalam bagi mentafsirkan makna sebenar yang disampaikan. Manakala Keris Mas (1990) menjelaskan bahawa metafora merupakan gaya kiasan atau bandingan yang tidak terikat kepada makna dua lapis dan tidak pula memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan bandingan. Tambahan pula, Keris Mas juga menganggap metafora adalah ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau analogi.

Pandangan Keris Mas ini telah disokong oleh Gorys Keraf (2000). Manakala Muhammad Haji Salleh (1989) menyatakan bahawa metafora merupakan salah satu unsur yang digunakan sejak dari dulu lagi. Beliau turut membincangkan intipati penting dalam metafora yang terdiri daripada kiasan. Perbincangan makna adalah dengan cara yang berbeza. Dengan kaedah tersebut pengarang atau penulis mampu memberikan penyampaian makna dengan lebih efektif. Selain itu, gaya bahasa metafora merupakan sebuah bahasa yang mempunyai nilai yang tinggi dalam nilai bahasa kerana merupakan teknik bahasa yang penting dalam sastera. Contohnya, melalui pemindahan makna yang berlaku akibat perbandingan persamaan antara dua perkara.

Selain itu, menurut Herman J Waluyu dalam Teori dan Apresiasi Puisi (1995) menegaskan bahawa metafora terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat dan tersusun. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi sebuah objek untuk difikirkan dan satu lagi perkataan yang bersifat abstrak. Sebenarnya, terdapat banyak lagi pendapat daripada para sarjana yang berhubung dengan gaya bahasa metafora. Justeru itu, apabila menyebut metafora aspek-aspek yang dikaitkan dengan gaya bahasa tersebut adalah dari segi konsep pemindahan, penggantian, analogi, perbandingan dan maksud tersirat. Namun begitu, kepelbagaian takrif yang telah dibincangkan ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa metafora mempunyai sifat-sifat yang sedemikian iaitu satu perbandingan yang dibuat berasaskan analogi dan mengandungi maksud yang ingin disampaikan secara tersirat. Gaya bahasa metafora dapat dilihat menerusi Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid melalui petikan ayat di bawah.

Petikan 1

“.... Aku membawakan **bukit roti** dan daging! Aku boleh memerintahkan sungai untuk terus mengalir dan mongering! Jeritan suaraku sangat kuat mencakupi timur dan barat! Aku berkuasa memerintah bumi dan langit! Aku berupaya menahan matahari! Aku berkuasa menghidupkan orang mati! “Suara itu bertempik –tempik. Kenyaringan suara itu terasa menggegarkan Menara ini. Bahkan terasa bak halilintar yang membelah-belah gumpalan awan di malam hari.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 353)

Berdasarkan kepada petikan 1 di atas, keindahan bahasa atau gaya bahasa telah digunakan oleh pengarang dengan memberikan keindahan cerita dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid (2013). Gaya bahasa metafora dapat dilihat dalam ayat '*bukit roti*'. Bukit membawa maksud kawasan tanah yang tinggi tetapi tidak setinggi gunung, dan bukit merupakan bentuk fizikal muka bumi. Manakala roti merupakan sejenis makanan ruji yang diperbuat daripada doh tepung dan air yang disediakan selalunya melalui proses pembakaran. Pembaca dapat membuat perbandingan yang dilakukan untuk memindahkan makna. Keindahan bahasa bagi gaya bahasa metafora ini dapat membandingkan makanan dengan bukit. Walaupun perbandingan ini kelihatan mudah tetapi pengarang sudah cukup memadai kerana mampu membuka imaginasi kepada setiap pembaca dengan menjadikan ayat tersebut mempunyai makna yang kompleks.

Mohammad Haji Salleh (1989) menyatakan dengan adanya metafora dalam karya mampu membuka imaginasi pembaca. Perkara ini boleh ditunjukkan dalam penggunaan bahasa yang baik, mempunyai keindahan makna yang tepat dan mampu menghasilkan novel yang berkualiti dari segi bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa, amat bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam teori Stilistik yang menerangkan bahawa ia adalah sebagai satu bakat penulis yang kreatif dengan kemampuan yang tersendiri untuk menghasilkan karya dengan gaya bahasa metafora yang bersesuaian digunakan di dalam karya yang dihasilkan menarik menarik minat

perhatian khalayak. Unsur metafora yang digunakan adalah sangat sesuai dengan prinsip ini di mana ia menekankan kemampuan pengarang itu sendiri untuk menggunakan kelebihan dalam menghasilkan karya yang kreatif dengan bakat yang ada pada penulis.

4.2.2 Gaya Bahasa Personifikasi

Personifikasi disebut sebagai pengorangan ialah gaya bahasa kiasan yang memberikan sifat-sifat manusia kepada benda-benda mati, baik perlakuan dalaman atau perlakuan luaran. Menurut Nik Hassan Basri (2006) personifikasi merupakan pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, haiwa, tumbuhan, keadaan, peristiwa, benda tidak bernyawa atau sesuatu berbentuk abstrak. Untuk lebih difahami mengenai personifikasi adalah merujuk kepada sifat manusia yang diberikan kepada sesuatu objek tidak bernyawa. Selain itu, penggunaan gaya personifikasi dapat memperjelas dan memudahkan pemahaman mesej yang disampaikan.

Menurut Rahman Shaari (1993) personifikasi adalah gaya bahasa kiasan yang menggambarkan objek dengan mempunyai sifat seperti manusia. Manakala pada pandangan Keris Mas (1990) menyatakan bahasa kiasan sebegini sebagai "*kiasan permanusiaan*". Namun begitu, kenyataan daripada Md. Siddin Ahmad Ishak dan Mohd Saleeh Rahanad (1999) manusia yang diberikan sifat bukan manusia dikenali sebagai dipersonifikasi. Misalnya, awam '*hitam berarak seolah-olah memahami kekelaman hatiku*'.

Tambahan pula, menurut Rahman Shaari (1993) personifikasi didefinisikan sebagai "*pemberian sifat manusia kepada objek atau abstraksi*". Namun begitu, personifikasi juga dapat dibina dengan menyebutkan kata kerja yang umumnya dilakukan oleh manusia seperti *dedaunan menari, angin membelai rambut dan bulan*

mengintip. Dedauan, bulan dan angin pada hakikatnya telah “*meminjam*” perbuatan *menari*, *mengintip* dan *membelai* yang lazimnya hanya dilakukan oleh manusia bernyawa. Apabila pembaca berjaya mengaitkan rupa unsur bukan manusia itu dengan sifat dan aksi manusia, akan lebih jelas maksud penulis diterima oleh pembaca. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa personifikasi merupakan bahasa kiasan dengan memberikan sifat-sifat manusia kepada bukan manusia (objek). Selain itu, fungsi personifikasi adalah bagi menggerakkan imaginasi pembaca dan memfokuskan maksud yang ingin dinyatakan oleh pengarang.

Petikan 2

“Secara tiba-tiba kejutan berlaku, **Keris Naggroe bergerak-gerak** di atas lantai. Senjata yang dianggap kuno itu seperti bernyawa. Mereka mulai cemas apabila senjata ampuh warisan Wali Sufi itu keluar dari sarung terapung-apung antara lantai dan siling. Kemudian Si Naggroe itu pun berpusing-pusing mencantas para pengawal di situ sehingga menumpahkan darah dan melenyapkan nyawa musuh-musuh yang nyata. Yang kekal bernafas kini hanyalah Profesor Zeedus dan Juvia. Kedua-duanya dihambat perasaan cemas yang terlampau.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 360)

Merujuk kepada petikan 2 menunjukkan penggunaan gaya personifikasi pada petikan ayat ‘*Keris Naggroe bergerak-gerak di atas lantai*’. Bergerak-gerak merupakan perbuatan berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain mengikut keinginan dan hak masing-masing. Malah bergerak adalah gerakan yang kecil dan juga besar bergantung kepada sesuatu objek dan manusia. Tetapi dapat disimpulkan bergerak merupakan kata adjektif. Kata adjektif adalah menerangkan perihal sifat atau keadaan bagi kata nama atau frasa nama. Namun begitu, berpandukan kepada istilah ‘*bergerak-gerak*’ cukup menjelaskan bahawa ia adalah sifat objek yang bernyawa seperti manusia dan binatang tetapi objek yang tidak boleh bernyawa boleh bergerak juga tapi perkara tersebut bukanlah secara semula jadi tapi hasil ciptaan manusia yang bergerak menggunakan bahan tambahan seperti bateri. Tegaslah bahawa, penggunaan ayat

keris Naggaroe bergerak-gerak menunjukkan bahawa sifat manusia (bergerak) telah diberikan kepada objek tidak hidup (keris Naggaroe).

Hal ini bersesuaian dengan teori stilistik yang dikaji oleh pengkaji bagi membantu khalayak untuk memahami makna perkataan yang sukar serta ayat yang kompleks. Oleh hal yang demikian, teori Stilistik bersesuaian kerana dengan perkataan sukar yang digunakan oleh pengarang tersebut dapat menggerakkan imaginasi khalayak untuk berfikir secara luar kotak dan sekaligus dapat membantu dalam perkembangan minda untuk pembaca. Kerana bidang bahasa stilistik adalah satu perkara yang penting untuk dipelajari sebagai ilmu pengetahuan.

Petikan 3

“Jeneral Karanlik cemas apabila melihat sepasukan perang berkuda pimpinannya tersungkur rebah menjunam ke tanah. **Kelihatan butir-butir tanah menuju laju menerpa** pasukannya. Butiran-butiran tanah itu bertidak seperti peluru yang bertebaran. Melukakan sekali gus membunuh. Jeneral Karanlik juga tidak terkecuali. Cuma terkena di bahagian bahunya. Dia bijak mengelak dengan meniarap di atas tanah.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 433)

Berdasarkan kepada petikan 3 di atas dapat dipastikan keindahan gaya personifikasi iaitu penggunaan bahasa dari segi memberikan sifat manusia ke objek lain dalam sebuah karya sastera seperti yang terdapat dalam novel ini. Contohnya, pengarang atau penulis telah menggunakan perkataan '*menuju*' sebagai kata kerja manakala '*tanah*' sebagai unsur bagi objek yang tidak hidup, namun pengarang meletakkan personifikasi bagi memperlihatkan lagi keindahan bahasa yang terdapat dalam novel ini. Secara kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa, Ramlee Awang Murshid merupakan individu yang cukup lama bergiat aktif dalam penulisan dan dari segi gaya penulisan tidak perlu diragui kerana beliau pandai dalam melahirkan prosa yang cukup puitis dan arif dalam susunan bahasanya supaya kelihatan indah. Tidak hairanlah karya Ramlee Awang Murshid juga telah diangkat dalam pembikinan filem

menerusi novel *Tombirua*. Merujuk kepada teori Stilistik perkara ini telah disokong oleh Murray (1960) yang berpendapat bahawa gaya sebagai sesuatu yang istimewa, sebagai teknik eksposisi, pencapaian estetika dan pernyataan sikap penulis manakala pemilihan kata serta penyusunan struktur ayat itu memperlihatkan ciri-ciri keperibadian penulis.

4.2.3 Gaya Bahasa Simile

Simile berlawanan dengan metafora. Metafora tidak menggunakan kata-kata perbandingan, sebaliknya simile menggunakan kata-kata perbandingan. Kata-kata perbandingan tersebut seperti *bak*, *laksana*, *umpama*, *seperti*, *bagai*, *bagaikan*, *ibarat*, *tamsil* dan *seumpamanya*. Simile dikenali sebagai perbandingan dan bersifat eksplisit. Menurut Rachmat Djoko Prodopo (1993) simile menyamakan sesuatu objek dengan perkara, hal, situasi yang lain dengan menggunakan kata-kata perbandingan. Selain itu, bahasa kiasan yang membandingkan ciri utama sesuatu objek dengan ciri utama objek yang lain. Simile berasal daripada perkataan Latin iaitu '*similism*' yang bermaksud '*seperti*'.

Menurut Afzan Bin Ali Hussin (2018) simile merupakan perbandingan dengan mengaplikasikan perkataan *umpama*, *bak*, *bagai*, *ibarat* dan *lai-lai*. Malah beliau turut menyatakan penggunaan gaya bahasa simile merupakan kewajipan yang sudah pasti akan digunakan. Selain itu, Keris Mas (1988) menyatakan bahawa simile merupakan gaya bahasa perbandingan antara dua aspek. Aspek pertama ialah dari segi menyatakan makna dengan membuat perbandingan. Aspek kedua pula dari segi memberikan perumpamaan yang sama dalam setiap perbandingan. Kiasan yang membandingkan dua aspek yang berbeza tetapi mempunyai persamaan seperti menggunakan perbandingan dalam karya. Contohnya *bak*, *umpama*, *seperti* *bagai* dan banyak lagi yang digunakan untuk mengindahkan karya. Terdapat dua cara

mengungkapkan simile. Pertama, pengungkapan secara tertutup, iaitu simile yang memperincikan sifat persamaannya itu. Kedua, pengungkapan secara terbuka, iaitu simile yang tidak memperincikan sifat persamaannya dan terserah kepada pembaca. Namun begitu, fungsi simile adalah menimbulkan kesan keindahan irama ataupun menimbulkan kesan penegasan maksud. Kadangkala simile didatangkan tanpa menyebutkan subjek utama yang hendak dibandingkan, contohnya, *seperti menatang minyak yang penuh, laksana pungguk rindukan bulan dan bagai duri dalam daging.*

Petikan 4

“Jeneral Karanlik cemas apabila melihat pasukan perang berkuda pimpinannya tersungkur rebah menjunam ke tanah menuju lalu menerpa pasukannya. Butiran-butiran tanah itu bertindak **seperti** peluru yang bertebaran. Melukakan sekaligus membunuh. Jeneral Karanlik juga tidak terkecuali. Cuma terkena di bahagian bahunya. Dia bijak mengelak dengan meniarap di atas tanah.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 433)

Berdasarkan kepada petikan 4, penggunaan gaya bahasa simile pada ayat ‘*seperti*’. Simile yang diutarakan dalam novel ini sungguh kreatif dan indah. Dalam novel ini penulis atau pengarang menggambarkan persekitaran yang menarik. Pengarang ini memperlihatkan keindahan bahasa seperti dalam petikan di atas. Simile merujuk kepada penggunaan ayat ‘*tanah itu bertindak seperti peluru yang bertebaran*’ sebagai sesuatu perbandingan untuk menunjukkan keindahan dalam sesebuah karya kerana terdapat kata bandingan iaitu ‘*seperti*’ dalam ayat tersebut. Penggunaan simile di dalam novel mampu memperlihatkan novel menjadi indah dan menarik. Di samping itu, pemilihan bahasa yang menarik dapat menyerikan lagi novel. Hal ini dikatakan demikiran kerana, bahasa mempunyai keunikan yang luar biasa. Sehubungan dengan itu, mengikut kepada prinsip Teori Stilistik ialah di mana pendekatan stilistik ini turut membincangkan aspek keindahan yang selalu digunakan dengan menggunakan struktural kerana ia merujuk kepada keseluruhan ayat dan menjadikan ayat tersebut mempunyai unsur keindahan yang tersendiri.

Petikan 5

“Tak apalah.... Zuhur nanti, datang masjid. Suara mu tak boleh lawan di kampung ini. **Macam suara P. Ramlee** bila azan dalam filem Semerah Padi”. Imam Haji Mahat menepuk lutut Bilal Piut sekali lantas bangkit berdiri. Mu datang tau masjid. Usah nak terpuruk kat sini saja. HmMMM abang balik. “Insyallah” Bilal Piut turut berdiri seraya mengganggu patuh.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 40)

Berdasarkan kepada petikan 5, penggunaan gaya bahasa simile pada ayat macam suara P. Ramlee bila azan dalam filem Semerah Padi. Simile yang diutarakan dalam novel ini sungguh kreatif dan indah iaitu dengan pengungkapan secara tertutup, iaitu simile yang memperincikan sifat persamaannya itu. Pengarang telah menggambarkan suara Bilal Piut seperti arwah P. Ramlee yang menunjukkan suara Bilal Piut amat sedap untuk didengari. Disebabkan oleh itu, Bilal Piut telah dilantik sebagai tukang azan di Merang Pantai, Setiu Terengganu. Dalam novel ini penulis atau pengarang menggambarkan persekitaran yang menarik. Pengarang ini memperlihatkan keindahan bahasa seperti dalam petikan di atas. Simile merujuk kepada penggunaan ayat '*macam suara P. Ramlee bila azan dalam filem Semerah Padi*' sebagai sesuatu perbandingan untuk menunjukkan keindahan dalam sesebuah karya kerana terdapat kata bandingan iaitu '*macam*' dalam ayat tersebut. Merujuk kepada pengaplikasian teori Stilistik kajian karya sastera sememangnya mampu membantu bervariasi disiplin kritikan sastera supaya menjadi lebih mantap, beraneka ragam serta tahap penghayatan karya sastera itu dapat diangkat keunggulannya.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2.4 Gaya Bahasa Imejan/ Perlambangan

Imejan @ perlambangan merupakan kata-kata yang digunakan untuk menerangkan sesuatu benda, keadaan atau peristiwa yang membawa maksud lain atau maknanya lebih mendalam. Penggunaan perkataan lain mempunyai maksud yang berlainan dan menggunakan unsur alam dalam sastera. Menurut Fadzri et. Al (2013) menyatakan perlambangan atau imejan merupakan sesuatu perkataan atau frasa yang digunakan untuk memaksudkan sesuatu yang lain. Menurut *Kamus Dewan* (2007) imejan bermaksud penggunaan beberapa imejan yang terhimpun dalam karya sastera atau penggunaan dalam tulisan. Menurut Yahaya (2010) dalam penulisannya dalam *Sastera Penggerak Bahasa* mengatakan imejan adalah himpunan imej-imej yang digunakan dalam sesebuah puisi. Beliau turut berpendapat bahawa penggunaan imejan dalam penulisan adalah penting bagi pembaca merasai isi kandungan puisi tersebut.

Selain itu, imejan juga merujuk kepada makna sesuatu perkataan yang berhubung dengan imej yang terbayang dalam minda penutur atau pendengar. Imej yang dimaksudkan ini tidak bersifat visual kerana ia tidak dapat menepati gambaran sebenar yang dimaksudkan atau yang telah sedia ada. Contoh-contoh ayat yang berbunyi imejan. Dia tahu, dirinya sudah menghampiri **senja**. (Tua). Adakah **merpati** akan menjenguk daerahku yang penuh kesengsaraan ini. (Kedamaian kemerdekaan) Penggunaan ayat *dirinya sudah menghampiri senja* adalah menggambarkan usianya yang tua. Senja merujuk kepada permulaan gelap pada waktu petang. Oleh itu, penggunaan ayat *senja* amat sinonim digunakan untuk merujuk kepada orang yang telah berusia. Begitu juga dengan *merpati*, kerana burung *merpati* simbolik kepada kebebasan, kedamaian dan kemerdekaan.

Petikan 6

“Bukankah kita berjanji untuk berunding lagi, wahai Trang?” Saifudin bersuaran. **“Negeri tuanku kecil saja. Aku tidak perlu berunding dengan seekor pelanduk!”** Angguh Trang bersuara dari atas seekor gajah putih kesayangannya. “Apakah ini ancaman?” Saifudin bertanya. “Mana bala tentera tuanku? Mengapa Tuanku berseorangan saja berhadapan dengan kami sekalian? Apakah aku ini raja pemerintah dan Tuanku seorang hamba?” Trang tertawamengejek.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 48)

Merujuk kepada petikan 5, terdapat penggunaan gaya bahasa imejan pada perkataan *‘negeri tuanku kecil saja. Aku tidak perlu berunding dengan seekor pelanduk.* Pada ayat ini pengarang telah memberikan gambaran bahawa Negeri Kayangan Bumi yang diperintah oleh Saifudin amatlah kecil jika ingin dibandingkan dengan negeri Kerajaan Siam. Trang selaku pendekar Siam dari Kerajaan Siam menyatakan kepada Saifudin tidak perlu berunding dengan *seekor pelanduk* adalah pengarang cuba memberikan gambaran Kerajaan yang besar dan berkuasa tidak perlu untuk berunding dengan kerajaan kecil. Hal ini dikatakan demikian kerana, kerajaan yang kecil dan mempunyai rakyat sedikit jika memberikan serangan peperangan akan kalah jua. Merujuk kepada teori Stilistik yang mengkaji tentang teknik pemakaian bahasa dalam penulisan yang berkaitan dengan disiplin linguistik. Stilistik juga mencakupi stail dan gaya yang dihubungkan dengan pemakaian bahasa sebagai wahana pengucapan dengan merujuk kepada penggunaan gaya bahasa imejan ini iaitu boleh dilihat bagaimana pengarang mencuba memberikan gambaran yang jelas terhadap apa yang disampaikan dengan mengikuti kreativitiya.

Petikan 7

“Masa merupakan penawar paling mujarab untuk mengubati luka di jiwa. Namun doa dan usaha merupakan rencah yang harus digauli Bersama guliran waktu. Ujian dalam kehidupan akan selalu mendatangi, tetapi menghadapinya dengan tabah, tawakal dan sabar merupakan sebaik-baik cara. Apa pun yang berlaku, hidup ini harus dijalani juga.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 27)

Berdasarkan kepada petikan 7 penggunaan gaya bahasa imejan ini boleh dilihat menerusi perkataan '*masa merupakan penawar paling mujarab untuk mengubati luka di jiwa*'. Pengarang telah memberikan menyatakan bahawa masa adalah mengubati luka merujuk kepada waktu yang perlu dilalui oleh setiap manusia. Waktu yang dilalui dari minit ke minit, dari bulan ke bulan, dari tahun ke tahun adalah perjalanan yang perlu ditempuhi saban waktu dan secara tidak langsung dapat mengubati luka yang telah terjadi. Pengarang menjelaskan bahawa setiap kesedihan, kepahitan, kesengsaraan yang dilalui akan diubati oleh masa yang kita tempuhi. Ini menunjukkan bahawa kita sebagai seorang insan (manusia) perlu menjalani kehidupan biarpun sering mengalami tekanan dan kehilangan tetapi perlu tabah dan tawakal untuk menghadapinya. Seperti firman Allah yang berbunyi:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Dan Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Dan sampaikanlah kabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

(Surah Al-Baqarah Ayat: 5)

4.3 Gaya Bahasa Pertentangan

Gaya bahasa pertentangan bermaksud bentuk bahasa yang memberikan makna yang berlawanan dengan makna yang sebenarnya. Menurut Nadjua (2002), gaya bahasa pertentangan adalah gaya bahasa yang maknanya bertentangan dengan kata-kata yang ada. Selain itu, gaya bahasa pertentangan membandingkan dua hal yang berlawanan atau bertolak belakang. (Tarigan, 2009). Manakala menurut Abdullah Yusof (2014), gaya bahasa yang sering digunakan di dalam gaya bahasa pertentangan ialah hiperbola, paradoks dan inversi. Berdasarkan kepada penjelasan tersebut dapat disimpulkan bahawa gaya bahasa pertentangan adalah gaya bahasa yang

bertentangan dengan makna yang sebenarnya. Gaya bahasa pertentangan terbahagi kepada beberapa jenis seperti gaya bahasa hiperbola, inversi dan paradoks.

4.3.1 Hiperbola

Hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan bagi menyatakan sesuatu secara berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenar. Menurut Safian Hussain (1988) kiasan ini digunakan dengan bertujuan untuk menguatkan kesan makna atau kesan lucu. Hiperbola memberi gambaran yang berlebih-lebihan terhadap sesuatu yang diperkatakan. Tujuan penulis berbuat demikian ialah untuk memikat pembaca menghayati mesejnya. Tambahan pula, hiperbola tidak mementingkan ketepatan gambaran dan dicipta bukan bertujuan menarik perhatian orang mempercayai kata-katanya. Walau bagaimanapun, kata-kata hiperbola dapat membantu pembaca memahami mesej yang ingin disampaikan kerana hiperbola tidak menekankan makna kata-katanya. Malah melalui hiperbola, penulis dapat melontarkan pandangan, pemikiran dan perasaannya sebagai mesej yang diperkatakan. Menurut Rahman Shaari (1993) menjelaskan bahawa gambaran yang dilukiskan dalam hiperbola tidak menepati realiti, tetapi mengandungi nilai estetika. Oleh hal yang demikian, hiperbola merupakan sebuah gaya bahasa yang berlebih-lebihan dengan menggunakan kiasan yang melampau dan bertujuan melahirkan kesan penegasan mengenai fakta dalam sesuatu situasi. Selain itu, fungsi hiperbola adalah membuatkan pembaca memukau dan terkesima dengan ayat-ayat hiperbola.

Seterusnya, hiperbola ialah berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud “*membesar-besarkan*”. Malah menurut Ulman S. dalam bukunya yang berjudul *Semantic: An Introduction to The Science of Meaning* (1962) menyatakan hiperbola adalah salah satu bentuk perubahan makna yang sering digunakan dalam pengiklanan. Pernyataan yang digunakan dalam sesuatu iklan seringkali agak keterlaluan sehingga

perkara tersebut, bertentangan dengan pernyataan asal. Namun begitu, proses pengiklanan ini dilakukan kerana ingin mempromosi dan menarik perhatian pembeli. Selain itu, penggunaan kata-kata yang berlebihan dan diciptakan bertujuan bagi menarik perhatian untuk dipercayai.

Petikan 8

“Dia cuma seorang perempuan Enjim”. Saifudin bersuara dengan nada memujuk. **Dia adalah ular yang sangat berbisa**, Sunan. Dia jugalah yang menjebak aku”. Enjim merengus kencang menoleh pada Juvia yang terpunduk kesamparan. Kemudian melontarkan pedang dalam genggamannya. Mata pedang tertacak ke dinding-dinding sekaki jaraknya daripada kepala Juvia. Apa lagi. Juvia pon menjerit lagi seraya menangis teresak-esak. Hampir-hampir terkencing tatkala berada dalam kepungan maut.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 374)

Berdasarkan kepada petikan 8, jelas menunjukkan penggunaan unsur hiperbola pada petikan tersebut. Berpandukan kepada perkataan '*Dia adalah ular yang sangat berbisa*' merupakan perkataan bagi menjelaskan kepada pembaca mengenai maksud tersirat tentang kejarnya seorang wanita apabila menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Ramlee Awang Murshid menciptakan susunan ayat sedemikian bagi memberikan kefahaman dan gambaran jelas kepada para pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembaca menginginkan sebuah bacaan mudah untuk difahami dari sudut bait-bait prosa yang digunakan. Kesan penggunaan ayat hiperbola seperti yang dinyatakan dalam Petikan 8, adalah bagi melihat bagaimana cara berfikir pembaca menerusi perkataan sifat ular yang berbisa dengan wanita.

Menerusi pendekatan stilistik selain digunakan untuk menganalisis proses penghasilan sesebuah karya juga digunakan untuk menghuraikan penerimaan dan penghargaan pembaca atau khalayak terhadap sebuah karya. Cerminan emosi adalah merupakan bagaimana khalayak dapat menerima hasil karya yang dihasilkan sama ada memberi kesan emosi sedih, gembira, marah dan sebagainya. Penerimaan khalayak kepada hasil karya adalah sangat penting kepada pengkarya tersebut untuk

meningkatkan mutu karya. Pengarang harus bijak dalam memainkan peranan untuk menjadikan karya itu diterima dan dihargai oleh khalayak.

Petikan 9

Saifudin teramat terkejut. Hampir-hampir putus urat jantungnya. Perempuan tua terbongkak-bongkak itu pun **ghaib berubah menjadi bayang**. Saifudin melihat hujung kedua-dua kakinya berdiri. Itulah tahan... inilah dunia. Suasana pun berubah. Sesuatu telah datang ke sini. Makhluq Allah berbentuk dan bersifat angina. Semuanya tergaman termasuk Saifudin. Namun lafaz zikirullah itu dikumat-kamitkan tanpa henti. Saifudin mula berasa kecut perut. Sekujur diri terasa seram sejuk. Detak jantungnya berdegup-degup dengan kencang.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 465)

Berdasarkan kepada petikan 9 diatas, dapat dilihat keindahan bahasa hiperbola yang dihasilkan oleh pengarang adalah untuk mengindahkan lagi cerita dalam novel *Magis* dengan menggunakan hiperbola. Penggunaan ayat dalam novel tersebut adalah perkataan '*ghaib berubah menjadi bayang*' merupakan penggunaan bahasa yang berlebih-lebih iaitu hiperbola. Penggunaan ayat yang tidak masuk akal atau lebih dikenali dengan istilah tidak logik ini memperlihatkan lagi keindahan bahasa dalam novel *Magis*. Di sini dapat dilihat sejauh mana kepentingan keindahan bahasa itu penting dalam sesebuah karya sastera bagi melambangkan keindahan sastera itu sendiri.

Di samping itu, penggunaan gaya bahasa hiperbola dalam karya *Magis* dapat menarik minat para pembaca melalui unsur yang dipaparkan oleh pengarang. Hal ini adalah dengan merujuk bagaimana Ramlee Awang Murshid telah menggunakan prosa kata yang keterlaluan dan berlebihan bagi menggambarkan sesuatu pernyataan. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara tersebut merupakan salah satu cara penulisan bagi menarik minat pembaca dari segi pengolahan kata dan pengolahan idea. Merujuk kepada teori Stilistik adalah bertujuan untuk menyelahkan dan menunjukkan keupayaan pengarang atau penulis menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika. (Sujud, 2014).

4.3.2 Gaya Bahasa Inversi

Inversi ialah permbinaan struktur frasa ayat atau ayat yang terbalik. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) inversi atau anastrof ialah gaya bahasa pertentangan dan memfokuskan kepada pembalikan kata-kata yang berbeza daripada susunannya yang lazim atau gaya bahasa atau menyongsang struktur kata, frasa atau klausa dalam ayat. Selain itu, menurut Kamus Dewan (2017) inversi merupakan pembalikan susunan kata-kata dalam ayat. Manakala pada pandangan Shamsudin Othman (2017) dalam bukunya yang berjudul *Darah Titik Di Semantan* inversi ialah unsur pembalikan susunan kata atau ayat. Perkara ini dinyatakan juga sebagai frasa songsang atau ayat songsang di dalam hukum tatabahasa. Di samping itu, ayat songsang merupakan susunan biasa dalam ayat dalam bahasa Melayu ialah subjek+ predikat. Ayat songsang pula terbentuk daripada proses transformasi ayat biasa (subjek + predikat). Penyongsangan ini dapat dilakukan melalui proses pedepanan yang bertujuan memberikan penegasan kepada predikat.

Jenis-Jenis Pendepanan:

(a) Pendepanan Frasa Kerja

Ayat Biasa	Ayat Songsang
Ahmad menulis setiap hari	Menulis setiap hari Ahmad

Merujuk kepada perkataan '*menulis*' ia merupakan kata kerja. Pendepanan frasa kerja boleh digunakan dalam karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan pendepanan farsa kerja ayat songsang bukan sesuatu kesalahan bagi pengkarya malah dianggap nilai keindahan dan estetika. Kata kerja ialah perkataan yang mengandungi perbuatan atau menunjukkan keadaan perbuatan. Perbuatan ialah aktiviti yang terkandung dalam perkataan seperti 'menulis', 'berlari' dan keadaan terkandung dalam perkataan seperti 'berfikir', 'tidur', 'bekerja' dan sebagainya. Kata kerja merupakan kata inti yang wajib ada dalam sesebuah frasa kerja. Oleh itu, menurut Ahmad Khair Mohd Nor (2012) dari segi makna, kata kerja ialah kata yang merujuk kepada perbuatan atau sesuatu yang dilakukan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

(b) Pendepanan Frasa Kerja dengan Adjektif

Ayat Biasa	Ayat Songsang
Encik Imran sangat segak	Sangat segak Encik Imran

Merujuk kepada perkataan 'segak' ia merupakan kata adjektif yang sering digunakan dalam puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan mantera. Namun begitu, terdapat juga kata adjektif dalam novel, cerpen, sajak, skrip drama. Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat merujuk kepada kata sifat yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Contoh kata adjektif seperti 'cantik', 'besar', 'rajin' dan sebagainya. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat. Menurut Nik Safiah Karim (2011), kata adjektif dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan mempunyai ciri-cirinya yang didahului atau diikuti oleh kata penguat seperti sakit sungguh dan amat sakit. Namun begitu, menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011) terdapat sembilan jenis kata adjektif yang terdiri daripada kata adjektif sifat atau keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjektif jarak, kata adjektif cara, kata adjektif perasaan dan kata adjektif pancaindera.

(c) Pendepanan Frasa Sendi Nama

Ayat Biasa	Ayat Songsang
Rantai emas itu untuk ibu	Untuk ibu rantai emas itu

Merujuk kepada perkataan 'untuk' merupakan kata sendi nama. Kata sendi nama ialah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dan ayat. Menurut Nik Safiah Karim (2004), kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Contoh-contoh kata sendi nama ialah 'di', 'ke', 'sampai', 'pada', 'untuk' dan sebagainya. Frasa sendi nama terletak di depan kata nama, frasa nama atau kata ganti nama dan dipisahkan daripa perkataan yang mengikutnya. Tambahan pula, kata sendi nama ialah perkataan yang digunakan untuk merangkaikan frasa nama dengan kata-kata atau frasa-frasa yang lain.

Ini merupakan contoh ayat-ayat inversi yang sering digunakan dalam sastera:

Contoh Ayat Inversi (songsang) Dalam Sastera	Ayat Biasa
Semalam petang dia datang menjengukku	Petang semalam dia datang menjengukku
Panas cuaca petang itu melelahkan tubuhnya	Cuaca panas petang itu melelahkan tubuhnya
Kopi secawan diteguknya puas-puas	Secawan kopi diteguknya puas-puas

Petikan 10

“Memang benar! Saifudin berada di pintu maut kala ini. Kudratnya selaku pendekar belum cukup ampuh mengalahkan bala tentera musuh yang dipimpin **seekor manusia yang berumur**. Panjang yang telah menguasai dunia ini Bersama pakatannya di mana-mana jelajah pun. Lelaki itulah yang menjadi raja di dalam dunia yang sudah uzur ini. Seorang tuan yang mengaku Tuhan. Lebih dasyat berbanding makhluk laknatullah! “

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 02)

Berdasarkan kepada petikan di atas, penggunaan inversi boleh dilihat menerusi petikan ayat yang berbunyi ‘*seekor manusia yang berumur*’ sepatutnya penggunaan ayat yang betul adalah menggunakan ‘*seorang manusia yang berumur*’. Hal ini dikatakan demikian kerana, insan (manusia) merujuk kepada ‘*seorang*’ manakala ‘*seekor*’ merujuk kepada binatang. Penggunaan unsur inversi ini memberikan keindahan bahasa kerana secara tidak langsung pembaca akan mencari makna tersirat yang ingin disampaikan oleh pembaca. Menurut Farid M. Onn (1993) morfologi ialah bidaang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Oleh itu, dengan merujuk penggunaan inversi yang disajikan oleh Ramlee Awang Murshid merupakan pembalikan kata bagi menarik perhatian pembaca. Merujuk kepada teori Stilistik dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan gaya bahasa yang unik dari segi bentuk dan fungsinya dapat dikaitkan dengan fikiran pengarang yang disajikan kepada pembaca. Dari aspek ini, bentuk dan fungsi gaya bahasa pengarang dapat diperincikan norma linguistiknya dari segi laras leksikal, kenahuan dan kata figuratif memberi kesan-kesan dramatik tertentu terhadap novel Magis (2013).

4.3.3 Gaya Bahasa Paradoks

Paradoks merupakan gaya bahasa yang bertentangan dengan kata-kata dalam ayat dan fungsi. Gaya bahasa tersebut adalah memperlihatkan satu keadaan yang berlawanan. Selain itu, menurut *Kamus Puisi (2005)* paradoks adalah sesuatu yang bertentangan dengan kenyataan sebenar meskipun perkara tersebut betul. Di samping itu, menurut Abdullah Yusof (2014) paradoks menunjukkan keadaan atau suasana yang berlawanan. Namun kenyataannya mengandungi kebenaran dengan pendapat umum atau realiti. Manakala menurut Md. Salleh Yaapar (2015) paradoks merupakan pernyataan yang nampak bercanggah atau tidak masuk akal, tetapi sebenarnya munasabah. Paradoks sering digunakan oleh pengarang dan penyair serta merupakan alat utama dalam puisi metafizik dan keagamaan. Gaya bahasa paradoks merupakan gaya bahasa yang mengandungi pertentangan yang nyata dengan fakta-fakta yang ada. Gaya bahasa ini menyatakan sesuatu yang berlawanan, tetapi sebenarnya tidak bila difikirkan dan dirasakan.

Petikan 11

“Mukannya yang bukan berwajah manusia itu Nampak menyeringai lagi menakutkan. Juvia terlihat kesamparan di satu penjuru. Seluruh tubuhnya berasa seram sejuk sehingga membuatnya mengigil. Baru kali ini menyaksikan kekejaman lelaki yang disukainya itu. Tapi sekarang Tombiruo itu amat menakutkannya. Lebih-lebih dengan **wajah binatang jelmaan manusia itu**. Kepalanya tertunduk. Tidak sanggup melihat tatapan mata lelaki itu yang dirauti sifat kejam yang tampak membengis”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 373)

Berdasarkan kepada petikan 11 terdapat penggunaan gaya bahasa paradoks pada petikan ini. Contoh yang boleh dinyatakan pada petikan ini adalah pada perkataan '*wajah binatang jelmaan manusia itu*' pada ayat ini menjelaskan bahawa keadaan yang berlawanan iaitu perihal wajah binatang dengan badan manusia. Pengarang telah menggunakan ayat *wajah binatang jelmaan manusia* merujuk kepada manusia yang berwajah binatang. Tambahan pula, pengarang ingin menjelaskan kepada pembaca

bahawa Enjim(Tombiruo) memiliki kekurangan iaitu wajahnya mengalami kecacatan sejak kecil lagi disebabkan oleh itu, pengarang sengaja menggunakan perkataan wajah binatang (yang menggambarkan wajahnya Enjim @ Tombiruo yang cacat) dengan jelmaan manusia (enjim yang memiliki tubuh badan lelaki perkasa).

Petikan 12

“Siulan bersuara syaitan itu merupakan magis yang dimiliki Biyin untuk mengawal serta memerintahkan sekumpulan dubuk itu mengikut telunjuknya. Siulan bersuara syaitan itu boleh membunuh andai terus-menerus wisel itu ditiup. Bunyi yang menusuk mampu memecahkan anak telinga. Meleburkan sel-sel otak. Memutuskan urat-urat jantung. Sebab itulah ia digelar siulan bersuara syaitan”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 244)

Merujuk kepada petikan 12, terdapat penggunaan gaya bahasa paradoks pada perkataan '*siulan bersuara syaitan itu boleh membunuh andai terus-menerus wisel itu ditiup*'. Pengarang ingin menerangkan kepada pembaca bahawa wisel yang bernama siulan bersuara syaitan ini mengeluarkan bunyi yang amat menakutkan sehingga mampu membunuh andai kata wisel tersebut sentiasa berbunyi. Malah binatang-binatang yang mendengar bunyi daripada wisel ini akan mematuhi orang yang meniupkan wisel itu seperti Biyin. Hal ini kerana, wisel itu mengeluarkan bunyi yang menyakitkan sehingga haiwan-haiwan seperti sekumpulan dubuk akan mendengar dan mengikut perintah.

4.4 Gaya Bahasa Penyirnaan

Gaya bahasa penyirnaan pula ialah bentuk bahasa yang mengalami pengguguran bunyi, suku kata, frasa atau bahagian ayat. Selain itu, gaya bahasa penyirnaan ialah bentuk bahasa yang mengalami pengguguran bunyi, suku kata, kata, frasa atau bahagian ayat. (Abdullah Yusf, 2014). Sinkof merupakan satu contoh gaya bahasa penyirnaan. Menurut Nik Hassan Basri (2006) bermaksud pengguguran huruf sisipan atau suku kata sisip bagi perkataan atau menghilangkan huruf tengah atau suku

kata tengah bagi perkataan. Tambahan pula, menurut *Kamus Dewan* (2016), penyirnaan bermaksud pemusnahan, penghapusan dan penghilangan.

4.4.1 Gaya Bahasa Sinkof

Bentuk gaya bahasa sinkof bermaksud kependekan atau pengguguran suku kata daripada perkataan asal. Menurut Fadzri Aris et. al (2013) sinkof merupakan singkatan sesuatu perkataan. Oleh itu, sinkof merupakan singkatan ataupun pemendekan kata dengan mengugurkan suku kata dari tengah-tengah kata. Sinkof kebiasaannya terdapat pada sajak, cerpen dan novel tetapi terdapat juga pada puisi tradisional seperti pantun, gurindam, syair dan mantera tetapi tidak selalu digunakan oleh pengkarya. Unsur kependekan atau singkatan ialah perihal memendekkan kata atau frasa semasa berkomunikasi. Menurut Whong Khek Seng (2007) lazimnya pemendekatan kata ini berlaku dalam pertuturan tidak formal seperti bahasa lisan. Menurut Za'ba (2002) bahasa lisan banyak menggunakan perkataan-perkataan yang dipendekkan seperti *tak, nak, tu, ni, dah* dan lain-lain. Perkataan-perkataan yang dipendekkan ini berasal daripada perkataan tidak, hendak, itu, ini dan sudah. Kebiasaannya penggunaan gaya bahasa sinkof sering terdapat dalam dialog pada skrip drama dan juga novel. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa harian pada masyarakat hari ini bukan menggunakan bahasa baku tetapi menggunakan bahasa rojak dan bahasa pasar ini menyebabkan pengkarya kini perlu menerima perubahan tersebut demi menarik minat pembaca. Namun begitu, golongan sastera bukan menolak penggunaan bahasa formal dan bahasa baku tetapi masih menggunakan dan memartabatkan penggunaan bahasa tersebut. Bahasa rojak adalah bahasa yang digunakan dalam percakapan masyarakat kini. Menurut Meor Osman (2008) bahasa rojak merupakan penggunaan bahasa yang bercampur-campur antara dua atau lebih bahasa. Keadaan ini berlaku disebabkan masyarakat kini adalah

masyarakat multibahasa, kerana kebanyakan kita mempunyai pengetahuan sekurang-kurangkan dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Petikan 12

“Carlos” Keluh Bilal Piut. “Siapa Carl... Carlos?” Tanya Imam Haji Mahat serius. “Aku **tak** tahu... aku **tak** kenal, abang haji,” Bilal Piut mengeluh lagi “Tapi....bila abang haji memanggilmu... **mu** seorang-seorang saja di rumah.” “Agaknya.... Aku **dah** gila, abang haji.” Wajah tua Bilal Piut tertunduk.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 111)

Merujuk kepada petikan 11 terdapat penggunaan gaya bahasa sinkope pada petikan tersebut. Perkara ini boleh dilihat menerusi pada perkataan ‘*tak*’, ‘*mu*’, ‘*dah*’ merupakan singkatan daripada perkataan ‘*tidak*’, ‘*kamu*’, ‘*sudah*’. Penggunaan singkatan kata sinkope ini banyak terdapat pada teknik penulisan dialog oleh itu di dalam novel *Magis*, pengarang banyak menggunakan bahasa baku, bahasa melayu klasik bagi memartabatkan bahasa tersebut. Hal ini kerana, novel *Magis* merupakan sebuah novel yang berbentuk fiksyen dan fantasi yang seiring dengan realiti di mana fenomena Halo telah menarik lima individu yang berlainan tempat dan berbeza tahun ke sebuah dunia magis. Iaitu sebuah dunia hujung waktu dan pada ketika itu, tamadun serta peradapan manusia telah terhakis dari aspek agama, kepercayaan dan juga budaya. Watak tersebut terdiri daripada Laksamana Sunan, Enjim (Tombiruo), Mikhail, Ryu Watanabe dan Carlos namun kesemua watak-watak tersebut sebenarnya terdapat pada karya-karya Ramlee Awang Murshid yang lain tetapi dalam novel *Magis* telah digabungkan kesemua watak tersebut kepada satu novel. Disebabkan itu, terdapat variasi bahasa dalam novel *Magis* bukan sahaja tertakluk kepada bahasa melayu klasik dan juga bahasa baku tetapi bahasa rojak juga ada.

Petikan 13

“Hari ini seorang posmen menghantar sepucuk surat. Risham menyambut posmen itu dengan ramah sekali. Malah, menghadiakan sekotak kecil strawberi kepada lelaki itu. “Terima kasih, **bang**. Selalu benar abang beri saya strawberi,” Kata posmen itu. “Strawberi abang subur. Bagi-bagi rasakan elok”. Balas Risham. “**Akak** mana?” Tanya posmen itu. “**Kat** dalam kedai. Ramai pelanggan singgah sekarang Ni. Alhamdulillah. “Rezeki Allah, **bang**. Ambik.... Jangan **tak** ambik,” Posmen itu tergelak kecil

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 28)

Merujuk kepada petikan 13, penggunaan kata sinkope boleh dilihat menerusi pada perkataan *bang*, *akak*, *kat* dan *tak*. Perkataan tersebut merupakan singkatan kata daripada perkataan abang kepada bang, kakak jadi singkatan kata kak, manakala tidak menjadi perkataan tak dan dekat menjadi singkatan kata kata.jelas menunjukkan bahawa penggunaan gaya bahasa yang unik dari segi bentuk dan fungsinya dapat dikaitkan dengan fikiran pengarang yang disajikan kepada pembaca. Dari aspek ini, bentuk dan fungsi gaya bahasa pengarang dapat diperincikan norma linguistiknya dari segi laras leksikal, kenahuan dan kata figuratif memberi kesan-kesan dramatik tertentu terhadap novel Magis (2013).

4.5 Gaya Bahasa Sindiran

Sindiran adalah suatu acuan yang ingin mengatakan sesuatu dengan makna atau maksud yang berlainan dari apa yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Gaya bahasa sindiran juga dikenali sebagai bahasa yang mempunyai ragam kerana bahasa sindiran digunakan seseorang mengikut konteks yang sesuai. Gaya bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna tersirat dan tersurat yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1965), menyatakan bahawa gaya bahasa sindiran sebagai ujaran yang ditujukan kepada seseorang secara berkias dan tidak tepat, iaitu mempunyai makna yang bertentangan daripada ujaran

tersebut. Sebagai contoh sekiranya seseorang ingin menyatakan sesuatu mengenai orang lain, dia tidak akan menyebut secara tepat orang berkenaan.

Begitu juga dengan Za'ba (1965) menyatakan sindiran sebagai bahasa yang ditujukan kepada seseorang tetapi maksudnya tidak disebut dengan tepat sebaliknya hanya disinggung dengan membuat kiasan sahaja atau ditujukan kepada perkara lain semata-mata kerana tidak menyebut perkara tersebut secara terang-terangan. Selain itu, Keraf (2007) berpendapat bahawa gaya bahasa sindiran merupakan satu bentuk acuan yang mempunyai tujuan tertentu dan mengandungi makna tersirat atau maksud yang berlawanan daripada perkara yang diujarkan oleh seseorang. Ujaran yang mengandungi sindiran ini dinyatakan juga secara tidak tepat, berselindung dan dikias dengan perkara lain tetapi ditujukan secara tepat terhadap seseorang. Gaya bahasa sindiran terbahagi kepada kepada ironi, sinisme, dan sarkasme.

4.5.1 Gaya Bahasa Ironi

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassn & Nik Norazira Abd Aziz (2022) dalam kajiannya yang bertajuk Warisan Budaya Melayu Dalam Novel '*Kasyaf Ain*'. Persoalan penting yang dikemukakan dalam novel tersebut adalah mengenai nilai warisan budaya sesebuah masyarakat kerana aspek budaya sering kali tidak menerapkan dalam aspek mendidik setiap lapisan masyarakat. Justeru itu, melalui pendedahan yang dipaparkan mengenai aspek warisan budaya Melayu yang digambarkan melalui novel. Penonjolan unsur warisan budaya ini dapat dilihat dari segi dialek, bahasa, tingkah laku sosial, tataadab dan institusi kekeluargaan.

Sindiran terbahagi kepada tiga jenis iaitu ironi, sinisme dan sarkasme. Ironi berasal daripada bahasa Yunani iaitu '*eironeia*' bermaksud penipuan dan dinyatakan secara halus agar berlawanan dari apa yang dimaksudkan dalam rangkaian kata-

katanya. Menurut Rahman Shaari (1993) ironi adalah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu dengan menggunakan hal lain yang berlawanan dengan tujuan agar orang yang dituju tersindir secara halus. Selain itu, sinisme pula bersifat ejekan, kesangsiannya terhadap pernyataan, keikhlasan, kejujuran seseorang dan dianggap sindiran yang tajam. Seterusnya, sakasme pula adalah cemuhan dan celaan iaitu kata-kata yang bersifat keras dan kasar sehingga tidak enak didengar. Kadang kala sakasme bersifat ironi dengan gaya yang menyakitkan. Ketiga-tiga gaya sindiran ini sering digunakan dalam prosa moden dan puisi tradisional. Ratna (2009) ironi merupakan sindiran yang menyembunyikan sesuatu kenyataan atau fakta. Sindiran ini bersifat halus dan mempunyai makna tertentu.

Di samping itu, menurut Md. Salleh Yaapar (2015) ironi merupakan keadaan yang melindungi makna untuk menyampaikan maksud yang berlainan. Kadang-kadang maksud yang disampaikan berlawanan dengan apa yang diujarkan. Walau bagaimanapun, ironi tidak bertujuan memperdaya malahan untuk mendapatkan kesan retorika dan artistik. Selain itu, ironi juga menonjolkan ketidaksesuaian antara harapan dengan kenyataan. Dan antara suasana yang dikemukakan dengan kenyataan yang mendasarinya. Ironi berhubungan dengan sarkasme dan sinisme, iaitu gaya ujaran yang penuh dengan kecurigaan, keraguan atau sikap yang meremehkan kejujuran dan moral. Terdapat 2 jenis ironi, yang pertama ironi lisan iaitu kenyataan yang mengandungi makna tersirat yang berbeza daripada apa yang dinyatakan oleh pengujar. Yang kedua, ironi struktual ialah kenyataan yang menonjolkan ciri-ciri struktual yang berfungsi untuk mengekalkan kepaduan makna.

Namun begitu, menurut Shamsudin Othman (2017) dalam bukunya yang berjudul *Darah Titik Di Semantan* yang menyatakan ironi merupakan keadaan atau kejadian yang menunjukkan pertentangan dan kesan yang sebaliknya antara sesuatu yang dijangkakan dengan menjadi yang hakikat sebenarnya. Gaya bahasa ironi

mempunyai ciri-ciri yang bersifat ejekan, kejian dan kata-kata yang melukakan hati perasaan. Penggunaan gaya bahasa ini, akan memberikan yang mendalam kepada pembaca, kerana ia merupakan salah satu bentuk nasihat kepada kita. Penggunaan gaya bahasa ini amat penting bagi memberikan keinsafan kepada watak dan juga pembaca. Dalam karya-karya sastera perlu meletakkan aspek sindiran agar memberikan pengajaran kepada pembaca.

Ungkapan ayat yang berbau sindiran supaya pembaca dan penonton akan merasa insaf dan secara tidak langsung akan merefleksi diri. Refleksi diri merupakan suatu tindakan bagi seseorang individu merenung diri sendiri di atas kesilpan yang terucap ataupun tindakan yang dilakukan yang menyakiti orang lain secara tidak langsung. Di samping itu, refleksi diri mampu memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan mampu memberikan kesedaran dalam diri. Selain itu, petikan di bawah merupakan ayat-ayat gaya bahasa ironi yang dapat ditemukan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid.

Petikan 15

“Entahlah, tuan. **Carlos itu seperti syaitan dalam diri aku**”, keluh Carlos. Aku sendiri tidak mengenal siapa diri aku sebenarnya, tuan. Yang aku tahu aku ni Bilal Piut. Cerita asal usul masa lampau. Aku tidak ingat langsung. Yang aku ingat. Aku sering mendengar bisikan seorang lelaki yang mengakui dirinya Carlos”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 289)

Di samping itu, menerusi petikan 15 jelas menunjukkan penggunaan gaya bahasa ironi. Hal ini menunjukkan sindiran ironi dalam ujaran yang bersifat halus, iaitu tidak terlalu kasar dan tidak terlalu sini. Penggunaan bahasa sindiran ironi yang memberikan satu perasaan yang terlalu menekam jiwa jika diteliti dengan lebih terperinci maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. “*Carlos itu seperti syaitan dalam diri aku*” ayat ini cukup jelas memberikan tamparan yang cukup hebat kepada diri kita sendiri. Kadang kala kita tidak sedar akan perbuatan yang dilakukan telah menyakiti

oleh orang lain ataupun bahasa yang diucapkan mampu menguris perasaan individu tertentu. Malah adakalanya perbuatan yang dilakukan oleh diri sendiri hanya diri kita sahaja mengetahui tapi Allah S.W.T adalah Maha Mengetahui.

Ramlee Awang Murshid menekankan kepada watak Carlos yang mempunyai identiti yang jahat dan memberikan kesan yang buruk kepada kehidupan Bilal Piut ini kerana Bilal Piut dan Carlos merupakan individu yang sama dan mempunyai dua watak yang kontra iaitu jahat dan baik. Apa yang ingin disampaikan oleh pengarang di sini adalah di dalam diri setiap insan mempunyai syaitan (kejahatan) jika tidak mendidik dengan kebaikan dan disalurkan dengan niat yang baik. Sebagai manusia, kita yang boleh mengawal diri sendiri untuk kebaikan ataupun kejahatan. Dan janganlah terpengaruh dengan tipu daya syaitan kerana syaitan mempunyai pelbagai muslihat untuk menjatuhkan umat Muhammad S.A.W.

4.5.2 Gaya Bahasa Sinisme

Penggunaan Gaya bahasa sinisme merupakan sindiran berbentuk tajam yang bersifat ejekan kerana kesangsiannya terhadap pernyataan. Menurut Keraf (2007) sinisme merupakan suatu sindiran berbentuk kesangsian dan mengandungi ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Penggunaan sinisme merupakan sindiran tajam bersifat ejekan kerana kesangsiannya terhadap pernyataan keikhlasan dan kejujuran seseorang. Tambahan pula, reaksi menyindir bersifat berani atau bersifat mengejek (Caldwell, 2011). Sinisme juga dikatakan sebagai gaya bahasa sindiran yang mencari kesalahan orang lain, bersifat mengejek dan menyindir. Selain itu, sinisme juga dikatakan menjejaskan kepercayaan dalam nilai-nilai yang diterima umum dan keikhlasan seseorang terhadap motif atau kelakuan, menerima pendapat faktor yang mengawal tingkah laku manusia ialah merupakan sifat mementingkan diri dan

seterusnya mempamerkan perasaan curiga untuk menghina orang lain. Begitu juga sama dengan pandangan Tarigan dan Keraf (2013), gaya bahasa sinisme ialah sejenis gaya bahasa berupa sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati.

Petikan 16

“Seraya itu juga Bilal Piut mengucapkan Salam, tapi tidak berbalas. Renungan mata lelaki itu sangat berbinar. Terasa menikam belahan hatinya. Bilal Piut memperbaguskan dirinya agar tidak kelihatan dungun. Kalihan mata hitamnya disengajakan untuk menghindar sinar mata lelaki berkenaan. Malah lelaki misteri itu enggan berganjak ke mana-mana. **“Kau semakin tua dan lelah,”** ejek lelaki itu. “Mu ni siapa?” Tanya Bilal Piut- tenang. “Aku Carlos.” Lelaki itu memberitahu. Bilal Piut terpingga-pingga-nampak kebingungan.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 41)

Merujuk kepada petikan di atas pada perkataan *'kau semakin tua dan lelah'* merupakan gaya bahasa sindiran sinisme. Sinisme adalah bersifat ejekan dan kesangsian terhadap pernyataan. Merujuk kepada sinisme tersebut, Carlos hanya mengejek dirinya sendiri kerana dia dan Bilal Piut adalah orang yang sama. Carlos dan Bilal Piut merupakan individu yang sama tetapi mempunyai dua perwatakan yang berbeza. Bilal Piut mempunyai penyakit yang bernama gangguan personaliti split atau nama saintifiknya adalah *Multiple Personality Disorder* iaitu mempunyai dua personaliti yang berbeza. Bilal Piut tidak sedar akan perubahan personaliti yang dialaminya di antara dirinya dengan Carlos. Carlos merupakan watak jahat, kejam, pembunuh dan suka bergaduh manakala Bilal Piut ialah seorang yang kuat agama, baik, dan tidak suka kekerasan. Carlos sering bertindak agresif dan di luar kemampuan Bilal Piut apabila berlakunya perubahan personaliti itu.

Petikan 17

“Kau jangan dekat! **Aku bunuh kau!**” Carlos tampak kesamparan. “Sebutlah nama Allah berulang-ulang, Carlos.” Saifudin memberi nasihat “**Kau diam, bangsat!**” Carlos kelihatan hampir-hampir gila kesurupan. “**Bangsat!**” Suara Cinnie berubah garau

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 291)

Merujuk kepada petikan di atas, pada perkataan *aku bunuh kau, kau diam bangsat dan bangsat* merupakan gaya bahasa sindiran yang berbentuk sakasme. Gaya bahasa sakasme adalah cemuhan dan celaan iaitu kata-kata yang bersifat keras dan kasar sehingga tidak enak untuk didengar. Pengarang menggunakan perkataan yang sedemikian bagi menunjukkan sikap sesetengah manusia apabila bercakap, menggunakan bahasa yang kesat dan kotor. Perkara ini tidak sedap untuk didengari lagi-lagi kepada masyarakat yang lebih berusia dan kanak-kanak.

4.6 Gaya Bahasa Pengulangan

Gaya bahasa pengulangan ialah gaya bahasa yang mengandungi unsur-unsur pengulangan bunyi, suku kata, kata, frasa, atau bahagian ayat yang dianggap penting untuk menghasilkan kesan dan memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. (Nik Hasaan Basri Nik Ab. Kadir, 2005). Pengulangan bermaksud proses mengulang penggunaan kata, klausa atau ayat dalam perbualan atau penulisan. Menurut Za’ba (2002), mendefinisikan perulangan sebagai mengulang sesuatu perkataan atau ayat atau cabang dua tiga kali dengan tujuan hendak menguatkan maksudnya. Selain itu, pengulangan juga boleh merangkumi unsur pengulangan atau pengantian. Menurut Siti Asma, Hazlina & Nik Rafidah (2018) penggunaan aspek pengulangan adalah untuk menimbulkan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Pengulangan dalam perbualan berfungsi dalam wacana sebagai penegasan, fokus, jaringan antara ayat dan sebagainya. Gaya bahasa pengulangan terdiri daripada gaya anafora, gaya bahasa asonansi, gaya bahasa aliterasi, dan gaya bahasa epifora.

4.6.1 Gaya Bahasa Anafora

Anafora merupakan gaya bahasa pengulangan kata yang sama di awal baris dan kebiasannya pengulangan ini ditemukan dalam pertuturan dan penulisan. Menurut Rahman Shaari (1989) mendefinisikan anafora sebagai pengulangan perkataan atau kalimat beberapa kali oleh seorang penulis bagi menegaskan sesuatu perkara. Namun begitu, Henry Guntur Tarigan (1989) mengatakan bahawa anafora adalah gaya bahasa repetisi kata pertama pada setiap baris atau setiap kalimat. Gaya ini bukan sahaja menimbulkan keindahan dan gaya tarikan, tetapi dapat menegaskan maksud. Daripada sudut penutur yang mahu menghafal sesebuah puisi, perulangan memudahkannya mengingat puisi itu. Oleh kerana itu, menurut Keris Mas (1988) pengamal perubatan alternatif seperti bomoh dan dukun sering juga menggunakan gaya sebegini. Menurut Henry Guntur Tarigan (1985) menyatakan gaya perulangan terdiri daripada beberapa jenis seperti anaphora, epifora, simplok, responsi, homoioteleuton, woordopname dan paralelisme. Dapat disimpulkan bahawa anafora ialah jenis gaya bahasa pengulangan bagi menegaskan maksud yang disampaikan melalui pengulangan kata atau setiap kalimat.

Petikan 18

“**Kau**.... kau bercakap dengan mereka? Biyin mula menyedari hal itu.

“**Kau** berubah setelah di.....digigit dubuk? Kau Kau bertukar menjadi separuh dubuk?”

“**Kau**.... kau.... separuh bina.... binatang?” biyin tergelak payah-darah bersemburan lagi.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 263)

Jika diperhatikan pada petikan tersebut jelas menunjukkan penggunaan gaya bahasa anafoa pada rangkap pertama, kedua dan ketiga. Kata ‘*Kau*’ mendominasi pada rangkap pertama, rangkap kedua dan rangkap ketiga. Menerusi petikan di atas dapat dinyatakan bahawa pengarang cuba mewujudkan teknik penulisan seperti puisi, iaitu pengulangan kata yang agak sinonim pada baris hadapan. Berdasarkan gaya anafora

itu seolah-oleh menyatakan penegasan pengarang terhadap setiap ayat yang dihasilkan di samping berkemungkinan memberi penekanan maksud tersirat dalam setiap baris ayat yang disampaikan secara halus dan puitis.

Petikan 18

“**Aku tak ingat** apa-apa, abang haji”, Bilal Piut jujur mengakui hakikat itu’

“**Aku tak ingat.** Siapa aku. Tak ingat dari mana asal usulku. Tak ingat!” Bilal Piut kelihatan berkerut wajahnya. Riaknya sahaja sudah memperlihatkan keserabutan fikirannya sekarang. Bilal Piut mengalami amnesia. Lupa ingatan

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 5)

Merujuk kepada petikan di atas, penggunaan anafora boleh dilihat pada rangkap pertama dan rangkap kedua. Kata ‘*aku tak ingat*’ telah diulang sebanyak dua kali. Berdasarkan gaya anafora itu seolah-oleh menyatakan penegasan pengarang terhadap setiap ayat yang dihasilkan di samping berkemungkinan memberi penekanan maksud tersirat dalam setiap baris ayat yang disampaikan secara halus dan puitis. Merujuk kepada pengkajian stilistik sememangnya mengungkap aspek-aspek estetik pembentukan kepuitisan karya sastera. Ianya satu ilmu untuk mempelajari gaya bahasa. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir dan Umar Junus (2010) menyatakan bahawa stilistik adalah ilmu tentang gaya bahasa.

4.6.2 Gaya Bahasa Asonansi

Asonansi bermaksud perulangan bunyi vocal dalam dua atau lebih daripada suku kata. Pengulangan vocal ini terdiri daripada huruf ‘*a, e, i, o, u*’ dan kebiasaannya tertumpu kepada prosa tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan sajak. Menurut Muhammad Rozali (2011) pengulangan bunyi vokal yang sama dalam deretan kata. Fungsi asonansi adalah menimbulkan kelembutan, kemerduan dan keindahan bunyi tetapi perulangan bunyi vokal kadang kala tidak menarik minat pembaca. Menurut Rahman Shaari (1993) perulangan itu adalah perihal biasa dalam prosa kerana kata-

kata akan terbina daripada bunyi vokal dan beberapa huruf konsonan. Mankala menurut Fadzri Aris. et. al. (2013) asonansi merupakan pengulangan bunyi vokal yang sama dominan pada baris. Berdasarkan kepada petikan di bawah, ia merupakan contoh-contoh penggunaan gaya bahasa asonansi.

Petikan 20

“Mikhail membuka mata. Terasa sekelip mata sahaja dia melakukan gerakan kelopak penglihatannya”. Silauan tikaman sinar matahari sudah tidak terasa menyakitkan lagi. Namun belum pun sempat menghela nafas lega, Mikhail terlihat sesusuk tubuh manusia yang tampak kekar sedang menerjahnya bersama hunusan sebilah lembing bermata serampang yang tajam berkilauan”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 108)

Vokal ‘a’ mendominasi keseluruhan baris di atas, pengkaji berpendapat bahawa pembaca bukan tertarik pada bunyi ‘a’ itu, tetapi dapat menarik pembaca untuk menghayati perasaan dan maknanya. Hal ini telah disokong oleh Rahman Shaari (1993), yang menyatakan bahawa unsur asonansi kadang-kadang tidak bererti apa-apa, tetapi kadang-kadang memberi kesan pada pengucapan. Dalam hal ini, aspek makna dan perasaan harus diambil kira. Sebenarnya, kenyataan di atas dapat digunakan untuk menjelaskan hakikat sastera. Aspek-aspek kesusasteraan mesti berpadu dengan makna untuk membina kesatuan, barulah sesebuah karya akan menarik dan memberi kesan kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pengarang Ramlee Awang Murshid berjaya menghasilkan sebuah novel yang penuh kreatif dan puitis dengan melalui penggunaan gaya bahasa pengulangan asonansi yang menarik dan menimbulkan kesan yang mendalam kepada khalayak.

Petikan 21

“Tuan Turak menggangukkan kepala- mengisyaratkan supaya Carlos membunuh Jeneral Karanlik. Walhal jeneral perang Bulsinatur itu banyak menumpahkan bakti kepada Tuan Turak yang diangkatnya sebagai Raja Bulsinatur berserta seluruh jajahan takluknya, di serata bumi ini biarpun belum meluas sepenuhnya”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 196)

Vokal ‘u’ mendominasi keseluruhan baris di atas, pengkaji berpendapat bahawa pembaca bukan tertarik pada bunyi ‘u’ itu, tetapi dapat menarik pembaca untuk menghayati perasaan dan maknanya. Hal ini telah disokong oleh Rahman Shaari (1993), yang menyatakan bahawa unsur asonansi kadang-kadang tidak bererti apa-apa, tetapi kadang-kadang memberi kesan pada pengucapan. Dalam hal ini, aspek makna dan perasaan harus diambil kira. Sebenarnya, kenyataan di atas dapat digunakan untuk menjelaskan hakikat sastera. Aspek-aspek kesusasteraan mesti berpadu dengan makna untuk membina kesatuan, barulah sesebuah karya akan menarik dan memberi kesan kepada pembaca.

4.6.3 Gaya Bahasa Aliterasi

Aliterasi ialah pengulangan bunyi konsonan pada awal baris kata atau perkataan yang sama dan berturutan. Gaya aliterasi atau perulangan sering ditemukan dalam pertuturan dan penulisan. Menurut Fazri Aris et al (2013) menyatakan aliterasi merupakan pengulangan bunyi konsonan yang sama dan dominan dalam baris. Manakala menurut Henry Guntur Tarigan (1985), aliterasi adalah sejenis gaya bahasa yang memanfaatkan pengaplikasian kata yang permulaannya sama bunyi. Penggayaan konsep penulisan sebegini sering mewujudkan pengulangan konsonan yang sama dan sering digunakan dalam penulisan puisi yang bertindak sebagai penegasan dan nilai estetika. Selain itu, Rahman Shaari (1993) menyatakan bahawa unsur aliterasi kadang-kadang tidak bererti apa-apa, tetapi kadang-kadang memberi kesan pada pengucapan.

Gaya ini bukan sahaja menimbulkan keindahan dan daya tarikan, tetapi dapat menegaskan maksud. Daripada sudut penutur yang mahu menghafal puisi, perulangan memudahkannya mengingati puisi itu. Biasanya gaya perulangan ini sering wujud dalam teks-teks Melayu lama seperti berbentuk prosa klasik iaitu mantera, syair dan gurindam.

Petikan 22

“Biar kami bunuh dia. Dubuk-dubuk itu bersahut-sahutan dalam bahasa yang tidak mampu dimengertikan oleh Biyin. Binatang-binatang pemangsa itu menderam-deram menyeringai menunggu masa untuk menerkam setelah mematuhi perintah Mikhail agar menghentikan serangan. Biyin dibiarkan dalam keadaan sakaratulmaut”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 262)

Berdasarkan kepada petikan di atas, gaya bahasa aliterasi dapat dilihat menerusi pengulangan konsonan ‘n’ mendominasi keseluruhan baris di atas, pengkaji berpendapat bahawa pembaca bukan tertarik pada bunyi ‘n’ itu, tetapi dapat menarik pembaca untuk menghayati perasaan dan maknanya. Hal ini telah disokong oleh Rahman Shaari (1993) menyatakan bahawa unsur aliterasi kadang-kadang tidak bererti apa-apa, tetapi kadang-kadang memberi kesan pada pengucapan. Dalam hal ini, aspek makna dan perasaan harus diambil kira. Sebenarnya, kenyataan di atas dapat digunakan untuk menjelaskan hakikat sastera. Aspek-aspek kesusasteraan mesti berpadu dengan makna untuk membina kesatuan, barulah sesebuah karya akan menarik dan memberi kesan kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pengarang Ramlee Awang Murshid berjaya menghasilkan sebuah novel yang penuh kreatif dan puitis dengan melalui penggunaan gaya bahasa pengulangan aliterasi yang menarik dan menimbulkan kesan yang mendalam kepada khalayak.

Petikan 23

“Mikhail memerhatikan Biyin dengan matanya yang merah menyala. Biyin tercunggap-cunggap menghirup nyawa yang sudah berada di rengkungan. Seluruh tubuhnya carik-barik dikerjakan sekumpulan dubuk. Dia terketar-ketar kerana mengalami kesakitan yang teramat dasyat. Darah bersemburan menerusi rongga mulut dan hidung sang penggembala itu. Biyin terlentang tanpa daya dan upaya. Mikhail tidak berasa kasihan.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 262)

Merujuk kepada petikan di atas konsonan ‘m’ mendominasi keseluruhan baris di atas, pengkaji berpendapat bahawa pembaca bukan tertarik pada bunyi ‘m’ itu, tetapi dapat menarik pembaca untuk menghayati perasaan dan maknanya. Mengikut kepada prinsip Teori Stilistik ialah di mana pendekatan stilistik ini membincangkan aspek tema yang mempunyai keindahan yang selalu digunakan dengan menggunakan juga pendekatan stuktual kerana ia merujuk kepada keseluruhan ayat dan menjadikan ayat tersebut lebih mempunyai unsur keindahan yang tersendiri.

4.7 Diksi

Keterbatasan kosa kata yang dimiliki seseorang dalam kehidupan sehari-hari dapat membuat seseorang tersebut mengalami kesulitan mengungkapkan maksudnya kepada orang lain. Sebaliknya, jika seseorang terlalu berlebihan dalam menggunakan kosa kata, dapat mempersulit diterima dan dipahaminya maksud dari isi pesan yang hendak disampaikan. Oleh kerana itu, agar tidak terjadi demikian, seseorang harus mengetahui dan memahami bagaimana pemakaian kata dalam komunikasi. Salah satu harus dikuasai adalah diksi atau pilihan kata. Menurut Enre (1998) diksi atau pilihan kata adalah penggunaan kata-kata secara tepat untuk mewakili pikiran dan perasaan yang ingin dinyatakan dalam pola suatu kalimat.

Pendapat lain yang dikemukakan oleh Widjarmarta (1990) yang menjelaskan bahawa diksi atau pilihan kata adalah kemampuan seseorang membezakan secara tepat nuansa-nuansa makna sesuai dengan gagasan yang ingin disampaikan. Gaya bahasa diksi merupakan pemilihan dan penyusunan bahasa dengan menggunakan dialek, bahasa istana, bahasa klasik seperti menurut Siswono (2014) mengemukakan diksi merupakan pilihan kata terhadap bahasa-bahasa yang dikuasai oleh penutur. Kebiasannya penggunaan gaya bahasa diksi terdapat pada cerpen dan novel. Hal ini kerana, pengkarya bebas untuk menggunakan sesuatu bahasa mengikut kreativiti dan plot penceritaan. Gaya bahasa ini akan memberikan sebuah cabaran untuk pengkarya kerana, pengkarya perlu mengetahui dan mempelajari penggunaan bahasa tersebut supaya tidak berlaku memandai-mandai. Disebabkan oleh itu, penggunaan gaya bahasa diksi jarang terdapat pada sajak dan meluas di dalam novel.

4.7.1 Penggunaan Bahasa Dalam

Bahasa istana atau bahasa dalam ialah bahasa perhubungan dalam kalangan kerabat diraja dan rakyat jelata. Menurut Asmah Haji Omar (2004), menggunakan istilah bahasa diraja dan mengatakan bahawa bahasa diraja ialah bahasa yang digunakan dalam perhubungan kebahasaan di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak terdiri daripada keluarga diraja. Oleh itu, bahasa perhubungan antara kalangan keluarga diraja dengan rakyat jelata mempunyai ciri-ciri khusus yang menandakan perbezaan dengan bahasa orang kebanyakan. Di samping itu, penggunaan bahasa istana mengikut konteks rasmi ialah penggunaan bahasa istana dalam urusan rasmi. Manakala konteks tidak rasmi merujuk kepada kegiatan kebahasaan antara keluarga diraja dengan rakyat jelata ketika kegiatan sosial. Oleh itu, penggunaan bahasa mengikut konteks akan menghasilkan variasi bahasa. Kelainan bahasa ini menandakan perbezaan bahasa istana dengan bahasa bukan istana. Perbezaan ini boleh dilihat

menerusi faktor sistem dan makna bahasa dalam komuniti bahasa iaitu dari segi sebutan, kata ganti nama diri, ungkapan, kosa kata dan tatabahasa.

Menurut Amat Juhari Moian (1989) menyatakan bahasa istana atau bahasa dalam bermaksud kelainan bahasa sekiranya berlaku percakapan antara raja yang memerintah dengan rakyat jelata. Begitu juga, apabila memperkatakan sesuatu tentang raja perlu digunakan bahasa dalam atau bahasa istana. Bahasa istana hanya digunakan semasa berhubung dengan keluarga istana. Ungkapan kalimat yang perlu diucapkan ialah menggunakan sejumlah perkataan yang tersusun dan tertib dan baik iaitu dari segi panggilan, sistem sapaan dan variasi kebahasaan mahupun kategori penggunaan kebahasaan mengikut konteks. Selain itu, menurut Asmah Haji Omar (2016) bahasa diraja adalah bahasa halus, tetapi tidak semua bahasa halus itu bahasa diraja. Yang dimaksudkan dengan bahasa halus ialah bahasa yang digunakan dengan penuh sopan santun dan adab tertib walau dalam keadaan apa sekalipun. Ini bermakna bahawa bahasa halus adalah bahasa yang teliti memilih kata-kata halus dalam menyampaikan mesej dan juga perasaan.

Di bawah ini adalah kesimpulan mengenai ganti nama diri bahasa diraja berdasarkan pameran dalam peristiwa diraja

Diri	Kata	Pemeran pengguna	Pemeran lawan cakap	Pemeran yang diperkatakan
Diri Pertama	Beta	Raja	Rakyat	–
	Patik	Rakyat dan keluarga diraja	Raja	–
Diri Kedua	Tuaku	Rakyat dan keluarga diraja	Raja	–
Diri Ketiga	Patik	Rakyat dan keluarga diraja	Raja	Rakyat dan keluarga diraja
	Tuanku	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja
	Baginda	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja
	Duli Tuanku,	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja
	Duli Yang Maha Mulia	Rakyat dan keluarga diraja		

4.7.1 Senarai Ganti Nama Diri Bahasa Diraja Berdasarkan Pameran Dalam Peristiwa

Diraja

Petikan 24

“**Ayahanda**.... Seorang pendekar Siam mendatangi negeri kita dengan hanya menunggangi seekor gajah berwarna putih”. Andika memberitahu. “Di mana orang itu kini?” Soal Saifudin seraya menoleh. “Di Anjung Kehormatan di luar istana, **ayahanda**”. Andika mengkhabarkan. “Utusan raja Siam...” bisik Saifudin. “Pendekar itu hendak menemui **ayahanda** selaku pemerintah negeri ini. Pendekar itu enggan bertemu dengan sebarang wali”, adu Andika. “Apakah kamu dilayani dengan baik”? Saifudin bertanya. “Sungguh baik sekali, **Tuanku**. Terima kasih”, jawab lelaki yang tampak perkasa itu

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 04)

Berdasarkan kepada petikan di atas, terdapat penggunaan bahasa dalam pada ayat ‘*Ayahanda*’ dan ‘*Tuanku*’. Pada perbualan petikan tersebut, Andika selaku anak kepada Laksamana Sunan yang merupakan raja dalam Negeri Kayangan Bumi menggunakan bahasa istana dalam konteks rasmi apabila bercakap dengan ayahanda. Jelas bahawa bahasa dalam perlu diletakkan ke dalam karya sastera, hal ini kerana mengikut kepada prinsip teori Stilistik ada menyatakan bahawa pendekatan stilistik amat menekankan penelitian terhadap penghasilan sesebuah karya dengan bahasa yang digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi membantu pembaca memahami makna perkataan yang sukar serta ayat yang kompleks untuk digunakan oleh pengarang. Misalnya penggunaan kata dan diksi dari bahasa daerah, bahasa dalam, dan bahasa tempatan dapat memperkaya perbendaharaan kata di samping merupakan satu gaya dan stail pengarang.

4.7.2 Penggunaan Bahasa Halus

Komunikasi amat penting dalam kehidupan dalam tujuan berinteraksi dan menyalurkan maklumat antara satu sama lain. Manusia perlu berkomunikasi tidak kira di mana-mana sahaja sama ada dengan menggunakan suara atau isyarat kerana manusia tidak boleh bersendirian. Bahasa merupakan medium yang digunakan untuk berkomunikasi. Oleh itu, aspek kesantunan bahasa harus dititiberatkan semasa proses komunikasi. Kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang lembut,

sopan, halus dan tidak menggoreskan perasaan lawan tutur ataupun pendengar. Penerapan nilai budaya kesantunan dalam komunikasi amat penting bagi mewujudkan suasana yang harmoni dalam kehidupan seharian manusia. Menurut Marlyna Maros (2011), menyatakan bahawa amalan kesantunan ketika berkomunikasi adalah salah satu sifat kemanusiaan yang mungkin membezakan antara manusia dengan makhluk lain. Selain itu, Asmah (2006) mentakrifkan kesantunan berbahasa sebagai penggunaan bahasa yang tidak menyebabkan kemarahan dan kekusaran pendengar apabila berkomunikasi.

Mohammad Idris (2000) telah menjelaskan ciri-ciri individu yang mengamalkan kesantunan ialah berbudi pekerti mulia, bertutur dengan cara yang sopan, tidak meninggi diri, berbudi bahasa dan ramah, sentiasa membantu, serta menjaga nama baik tidak kira sama ada diri, agama, bangsa dan negara. Berdasarkan kepada pandangan ini, jelaslah bahawa kesantunan berbahasa bermakna penggunaan bahasa yang baik, beradab, sopan dan tidak menyakiti hati orang lain ketika berkomunikasi sekali gus dapat menggambarkan perilaku seseorang. Oleh itu, kesantunan bahasa merupakan etika sosial yang penting dan perlu diamalkan bagi mewujudkan hubungan mesra ketika berkomunikasi. Tingkah laku bahasa adalah ketika bahasa yang digunakan secara lisan atau bertulis manakala tingkah laku bukan bahasa pula berkaitan dengan perilaku tubuh badan manusia. Menurut Asmah (2000), kesopanan bukanlah strategi semata-mata sebaliknya kesopanan itu adalah ciri budaya yang menghendaki ahli masyarakatnya untuk bersopan santun dengan menghormati orang lain. Justeru itu, kesopanan adalah asas dalam masyarakat yang bertamadun biasanya bermula pada didikan awal, manakala kesopanan sebagai strategi adalah tambahan kepada kesopanan asas.

Petikan 25

“Sejurus Andika pun duduk bersila di sebelah ayahandanya tanpa bersuara walau sepatah ayat pun. Kepalanya tertunduk kerana menghormati keberadaan ayahanda kala ini yang sedang memusatkan seluruh nurani ke hadrat ILAHI. Anak muda ini bersabar seraya turut memuji ALLAH-tidak mensia-siakan helaan nafas yang merangkulnya kini. Biarlah nafas itu kelak menjadi saksi di hadapan allah pada ketika akhirat menggantikan dunia.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 04)

Merujuk kepada petikan di atas, penggunaan bahasa halus dapat dilihat menerusi perwatakan Andika. Andika merupakan anak kepada Saifudin dan Ratna yang memiliki perwatakan yang menghormati bapanya. Menerusi petikn di ats, pengarang menjelaskan bahawa Andika duduk bersila di sebelah Saifudin tanpa mengeluarkan suaranya dan menunduk kepalanya kerana menghormati Saifudin sedang berzikir. Malah pengarang turut menjelaskan bahawa Andika seorang yang taat beragama kerana, Andika turut berzikir juga bersama dengan Saifudin. Selain itu, penggunaan bahasa ini juga bagi membezakan kedudukan atau status sultan ataupun raja yang tidak sama tarafnya dengan rakyat biasa.

4.7.3 Penggunaan Bahasa Arab

Menurut Abdullah Hassan (1994), menyatakan bahawa kemasukan agama Islam ke dunia Melayu membawa bersama pengaruh Arab. Pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dianggarkan mula bertapak di tanah Melayu sejak abad ke-13. Hadirnya pengaruh bahasa Arab bersama-sama dengan kehadiran agama Islam ke tanah Melayu. Perkataan-perkataan Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu, agama, ilmu pengetahuan, adat budaya dan pergaulan serta kejadian. Selain itu, menurut Weinreich (1974) peminjam bahasa asing adalah untuk mengungkapkan sesuatu perkara yang baru dan tidak ada bahasa padanan dalam bahasa sasarannya.

Bahasa Arab digunakan untuk mengungkapkan beberapa perkara baharu terutamanya berkenaan dengan agama Islam. Kebanyakan bahasa Arab yang masuk dan diserap ke dalam bahasa Melayu merupakan istilah-istilah agama Islam. Oleh itu, kerana perkara ini baru sahaja diterima dalam kalangan masyarakat Melayu maka istilah ini diterima secara bulat-bulat di samping dapat memperkayakan lagi kosa kata bahasa Melayu ketika itu. Orang-orang Melayu bukan hanya meminjam bahasa Arab secara lisan, malah bahasa Arab juga dipinjam ke dalam tulisan Melayu yang dikenali dengan tulisan Jawi. Menurut Abdullah (1974), menjelaskan bahawa jumlah perkataan bahasa Arab kira-kira 1115 perkataan. Bagi masyarakat yang beragama Islam, Bahasa Arab merupakan bahasa yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia merupakan bahasa yang digunakan dalam konteks hubungan ibadat pengaru agama Islam dengan Tuhan-Nya (Allah) iaitu dalam menunaikan ibadat khusus seperti solat, zikir dan membaca al-Quran. Di dalam Al-Quran telah berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkannya sebagai Quran berbahasa Arab, agar kamu mengerti

(Surah Yusuf: 2)

Selain itu, menurut Hasyim Asy'ari (2016) menyatakan keunggulan bahasa Arab tidak hanya terletak sebagai bahasa agama, akan tetapi bahasa arab mempunyai keistimewaan dalam segi ilmu kebahasaannya. Dengan mengkaji ilmu kebahasaannya akan menikmati keindahan tatabahasa Al-Quran yang merupakan unsur kemukjizatan Al-Quran. Oleh itu, penggunaan bahasa Arab amat penting kerana rujukan-rujukan asal yang melibatkan ilmu-ilmu keagamaan khususnya Hadith Rasulullah (SAW), Tafsir, Tauhid, Feqah serta termasuk juga ilmu-ilmu perubatan dan falsafah merupakan karya-

karya yang ditulis oleh ulama-ulama terdahulu dengan menggunakan bahasa Arab. Dan dalam hadis juga ada menyebut tentang kepentingan bahasa Arab.

“Sayangilah bangsa Arab kerana tiga sebab: kerana aku (Rasulullah SAW) orang Arab al-Quran bahasa Arab dan percakapan ahli syurga adalah dalam bahasa Arab”

(Diriwayatkan oleh Tabrani dan al-Hakim dan al-Baihaqi)

Petikan 26

“Mu ada melakukan **syirik**, Piut?” Pertanyaan kali ini amat tegas. Bilal Piut mengangkat pandangan selajur bertutur- apa maksud abang Haji?” “Abang tak percaya semua cerita itu. Semua itu **fitnah**. Abang kenal benar siapamu, Piut.” Kali ini agak keberatan untuk Imam Haji Mahat berterus terang. “Pasti si Jamil tu yang menyebarkan **fitnah**, kan?” Bilal Piu kelihatan muram. “Mungkin, tapi orang kampung bercerita.... Mu bela hantu laut. **Syaitan** itulah yang memberikanmu kekuatan seperti seorang pendekar”, ujar Imam Haji Mahat akhirnya. “**Astaghfirullah....**” Bilal Piut menghela nafas panjang.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 82)

Berdasarkan kepada petikan di atas, penggunaan bahasa arab turut digunakan dalam novel Magis. Merujuk kepada perkataan ‘*syirik, fitnah, syaitan dan astaghfirullah*’ merupakan kata pinjaman bahasa arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu. Karya sastera adalah huraian tentang kebolehan mengarang bagi seorang penulis. Pendekatan stilistik bukan sahaja menitikberatkan perihal bahasa dalam yang digunakan untuk kefahaman khlayak akan tetapi turut memberi penekakan yang lebih supaya penghasilan karya akan lebih bermutu dengan adanya unsur bahasa yang menggambarkan bahasa dalam sememangnya ada pada kesusasteraan

4.7.4 Penggunaan Bahasa Inggeris

Menurut Ahmad Zahri (2002), penggunaan bahasa Inggeris sangat penting kerana globalisasi dan pengantarabangsa telah mengubah struktur kerjaya, mempengaruhi pendidikan, latihan kemahiran, dan mencabar reka bentuk kokurikulum dalam budaya majmuk serta pendidikan kosmopolitan. Pengaruh bahasa Inggeris mula bertapak ke dalam bahasa Melayu bermula pada abad ke-18 iaitu bermulanya penjajahan Inggeris. Pengaruh bahasa Inggeris begitu berkuasa dan menguasai bahasa Melayu terutama dalam bidang ekonomi, pentadbiran dan masyarakat disebabkan oleh beberapa faktor. Menurut Ahmad Zahri (2002) bahasa Inggeris adalah bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan di era perkembangan pesat dan teknologi moden seperti pengenalan televisyen satelit, telefon selular dan rangkaian computer malahan hampir 99 peratus maklumat dalam internet adalah dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, bahasa Melayu banyak meminjam kosa kata Bahasa Inggeris bagi meningkatkan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Selain itu, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling utama atau bahasa nombor satu dunia. ia dilihat sebagai bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan di era perkembangan pesat dan teknologi moden seperti media massa dan media elektronik. Di Malaysia, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang dituturkan oleh kebanyakan masyarakat. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009) bahasa kedua ialah sebarang bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama atau bahasa ibunda dan pemerolehan bahasa kedua merujuk kepada proses seseorang mempelajari bahasa yang lain selain daripada bahasa ibunda. Pengetahuan bahasa kedua amat dititikberatkan dalam usaha untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa atau dikenali sebagai dwibahasa. Perbezaan budaya dan pemahaman masyarakat yang berbeza dalam masyarakat multi-bahasa telah

membawa kepada usaha menghasilkan terjemahan bahasa agar proses komunikasi dapat berlangsung tanpa sebarang gangguan.

Petikan 27

“Seruan suci itu pun kedengaran sayup-sayup sahaja. Selang setengan jam, empat orang lelaki muncul. Suis lampu dipetik. Kegelapan bertukar menjadi suram cahaya. Tiga orang menghalakan rifa! ke arahnya. Manakala seorang lagi meletakkan sepingan makanan dan segelas air. Lelaki itu juga yang membuka ikatan pergelangan tangannya. Sejurus menyuruh Mikhail menikmati makan minumannya.

“**Thank you**”. Ucap Mikhail

Dia menyuap makanan sesudu dua. Air putih diteguk.

“**Last supper?**” Mikhail cuba bergurau, tapi selorohnya tidak bersambut.

“I’m so sorry. Uncle Dick

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 64)

Merujuk kepada petikan di atas jelas menunjukkan penggunaan bahasa Inggeris pada novel Magis. Hal ini boleh dilihat menerusi petikan ayat *thank you* dan *last supper*. Tujuan pengarang menggunakan penggunaan bahasa Inggeris ini menunjukkan watak tersebut seorang yang berpendidikan barat dan pernah menuntut di luar negara. Penggunaan bahasa Inggeris dalam novel ini tidak terlalu banyak hanya sedikit sahaja malah pembaca boleh memahami penggunaan bahasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengarang menggunakan perkataan yang sering diucapkan oleh masyarakat Melayu. Oleh itu merujuk kepada teori Stilistik telah digunakan untuk menghuraikan penerimaan dan penghargaan pembaca atau khalayak ramai terhadap karya Ramlee Awang Murshid. Malah dapat menjelaskan kesan penggunaan bahasa dama ada dapat difahami, menimbulkan keseronokan, kesedihan, kemarahan, semangat terhadap penggunaan penanda dan petanda bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan pemikiran, mesej atau idealisme pengarang.

4.7.5 Penggunaan Bahasa Jepun

Menurut Kamarudi Hj. Hussin (1993), menyatakan bahasa ialah sebagai alat yang digunakan oleh masyarakat untuk berhubung. Oleh itu, bahasa adalah medium perhubungan antara individu dengan individu yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat berhubung dan berinteraksi sesama mereka. Menurut Kellerman (1978) mudah atau sukar pembelajaran bahasa asing turut bergantung kepada persamaan atau perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Selain itu, menurut Fries (1945), mendapati bahawa perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran akan menimbulkan masalah kepada pelajar khususnya dalam konteks untuk menguasai bahasa sasaran. Hal ini telah disokong dengan kenyataan Tarigan (1992) yang menegaskan bahwa pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa sasaran adalah sangat ketara. Hal ini bermaksud, pengaruh bahasa ibunda yang tidak selaras dengan sistem linguistik bahasa sasaran lazimnya akan menyebabkan gangguan. Gangguan yang dimaksudkan ini berpotensi mencetuskan kekeliruan dan kesalahan penggunaan bahasa sasaran. Dalam masa yang sama, gangguan itu sendiri adalah kesan perbezaan sistem linguistic antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran.

Menurut Dulay & Burt (1972), perbezaan sistem linguistik antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran akan mewujudkan permasalahan dan kesalahan dalam pembelajaran bahasa sasaran. Bahasa Jepun ialah bahasa rasmi negara Jepun dan dituturi 125 juta orang. Bahasa Jepun juga digunakan oleh sebilangan rakyat dari negara yang pernah ditaklukinya seperti Korea dan Taiwan. Pembelajaran bahasa asing bukan lagi satu fenomena yang baru di Malaysia. Perkara ini telah diberi perhatian yang serius oleh kerajaan Malaysia semenjak tahun 1960-an, di mana kursus-kursus bahasa asing telah ditawarkan di peringkat Institusi pengajian tinggi dan di peringkat sekolah. Melalui pembelajaran bahasa asing, kerajaan Malaysia telah meletakkan misi dan visi

yang tersendiri bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang boleh menghadapi globalisasi.

Petikan 28

“Sayang.... Dia lawan abang,” rungut Risham.

Marhain pula menggerakkan bahu.

“**Hontun ni yu-kan**” puji Risham kemudian

“**Arigatogozaimashita...**” ucap Marhain tersenyum kela

“**Aii shite ru**, sayang,” Risham membisikkan cinta.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 483)

Perkataan *Hontun ni yu-kan* adalah bermaksud awak sungguh berani dan *aai shiteru* adalah bermaksud *saya sayang awak*. Manakala *arigatogozaimashita* adalah merujuk kepada ucapan terima kasih. Hal ini jelas memaparkan bahawa pengarang menjadikan hasil nukilannya yang kaya dengan pelbagai bahasa. Perkara ini sama yang dinyatakan dalam prinsip teori Stilistik iaitu mengiktiraf bahasa sebagai punca kegiatan berkreatif dengan merujuk kemampuan berbahasa sebagai satu anugerah dan bakat seseorang penulis. Karya sastera adalah huraian tentang kebolehan mengarang bagi seorang penulis. Menurut Mohammad Mokhtar Hassan (1995), seorang pengarang berkemampuan untuk memperoleh idea yang luar biasa atau genius.

4.7.6 Penggunaan kata Ganda

Kata ganda ialah kata dasar yang berlaku proses pengulangan sama ada secara keseluruhan atau secara sebahagian perkataan. Kata ganda ialah satu proses pengulangan perkataan. Namun begitu, kata ganda ialah kata yang terbentuk daripada kata yang digandakan sama ada sebahagian atau keseluruhannya. Menurut Asmah Haji Omar (1993), pengandaan ialah proses mengulangi sesuatu perkataan seluruhnya atau pada bahagian-bahagian tertentu. Manakala Abdullah Hassan (1997), menjelaskan

penggandaan ialah pengulangan seluruh atau sebahagian daripada kata dasar. Menurut Nor Hashimah (2006), penggunaan kata ganda bukan sekadar membawa maksud jamak, tetapi juga membawa maksud khusus atau tidak khusus. Penggandaan boleh digunakan dalam beberapa bahasa dengan pelbagai tujuan dan boleh diubahsuai dalam dua cara iaitu sebagai satu proses atau sebagai satu tambahan. Selain itu, ia dianggap sebagai cara biasa untuk menjamakkan kata nama. Dalam beberapa bahasa, penggandaan digambarkan sebagai proses pembentukan kata yang mana awalnya diwujudkan dengan mengulangi konsonan pertama dan vokal asas.

Selain itu, penggandaan juga boleh digunakan untuk merujuk kepada pengulangan, aktiviti adat dan kekerapan tindakan atau peristiwa yang terdapat dalam kata kerja. Penggandaan ialah satu proses menggandakan perkataan di mana banyak kata-kata baru mampu dihasilkan melalui proses penggandaan. Proses ini mempunyai fungsi leksikalnya iaitu boleh mengekalkan kelas kata atau menukarkan kelas kata sesuatu perkataan. Terdapat empat jenis kata gandaan iaitu, gandaan seluruh, gandaan separa@ separuh, gandaan berirama dan gandaan menyaling. Kata ganda seluruh ialah kata dasarnya diulang dan digandakan sepenuhnya dan penggunaannya mestilah diberi tanda sempang (-). Manakala kata ganda separa ialah kata ganda yang mengalami pengulangan suku kata pertama pada kata asalnya. Menurut Nik Safiah (1996), penggandaan pada kata dasar lazimnya melibatkan suku kata pertama, dan letaknya pada bahagian hadapan kata dasar. Kata ganda bersajak atau berirama ialah kata ganda yang mengalami persamaan atau penyesuaian bunyi (rima) di pangkal, hujung atau seluruhnya apabila digandakan. Manakala, kata ganda menyaling merupakan kata ganda yang mempunyai imbuhan pada perkataan yang keduanya.

Contoh-contoh kata ganda

Kata Ganda Seluruh	Kata Ganda Separa
Daun-daun	pepohon
Budak-budak	Dedauan
Kadang-kadang	jejari
Pagi-pagi	kekuda

Kata Ganda Berirama	Kata Ganda Menyaling
Saudara-mara	Tawar-menawar
Bukit-bukau	Kejar-mengejar
Kaya-roya	Tari-menari
Pindah-randah	Tumbuk-menumbuk

Petikan 29

“Err... macam mana kau mengetahuinya, wahai rajaku yang mulia? Sedangkan kau tidak pernah keluar dari menara ini.” **Teragak-agak** Tuan turak menyatakan tuturannya.

“Aku tuhan di hujung waktu ini, Turak!” itu pengakuan yang sungguh angkuh. Tuan Turak **tercengang-cegang**. Satu kuasa telah menekan **kedua-dua** lipatan kakinya sehingga dia melutut terpaksa. Pengakuan rajanya itu sungguh menggerunkannya. Selama **bertahun-tahun**, dia tidak pernah menyaksikan kelibat sebenar di sebalik suara itu. Bahkan ayahnya dahulu pun gagal berbuat demikian. Malah nenek moyangnya dahulu pun secara **turun temurun** hanya menerima perintah seperti mana yang dilakukannya sekarang. Menerima arahan serta suruhan tanpa berpeluang bersua muka. Bagaimanapun tidak dinafikan ‘kuasa’ pemilik suara itu sungguh besar. Dunia ini mampu ditundukkan biarpun membilang tahun selama berabad-abad menggulir ruang dan waktu.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 390)

Berdasarkan petikan di atas, penggunaan kata ganda ini merujuk kepada perkataan ‘*tercengang-cegang, kedua-dua, bertahun-tahun, teragak-agak dan turun temurun*’. Penggadaan ini digambarkan sebagai proses pembentukan kata yang mana awalnya diwujudkan dengan mengulangi konsonan pertama dan vokal asas. Menurut Nik Safiah Karim (1993) menyatakan perkataan ialah satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna yang terdiri satu atau gabungan bentuk bunyi bahasa. Oleh itu,

bentuk kata ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

4.8 Ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap bahasa. Selain itu, ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan serta mengandungi intonasi yang sempurna. Ayat juga merupakan perkataan-perkataan yang mempunyai susunan tertentu dan makna yang. Menurut Abdullah Hassan (2006), ayat terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun dalam susunan kelompok-kelompok tertentu. Di samping itu, ayat yang lengkap mempunyai subjek dan predikat. Dalam bahasa Melayi terdapat beberapa jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seru.

Ayat merupakan unsur yang penting dalam kajian bahasa dan menurut Kamarudin Jeon (2017), ayat merujuk kepada cara pengarang membina dan menyusun ayat dalam karyanya misalnya ayat pendek dan ayat panjang. Setiap kelompok perkataan disusun dengan lengkap. Setiap satu kelompok tersebut mengandungi sekurang-kurangnya dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Subjek menyebut sesuatu perkara iaitu orang, benda, tempat, atau perkara yang hendak diceritakan. Manakal menurut Nik Safiah Karim (2009), menyatakan ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna. Di samping itu, menurut Hasan Alwi (2013), menyatakan bahawa ayat terdiri daripada unsur klausa, manakala klausa terdiri daripada unsur frasa dan frasa terdiri daripada unsur perkataan.

4.8.1 Ayat Tanya

Dalam bahasa Melayu, ayat tanya mempunyai nada yang meninggi sedikit sebelum kesenyapan terakhir dari sudut fonetik. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayat tanya dari sudut nahu bermaksud ayat-ayat tanya diberikan penjelasan berdasarkan kriteria nahu semata-mata. Ayat tanya diberi maksud dan perician menurut golongan dan subgolongannya berdasarkan ciri-ciri struktur, sistem dan maknanya dan segi nahu. Menurut Suraiya Chapakiya (2022) dalam bukunya yang berjudul *Konsep Asas Linguistik* mengatakan ayat tanya ialah ayat yang digunakan antara manusia untuk menyoal sesuatu perkara berdasarkan intonasi. Ayat tanya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ayat tanya menggunakan kata tanya dan ayat tanya tanpa menggunakan kata tanya. Dalam tulisan, ayat tanya akan ditndai dengan tanda tanya atau tanda soal [?]. Contohnya, apakah hukum orang mengumpat? atau bilakah awak hendak ke Kedah? Manakala ayat tanya tidak langsung pula merupakan ayat tanya dalam bentuk cakap pindah. Contohnya, Dia bertanya mengapa saya tidak datang ke sekolah.

Selain itu, menurut Nik Safiah (1996), ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal. Selain itu, pada setiap akhir ayat tanya akan duberukan satu tanda iaitu tanda soal [?]. Tanda soal yang digunakan dalam bahasa tulisan ini sebenarnya merupakan nada penutup yang meninggi sebelum disambut kesenyapan. Selain itu, ayat tanya Asmah Haji Omar yang terkandung dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (2009) menyatakan ayat tanya terbahagi kepada dua jenis, iaitu ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka.

Petikan 30

“Kau Penjuang hebat yang pernah aku lihat. **Apa pendapatmu?**” Tutar kata berbentuk soalan kepada Saifundi tidak jelas maksud tersirat. Sama ada ia satu pertanyaan ataupun sindiran berkias sinis semata-mata. Namun Saifudin tetap menerimanya dengan bersangka baik.

“**Apa yang tuan fikirkan?** Andai tidak keberatan untuk berkongsi”, pancing Saifudin.

“**Di mana kau berada sekarang anakku?**” Pondolou bertanya

“**Apakah kamu dilayani dengan baik?**” Saifudin bertanya.

“**Apakah kamu menyukai hidangan ini?**” tanya Saifudin.

(Ramlee Awang Murshid, 2013:286)

Berdasarkan kepada petikan di atas, penggunaan ayat tanya menggunakan kata tanya pada perkataan ‘*apakah kamu dilayani dengan baik*’ dan ‘*apakah kamu menyukai hidangan ini*’ Manakala ayat tanya menggunakan tanpa tanya merujuk kepada perkataan ‘*di mana kau berada sekarang anakku*’ dan ‘*apa yang tuan fikirkan*’. Dengan merujuk kepada teori Stilistik jelas menunjukkan pengarang telah menghurai terhadap pemilihan diksi, pembentukan perkataan dan ayat dengan memperbanyakkan penggunaan ayat tanya dalam karyanya. Pendekatan kajian ini dikenali sebagai morfologi dan sintaksis yang mampu menghuraikan pelbagai genre dan jenis perkataan dan ayat yang digunakan. Oleh kerana itu, seseorang pengarang perlu menguasai aspek sosiologi dan dialektologi.

4.8.2 Ayat perintah

Bahasa Melayu mengandungi berbagai-bagai jenis ayat. Antara ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah Ayat Perintah. Berdasarkan Kamus Dewan (2007) ayat perintah adalah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu keadaan. Ayat ini bukan sahaja boleh digunakan oleh orang yang mempunyai kuasa seperti seorang ketua malah turut diguna dalam kehidupan seharian masyarakat seperti perbualan atau pertuturan di rumah. Selain itu, ayat perintah ialah ayat yang digunakan

untuk memberi arahan atau perintah kepada pendengar. Nik Safiah Karim (2008) mentakrifkan ayat perintah sebagai ayat yang digunakan dengan tujuan menimbulkan sesuatu tindakan. Seterusnya, ayat perintah menggunakan sesuatu yang diucapkan dengan intonasi perintah suruhan. Menurut Suraiya Chapakiya (2022) dalam bukunya yang berjudul *Konsep Asas Linguistik* ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk mengarah atau mengguna unsur arahan kepada pendengar seperti menyuruh, melarang, meminta, memperlawa dan lain lain.

Di samping itu, menurut Raminah Hj. Sabran (1984), ayat perintah boleh terdiri daripada satu perkataan tetapi dengan syarat pendengar dapat memahami walaupun subjek atau predikatnya tidak disebut dengan jelas. Ayat perintah memerlukan gerak balas yang berupa tindakan. Ayat perintah juga ditujukan kepada orang kedua. Walau bagaimanapun ada juga yang melibatkan orang pertama dan ketiga. Selain itu, ayat perintah dibahagikan kepada subsistem iaitu perintah eksklusif dan perintah inklusif. Perintah eksklusif hanya ditujukan kepada orang kedua. Perintah eksklusif diperincikan kepada eksklusif positif dan negatif. Ayat perintah juga dapat dibahagikan kepada beberapa jenis dan kebanyakan pengkaji bahasa mengkategorikan ayat perintah kepada empat jenis. Menurut Asmah Haji Omar (1986), ayat perintah terdiri daripada ayat suruhan, ayat permintaan atau permohonan, ayat silaan, ayat harapan dan ajakan. Ayat Perintah terdiri daripada ayat suruhan, ayat salaam, ayat permintaan dan ayat larangan.

4.8.3 Ayat suruhan

Ayat suruhan juga dikenali dengan nama ayat perintah betul. Ayat ini biasanya dibuat dengan tujuan untuk melafazkan suruhan atau paksaan yang bertentangan dengan tegahan. Dalam situasi yang formal, ayat jenis ini boleh digunakan untuk subjek dikekalkan manakala dalam situasi bersahaja subjek boleh digugurkan. Menurut Hj. Omar (1986) melihat ayat suruhan terdiri daripada struktur (subjek- objek). Ayat suruhan merupakan ayat perintah yang sebenarnya iaitu ayat yang di dalamnya terkandung suruhan atau perintah yang harus dilaksanakan oleh orang yang menerima pertuturan. Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1984), menyatakan biasanya ayat suruhan tidak dimukakan dengan subjek sebaliknya dengan kata kata kerja diletakkan di awal ayat. Menurut Arbak Othman (1985), ayat suruhan lazimnya menggunakan perkataan '*jangan*' untuk tegahan dan kata partikel '*lah*' pada predikatnya untuk maksud suruhan.

Petikan 31

“Kita mesti tinggalkan tempat ini. Luka kau ni mesti diubati”, Cadang Ryu-Watanabe

“Kita mesti teruskan perjalanan,” Kata Mikhail lemah

“Lepaskan dia. Panggil Cinnie. Biar Cinnie uruskan Carlos”, perintah Tuan Turak
(Ramlee Awang Murshid, 2013:138)

Dalam petikan di atas merupakan ayat perintah tetapi jenis ayat suruhan yang digunakan. Selain itu, petikan ini menunjukkan ayat suruhan subjek ialah kata ganti nama orang kedua biasanya digugurkan. Perkataan yang menunjukkan ayat suruhan ialah '*lepaskan dia, kita mesti teruskan perjalanan, dan lepaskan dia* merupakan ayat suruhan yang terdapat dalam novel Magis. Ayat suruhan ini menjelaskan perihal sitausi dan keadaan yang sedang berlaku dalam novel tersebut bagi memudahkan pembaca untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Merujuk kepada teori Stilistik dalam kajian ini adalah dengan menghuraikan tingkah laku bentuk-bentuk

bahasa tulisan yang digunakan atau dicipta oleh pengarang di dalam karya ini. Oleh itu, di dalam karya kesusasteraan, bentuk bahasa tulisan atau gaya bahasa dipakai perlu deskriptif.

4.8.4 Ayat larangan

Ayat larangan ialah ayat yang digunakan untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu. Menurut Nik Safiah Karim (1995), ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan seperti '*jangan, usah, tak usah*' pada sebelum kata kerja dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu. Manakala menurut Arbak Othman dan Raminah Hj. Sabran (1986), menamakan ayat larangan ini sebagai ayat tegahan. Selain itu, menurut kamus dewan (2009) ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu.

Petikan 32

“Kalau kau bersuara lagi.... Aku akan bunuh Ryu-Watanabe!” ancam Kobun (98) **“Jangan tembak dia,** Mikhail! Tegah Ryu-Watanabe (159)

“Jangan sampai berlaku pergaduhan!” Biyin berteriak keras (189)

“Jangan buat kecoh faham!” Profesor Zeedus membulatkan matanya. (323)

(Ramlee Awang Murshid, 2013:98, 159, 189, 323)

Penegasan ini digunakan bertujuan untuk memberi penekanan kepada perintah larangan yang diucapkan oleh penutur kepada pendengar. Ayat tersebut boleh dilihat melalui contoh petikan di atas. Ayat yang menggunakan penanda *jangan* merupakan ayat larangan peribadian yang dikategorikan sebagai kasar seperti merujuk kepada petikan di atas pada perkataan '*jangan tembak, jangan sampai berlaku pergaduhan, jangan buat kecoh*', merupakan ayat larangan yang sering digunakan dalam bahasa Melayu dan kesusasteraan. Perkataan '*jangan*' merujuk kepada penegasan bagi ayat tersebut. Penegasan ini membawa maksud kepada larangan. Manakala, ayat larangan

peribadian yang menggunakan penanda tak usah dikategorikan sebagai ayat halus. Namun begitu, terdapat juga ayat yang dikenal pasti dalam novel Magis yang juga boleh dikategorikan sebagai ayat larangan. Walaupun ayat tersebut tidak menggunakan penanda larangan yang terdapat dalam bahasa Melayu tetapi jika dilihat daripada konteks penggunaannya, ayat ini boleh diletak di bawah golongan ayat larangan seperti contoh petikan '*kalau kau bersuara lagi*'.

4.8.5 Ayat Silaan

Ayat silaan bertujuan mempersilakan atau menjemput seseorang. Menurut Arbak Othman (1985) ayat ajakan iaitu ayat yang membawa maksud mempelawa atau mengajak seseorang supaya membuat sesuatu. Selain itu, menurut Nik safiah Karim (2011) ayat silaan ialah ayat yang menggunakan kata silaan seperti *sila* atau *jemput* sebelum kata kerja dengan tujuan menjemput atau mempersilakan seseorang. Disebabkan oleh itu, ayat silaan seakan-akan memberikan makna ayat suruhan. Manakala menurut Asmah Haji Omar (1986) menyatakan untuk mengenalpasti penggunaan kata silaan ia menerima partikel-**lah**. Namun begitu, ayat silaan sebagai ayat perintah inklusif yang dibahagikan kepada dua iaitu ayat harapan dan ayat ajakan. Harapan seperti yang dinyatakan dalam ayat yang mengandungi kata harapan seperti moga-moga, semoga, mudah-mudahan. Ayat silaan memakai perkataan-perkataan seperti '*sila, jemput, baik, mari*' dan sebagainya.

Petikan 33

“**Kau berehatlah** dulu, Enjim. Kita hendak solat. Solat itu menyembah ALLAH”, kata Saifudin sejeurus penjelasannya diakhiri penerangan ringkas mengenai solat. (163)

“**Ayuh**, kita berangkat”. Saifudin mula mengatur langkah. (166)

“**Selamat datang** ke magis. Yang tak masuk akal.... Boleh berlaku di sini”, ujar Biyin yang menapak menghampiri Mikhail. (174)

(Ramlee Awang Murshid, 2013:163, 166, 174)

Merujuk kepada petikan dia atas pada perkataan *selamat datang, ayuh berangkat* dan *au berehatlah* merupakan ayat silaan. Penggunaan ayat silaan sering digunakan dalam karya-karya sastera seperti cerpen, novel dan skrip drama. Hal ini bagi menjelaskan kepada pembaca watak yang menggunakan ayat silaan merupakan watak yang baik kerana menggunakan bahasa yang baik dan sedap untuk didengarkan. Berdasarkan kepada bahasa yang digunakan oleh pengarang merupakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Justeru itu, merujuk kepada prinsip teori Stilistik bahasa merupakan suatu seni yang bersifat halus, tertib, bersistem dan memiliki nilai keindahan. Oleh itu, kesusasteraan bermaksud seni bahasa yang indah.

4.8.6 Ayat permintaan

Ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan seperti minta dan tolong dengan tujuan memohon permintaan. Menurut *Kamus Dewan* (2018) ayat permintaan dalam bahasa Melayu ialah ayat yang menggunakan kata permintaan seperti minta dan tolong dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan. Bentuk ayat-ayat permintaan biasanya tidak membawa pengertian negatif sebagaimana ayat larangan. Selain itu, menurut Hj. Omar (1986) ayat permintaan atau permohonan merupakan perintah halus yang ditujukan kepada orang kedua dan dapat dibahagikan kepada permintaan langsung dan permintaan tidak langsung. Ayat permintaan @ permohonan langsung diwujudkan oleh ayat kompleks setara adalah halus dan formal.

Manakala ayat permintaan tak langsung adalah bersifat tidak ketara sama ada dari segi struktur ayatnya mahupun perbendaharaan kata. Jenis ayat yang mendukung permintaan tak langsung ini adalah ayat tanya. Selain itu, menurut Arbak Othman (1985) ayat permintaan berfungsi untuk meminta atau memohon seseorang melakukan sesuatu.

Petikan 34

“**Tolong keluarkan** belerang peluru ni”, pinta Mikhail (138)

“**Tolonglah... ampunkan** aku,” Biyin merayu demi nyawanya. (244)

“**Bismillah... dengan nama** ALLAH Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Demi jiwaku dalam taklukan-MU Ya ALLAH. Aku berserah diri pada-MU sehingga syahid mengambil nyawaku”. (462)

(Ramlee Awang Murshid, 2013:183, 244, 462)

Berdasarkan kepada petikan di atas, maksud ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan seperti *minta* dan *tolong* dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan. Merujuk kepada ayat *tolong keluarkan*, *tolonglah ampunkan* sudah menjelaskan jenis ayat pada permulaan lagi. Apabila perkataan *tolong* memang menggambarkan ayat seseorang memohon atau meminta tolong melakukan sesuatu. Oleh itu, perkataan *tolong* merupakan ayat permintaan dan seseorang pendengar itu sudah pasti memahami dan mengambil tindakan dengan sesuatu permintaan tersebut.

4.8.7 Ayat Seruan

Ayat seruan adalah ayat yang diucapkan dengan menggunakan nada atau intonasi seru. Menurut Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2013), yat seruan adalah tuntutan atau panggilan penutur kepada seseorang pendengar untuk mendapatkan perhatian kepada yang diucapkan. Ayat seruan ialah ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan gembira, sedih, kagum, terkejut, geram dan sebagainya.

Ayat seruan menggunakan kata seru seperti *wah, amboi, eh, oh, aduh, cis, wahai, hah, alahai, aduhai* dan *syabas*. Menurut Nik Safiah Karim (2011) ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk melahirkan suatu keadaan seperti takut, geram, sakit dan sebagainya. Oleh itu, sebagai pemahaman pengkaji, berdasarkan beberapa definisi yang dipeti daripada ahli-ahli bahasa dapat dirumuskan bahawa ayat seruan ialah ayat yang diucapka dengan tujuan melahirkan pelbagai keadaan perasaan seperti terkejut, hairan, geram dan sebagainya yang ditandai dengan pelbagai kata seru untuk menyatakan perasan tersebut.

Petikan 35

Oh! Kajian yang kau lakukan selama ini? Penjelasan!” pinta Gabenor Tus Kus (320)

Oh! Tidak! Tidak sama sekali, Tuan Turak”. Gabenor terangguk-angguk. (325)

“Hah! Aku bermimpi.” Bilal Piut tergeleng-geleng. Satu tamparan keras menyinggahi pipi Bilal Piut. Orang tua itu terperanjat.

(Ramlee Awang Murshid, 2013:183, 244, 462)

Berdasarkan kepada petikan di atas, pengarang telah menggunakan ayat seruan bagi memberikan kesan keindahan dalam ayat. Hal ini boleh dilihat menerusi pada perkataan *Oh! Tidak sama sekali, Tuan Turak, Hah! Aku bermimpi Bilal Piut* merupakan ayat seruan kerana di hujung ayat ditandai dengan tanda seruan (!). Ayat Seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk melahirkan suatu keadaan, seperti takut marah, takjub, geram sakit dan sebagainya. Namun begitu, menerusi kepada pengkajian stilistik sememangnya mengungkap aspek-aspek estetik pembentukan keputisan karya sastera. Ianya satu ilmu untuk mempelajari gaya bahasa. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir dan Umar Junus (2010) menyatakan bahawa stilistik adalah ilmu tentang gaya bahasa.

4.9 Teknik Penulisan Novel *Magis* Karya Ramlee Awang Murshid

Teknik penulisan atau teknik penceritaan adalah satu tatacara atau pendekatan yang membantu pengarang dalam membina ceritanya. Teknik ini dapat menunjukkan kreativiti pengarang dalam mempelbagaikan gaya dalam penyampaiannya. Menurut S. Othman Kelantan (1985) teknik penceritaan dalam novel akan menentukan sesebuah novel itu dapat membawa kepada persoalan seperti tema, perwatakan, latar stail dan sebagainya. Teknik amat penting kepada seseorang pengarang untuk menulis novel kerana dengan menguasai teknik seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu idea dan perutusan dengan lebih berkesan. Selain itu, teknik penceritaan digunakan untuk memastikan karya yang dihasilkan menarik, berkesan dan dapat mempengaruhi serta meyakinkan pembaca.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2007), strategi dialog, monolog dan pemerian merupakan teknik yang menjadi pilihan pengarang untuk menyampaikan ideanya kepada pembaca. Setiap karya perlu bersepadan antara isu dan teknik yang ingin digunakan dalam menghasilkan sesebuah karya kreatif seperti novel. Walaupun kejayaan sesebuah novel bukan semata-mata bergantung kepada teknik penulis, akan tetapi dengan mengetahui teknik bererti seseorang pengarang itu dapat menentukan dengan berkesan bagaimana hendak mengatur dialog imbas kembali, monolog dalaman, imbas muka, pemerian, monolog, saspens dan sebagainya. Menurut Ramli (1989) mendefinisikan teknik penulisan sebagai cara pengarang menyerapkan unsur yang bertujuan menghidupkan kejadian yang dilukiskan sepanjang perkembangan jalan cerita atau plot sama ada bersifat kronologi atau tidak. Justeru itu, pemilihan teknik penulisan yang sesuai adalah penting untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca. Tanpa menggunakan teknik yang sesuai sudah tentu pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang menjadi kabur dan tidak jelas. Penggunaan teknik yang sesuai akan menghidupkan lagi mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dan

menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah karya. Menurut Shahnnon Ahmad (1996) ketidakseimbangan antara keduanya akan menjejaskan nilai dalam sesebuah karya. Oleh itu, pemilihan teknik yang sesuai dan sepadan dengan tema merupakan asas yang penting demi menjamin kejayaan menghasilkan sesebuah karya.

Jenis-Jenis Teknik Penulisan Dalam Novel *Magis*

Imbas kembali	Monolog	Suspens
Imbas muka	Monolog Dalama	Pemerian
dialog		

(4.9 Rajah Jenis-Jenis Teknik Penulisan Dalam Novel *Magis*)

4.10 Teknik Imbas kembali

Imbas kembali merupakan suatu teknik penceritaan yang digunakan dalam naratif atau drama untuk memasukkan peristiwa atau kejadian yang telah berlaku sebelum bermulanya cerita yang sedang diciptakan. Menurut *kamus Dewan* (2017) imbas kembali adalah sebahagian dalam cerita filem, novel dan sebagainya yang memperlihatkan semula peristiwa-peristiwa yang terdahulu. Selain itu, menurut Muhammad Al- Afzan Bin Ali Hussin (2018) imbas kembali adalah suatu teknik pengarang mengenang semula peristiwa yang pernah dialami. Peristiwa itu boleh diimbas melalui pemerian, khayalan, dialog, monolog dan monolog dalam. Teknik penceritaan yang digunakan dalam drama atau teater untuk memasukkan peristiwa atau kejadian yang telah berlaku sebelum bermulanya cerita yang sedang dikisahkan.

Manakala menurut Md Salleh Yaapar (2015) penggunaan imbas kembali membolehkan pengarang memberikan maklumat yang menjadi latar belakang kepada cerita yang sedang diciptakan. Selain itu, teknik ini membolehkan penceritaan bermula

sama ada di tengah-tengah penceritaan, pengakhiran dan permulaan. Dengan cara ini, sambungan cerita lebih jelas untuk difahami terhadap peristiwa lalu yang telah berlaku, sedang berlaku dan peristiwa akan datang. Secara tidak langsung perkara ini akan menyerlahkan lagi plot penceritaan dan juga kronologi yang utuh. Teknik imbas kembali juga dapat ditemukan di dalam perbualan, mimpi, kenangan kembali, khayalan, dialog, monolog, pemerian dan monolog dalaman. Teknik ini memberi kesan kepada plot dan latar sehingga berlakunya pertindihan daripada aspek latar masa, tempat dan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam novel Magis. Penggunaan teknik ini menjadikan plot cerita bersimpang siur atau timbul balik antara peristiwa dan latar ceritanya. Menerusi teknik imbas kembali pembaca dapat mengetahui latar belakang diri Enjim Tombiruo di sebalik wajahnya yang bertopeng.

Petikan 36

“Selajur Enjim melihat pula ke arah bulan mengambang penuh di cakerawala. Cahaya bulan kelihatan terang sekali. Ketika inilah imbauan fikirannya terimbas ke belakang waktu- mengutip sisa kenangan bersama mendiang bapanya Pondolou. Kenangan semasa bapanya membikinkan topeng Tombirou untuknya. Enjim baru berumur 10 tahun. Dia memerhatikan bapanya Pondolou sedang memahat topeng daripada sejenis kayu yang tahan reput. Topeng yang belum siap itu sekejap-kejap diukur ke muka Enjim. Setelah Pondolou berpuas hati ukuran topeng barulah permukaannya digosok menggunakan kertas pasir bagi memperhalusnya. Enjim tercangkung-cangkung menyaksikan bapanya bekerja dengan penuh penghayatan. Bersungguh-sungguh menumpahkan seluruh jiwa raganya dalam usaha pembuatan topeng itu”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 54)

Menurut Shahnnon Ahmad (2011), teknik penyampaian seseorang sasterawan memang jujuh juga, sama seperti jujuhnya sumber untuk memperoleh pemikiran. Berdasarkan kepada petikan di atas merupakan teknik imbas kembali. Teknik ini sering digunakan oleh pengarang dalam memerihalkan tentang kenangan yang pernah dilalui oleh Enjim (Tombirua). Enjim mengingat kembali kenangan lalu di antara dirinya dengan ayahnya. Iaitu pada Enjim berumur 10 tahu, dia telah menyaksikan sebuah peristiwa di mana ayahnya telah bertungkus-lumus membuat sebuah topeng dengan menggunkan

kayu. Hal ini kerana, wajah Enjim mengalami kecacatan sejak kecil lagi disebabkan oleh itu ayahnya Pondolou membuatkan topeng bagi menutupi kecacatan di muka Enjim agar anaknya itu tidak berasa malu. Ramlee Awang Murshid selaku penulis bagi novel Magis telah menggunakan teknik imbas kembali bagi menceritakan kepada pembaca terhadap situasi di sebalik watak utama Enjim (Tombiruo) memakai topeng.

Petikan 37

“Dahulu Pada zaman nenek moyang kami, bang kami adalah hamba abdi. Kami adalah gabungan bangsa Jarkasah dan Monggolia atau lebih dikenali sebagai bangsa Turki. Penjuang Islam bernama Al-Ayyubiyyun telah mengambil bangsa kami berkhidmat dalam bidang ketenteraan. Akhirnya kami berjaya menerajui kekuasaan dan mengambil alih takhta kerajaan daripada Al-Ayyubiyun dengan membentuk dua buh kerajaan di Mesir iaitu al-Mamalik al-Bahriyyah dan al-Mamalik al-Burjiyyah”. Adib mengimbau kembali cerita yang telah dijelaskan oleh arwah ayahnya dahulu.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 222)

Merujuk kepada petikan di atas, pengarang menggunakan teknik imbas kembali iaitu Adib telah mengimbau kembali cerita yang telah diceritakan oleh arwah ayahnya mengenai nenek moyangnya yang berasal daripada bangsa Turki. Adib juga menjelaskan bahawa pemerintahan Al-Ayyubiyyun telah dihancurkan oleh Mustafa Kamal Attaturk. Menurut Adib, bangsanya Al-Ayyubiyyun merupakan orang yang beragama Islam hanya pada nama iaitu memiliki sikap yang bertentangan dengan ajaran Islam malah azan dari masjid berkumandang tetapi tidak mengejarkan solat berjemaah. Pemerintahan Al-Ayyubiyyun musnah disebabkan oleh peradapan semakin memudar, masyarakat yang angkuh dan bangga terhadap dosa yang dilakukan tanpa rasa bersalah. Namun begitu, Sewaktu kegemilangan pemerintahan Al-Ayyubiyyun sentiasa menewaskan musuh-musuhnya dan terlibat beberapa siri peperangan yang digelar perang salib. Tetapi disebabkan hilang ketamadunan yang dipertahankan sejak ribuan tahun, akhirnya musnah juga disebabkan sikap masyarakat.

4.11 Teknik Dialog

Dari aspek etimologi, perkataan 'dialog' berasal dari dua perkataan Greek iaitu **dia** yang bermaksud '*melalui*' (through) dan **logos** bermaksud '*perkataan*'. Gabungan dua perkataan ini memberi pengertian sebagai '*discourse*' iaitu perbincangan, wacana, ucapan, pertuturan atau percakapan. Menurut Kamus Dewan (2017), dialog merupakan kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen, karya sastera yang berbentuk perbualan, perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah atau bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu secara terbuka. Teknik ini dibina bagi menyampaikan pemikiran, tema, perwatakan dan mesej kepada pembaca. Selain itu, menurut Md Salleh Yaapar (2015) teknik penulisan ini menggunakan kaedah perbualan, perbincangan dan perbahasan watak antara watak dengan watak yang lain dalam sesuatu karya sastera seperti novel, drama, dan cerpen. Dialog merupakan aspek yang penting bagi mengungkapkan perwatakan dan menggerakkan plot dalam sesebuah drama. Namun begitu, terdapat juga penggunaan dialog yang pendek dan tidak bersesuaian dengan latar belakang. Hal ini kerana, dialog tersebut supaya kelihatan bersahaja dan tidak membosankan kepada pembaca. Manakala menurut Muhammad Al- Afzan Bin Ali Hussin (2018) dialog merupakan pertuturan antara dua watak atau lebih daripada dua watak. Melalui dialog antara watak-watak inilah biasanya tergambar pendapat atau fikiran yang berkaitan dengan tema. Manakala dalam bahasa Arab, dialog dijelaskan sebagai al-hiwar dan al-muha'warah. Ibnu Manzur (2003) menjelaskan dialog sebagai '*al-raf'jie*' yang bermaksud kembali iaitu mengembalikan percakapan atau perkataan antara orang yang saling bercakap.

Dalam kata lain Ibnu Manzur (2003) menyatakan dialog merupakan perbualan, perbincangan, percakapan yang memerlukan komitmen dua pihak atau lebih. Justeru itu, berdasarkan definisi yang dikemukakan di atas dapat dinyatakan bahawa perkara yang menjadi pokok terma dialog ialah satu bentuk perbualan, perbincangan, perundingan,

percakapan atau pertuturan yang melibatkan sekurang-kurang berlaku antara dua pihak.

Petikan 38

“Biar aku yang memutuskannya!” Mikhail menyeringai pada dubuk itu.

“Kau.... bercakap dengan mereka?” Biyin tertelan air liurnya sendiri.

“Kau diam!” Mata hitam Mikhail bertukar menjadi merah saga.

“Jangan kau bersimpati pada si pengembala kejam itu!” Dubuk tadi terus menghasut.”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 244)

Merujuk kepada petikan di atas, pengarang Ramlee Awang Murshid telah menggunakan teknik dialog bagi memberikan kefahaman dan penjelasan kepada pembaca mengenai situasi yang sedang berlaku. Berdasarkan dialog di atas menggambarkan perasaan marah Mikhail kepada Biyin kerana, Biyin merupakan pengembala yang kejam yang telah memaksa dubuk-dubuk menjadi senjata serangan dalam membunuh manusia. Hal ini, kerana Biyin memiliki wisel magis yang membolehkannya untuk mengawal dan memerintah sekumpulan dubuk untuk mengikuti telunjuknya. Perasaan marah ini dapat dibuktikan dengan menggunakan kata ganti nama diri kedua *‘kau diam’* yang ditujukan kepada Biyin. Dialog tersebut bertujuan memperlihatkan perasaan marah dan tidak puas hati terhadap sikap segelintir manusia yang menganiayai binatang. Selain itu, dialog pada petikan di atas adalah ungkapan terhadap situasi yang berlaku bagi menggerakkan jalan penceritaan pada novel ini. Justeru itu, di dalam sesebuah novel, sering menggunakan teknik dialog bagi menggerakkan setiap watak dan plot penceritaan agar tidak menimbulkan kebosanan kecelaruan penceritaan.

Petikan 39

“Aku... masih mengharapkan aku bermimpi sekarang. Satu mimpi yang panjang. Satu mimpi yang hidup dalam realiti.” Ryu-Watanabe berterus terang.

“Sia-sia aku mencintaimu”, guman Fatimiah.

Ryu-Watanabe dirangkul helaan nafasnya sendiri panjang dan berat menggalau.

“Apakah aku tidak standing berbanding isterimu pada tahun 2007 itu?”

“Fatimiah... kenapa macam ni? Tanya Ryu- Watanabe.

“Kau tidak menyukai aku berterus terang?” Sindir Fatimiah.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 367)

Berdasarkan kepada petikan dialog di atas, menggambarkan perasaan kecewa Fatimiah terhadap Ryu-Watanabe. Fatimiah mempunyai perasaan cinta terhadap Ryu Watanabe sehingga sanggup kalah pada pertarungan di antara dirinya dengan Ryu-Watanabe. Fatimiah sengaja kalah pada pertarungan tersebut sebagai alasan mendapatkan keizinan bapanya untuk menemani Ryu-watanabe naik ke permukaan. Perasaan kecewa ini dapat dibuktikan dengan menggunakan perkataan *'sia-sia aku mencintaimu*. Ryu-Watanabe masih mencintai isterinya iaitu Marhain yang masih berada pada tahun 2007. Disebabkan oleh itu, Ryu-Watanabe mengharapkan apa yang dilalui sepanjang dirinya berada di Hujung Waktu (Buyuk Docia) adalah sebuah mimpi yang panjang. Namun hakikatnya ia perlu menerima kenyataan bahawa dirinya, Saifudin, Mikhail, dan Enjim telah terherat bersama di dunia Hujung Waktu.

4.12 Teknik Pemerian

Pemerian merupakan satu teknik penggunaan bahasa berbentuk penjelasan yang memindahkan pengamatan dan pemerhatian sesuatu idea kepada khalayak. Menurut Raja Ali Haji (1991), pemerian adalah bertujuan untuk memerihalkan sesuatu iaitu mencipta gambaran atau mesej yang jelas dalam fikiran pembaca agar fakta dan maklumat yang lengkap dapat disampaikan kepada pembaca. Malah ia juga dikenali sebagai deskriptif atau naratif di mana ia menggambarkan sesuatu peristiwa dengan kata-kata sehingga para pembaca dapat gambaran yang jelas mengenai sesuatu perkara tersebut. Selain itu, menurut Muhammad Al- Afzan Bin Ali Hussin (2018) teknik pemerian digunakan oleh pengarang untuk menerangkan peristiwa dalam plot secara langsung. Hal ini bermaksud, pengarang menerangkan atau menggambarkan sesuatu perkara atau peristiwa secara langsung. Dengan perkataan lain, pengarang seolah-oleh menjadi tukang cerita dan menggambarkan sesuatu perkara secara langsung. Contohnya pengarang menggambarkan keadaan di bandar Kota Bharu pada suatu pagi.

Menurut Hajah Nor Azuwan Yaacob (2015) pemerian yang digunakan untuk memberikan gambaran yang jelas dan lebih realistik. Teknik penulisan ini adalah menggambarkan secara terperinci terhadap sesuatu keadaan yang peristiwa dan keadaan yang berlaku. Kebiasannya pemerian ini digunakan pada novel dan cerpen hal ini bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami plot penceritaan yang ingin disampaikan oleh pengarang. Jika pengarang tidak menggunakan aspek pemerian ini perjalanan sebuah cerita di dalam novel dan cerpen tidak lengkap dan tidak memenuhi kewajipan yang perlu ada dalam penghasilan sebuah karya sastera yang berbentuk novel, cerpen dan drama. Secara ringkasnya, pemerian berhubung dengan sifat sesuatu perkara dengan penjelasan dan huraian yang lengkap sebagaimana keadaannya yang sebenar.

Petikan 41

“Saifudin mendatangi Anjung Kehormatan di luar istana untuk menemui seorang tetamu yang dikenal pasti seseorang pendekar Siam. Seekor gajah putih berada di luar anjung itu tanpa ditambat, tapi dikawal oleh beberapa orang pengawal istana usik-usik. Bimbang gajah putih kemegahan kerajaan Siam itu akan naik minyak dan melakukan amukan sewenang-wenangnya. Kehadiran Saifudin disambut dengan hormat oleh pendekar itu. Mereka berjabat salam seraya duduk bersila berhadapan. Pendekar Siam itu bernama Trang yang memiliki tubuh kekar yang berukir di sana sini. Lelaki bersenjata sebilah pedang yang diletakkan di atas lantai. Trang enggan meninggalkan pedangnya di luar Anjung Kehormat ini

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 05)

Berdasarkan kepada petikan di atas, didapati bahawa pengarang menggunakan teknik pemerian bagi menggambarkan keadaan fizikal watak kepada pembaca. Teknik ini memberikan gambaran yang jelas keadaan kedatangan tetamu dari Pendekar Siam yang bernama Trang bersama dengan seekor gajah yang berwarna putih. Trang merupakan lelaki yang bertubuh tegap dan memiliki tato yang berukir dan di sampingnya terdapat sebilah pedang. Selain itu, teknik pemerian ini juga dapat memberitahu kepada pembaca tentang perasaan yang dialami oleh seseorang watak. Misalnya, teknik ini menggambarkan kerisauan Saifudin apabila melihat seekor gajah putih berada di luar anjung tanpa ditambat. Saifudin berasa bimbang jika gajah putih kerajaan Siam naik minyak dan melakukan amukan sewenang-wenangnya.

Petikan 42

“Hmmm.... Lelaki itu mempunyai dua nyawa. Satu bersifat jahat dan satu lagi berbentuk baik”. Ia merupakan tafsiran yang mengamalkan konsep keterbalikan. Jahat bermaksud Bilal Piut dan baik pula pastinya untuk Carlos. “Apa yang perlu aku lakukan?” pinta Tuan Turak. “Singgirkan nyawa yang bersifat jahat itu. Kekalkan nyawa yang baik kerana dia akan menyertaimu memerangi musuh-musuh kita di segenap penjuru muka bumi ini.” Si pemilik suara menyatakan ramalannya. Ramalan yang dipercayai sejak keturunan awal Tuan Turak yang kini berkembang biak di serata muka bumi ini. Tuan Turak pula merupakan tampuk kepada segala pengujiannya itu.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 193)

Merujuk kepada petikan di atas, teknik pemerian telah digunakan oleh pengarang bagi memperjelaskan keadaan yang berlaku dalam cerita dalam novel Magis. Pengarang telah memerihalkan dengan jelas mengenai seorang lelaki mempunyai nyawa bermaksud seorang lelaki yang mempunyai dua perwatakan yang berbeza yang dikenali sebagai *Multiple Personality Disorder*. Dua perwatakan yang dimiliki lelaki ini adalah berlawanan. Satu sisi yang bersifat baik, taat dan patuh beragama, merupakan bilal masjid bernama Bilal Piut. Manakala satu sisi lagi adalah jahat, suka membunuh, suka akan kekerasan adalah Carlos. Namun begitu, bagi Tuan Turak ingin memiliki Carlos kerana dapat bersama-sama memerangi musuh di segenap penjuru di muka bumi ini dan Tuan Turak ingin menyingkirkan watak Bilal Piut dalam diri Carlos kerana, Bilal Piut sentiasa akan menasihati Carlos untuk tidak melakukan sebarang kejahatan. Teknik pemerian ini memudahkan kepada pembaca untuk mengetahui jalan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Petikan 43

“Sebenarnya hanya dia seorang yang mengetahui tentang kewujudan ‘raja’ di sebalik pemerintahannya, yang selama ini dirinya pula dianggap raja oleh orang-orang di bawah teraju pemerintahannya. Rahsia itu tidak dibongkar. Biarlah dia digelar raja walaupun kuasa mutlak pemerintahan dipegang sepenuhnya oleh ‘raja’ yang mendiami Menara di rumah agam kediamannya. “Dia lebih fokus kepada agenda memperluaskan jajahan takluk. Sehingga kini, banyak wilayah dan negara telah jatuh pada naungan pemerintahannya kecuali dua wilayah yang digelar tanah yang dirahmati. Sudah kerap kali bala tenteranya tewas di sana. Tanah-tanah yang dirahmati itu dipanggil Makkah dan Madinah. Dua tempat yang tidak mungkin dikuasainya sehingga saat kematian menjengahnya. “

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 188)

Merujuk kepada petikan di atas, teknik pemerian yang diberikan oleh pengarang menjelaskan bahawa di dunia Hujung Waktu. Terdapat seorang ‘raja’ yang berkuasa mutlak, malah semua wilayah berada di naungan pemerintahannya kecuali Makkah dan Madinah. Hal ini kerana, dua wilayah tersebut merupakan kota yang dirahmati dan dianggap suci. Teknik pemerian ini dapat memberitahu kepada pembaca bahawa

perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang sama seperti yang telah di jelaskan di al-Quran.

4.13 Teknik Konflik

Secara umumnya konflik merujuk kepada keadaan pertentangan atau perebutan akibat ketidaksamaan matlamat antara dua atau lebih pihak dalam sesuatu isu. Konflik berlaku apabila sesuatu pihak mula mengenakan unsur paksaan atau tekanan ke atas sesuatu pihak lain. Namun begitu, Md. Yadi (2006) menyatakan bahawa konflik bukan sekadar membawa kesan negatif tetapi juga kesan positif sekiranya ditangani secara bijaksana. Di samping itu, menurut Muhammad Al-Afzan Bin Ali Hussin (2018) konflik merupakan pertentangan antara dua pihak atau dua kekuatan dalam satu turutan plot. Konflik boleh berlaku secara dalaman, iaitu konflik dalam diri watak dan secara luaran, iaitu antara watak dengan watak yang lain atau antara watak dengan alam sekitar. Konflik dapat digambarkan melalui pertentangan pendapat, idea, sikap atau pemikiran.

Manakala menurut Md Salleh Yaapar (2015) konflik adalah pertentangan antara kuasa, kepentingan, idea dan sebagainya yang terdapat dalam drama atau naratif. Pertentangan ini perlu untuk menimbulkan dan mengekalkan ketegangan dalam karya, seterusnya untuk menentukan aksi dan perjalanan plot dalam karya tersebut. Terdapat empat jenis konflik yang lumrah ditemui. Pertama konflik yang bersifat fizikal atau alamiah iaitu konflik antara manusia dengan alam sekitar seperti banjir, ribut, petir dan sebagainya. Kedua, konflik yang bersifat sosial iaitu konflik antara manusia dengan manusia. Ketiga, konflik yang bersifat dalaman atau psikologikal iaitu konflik antara manusia dengan runtunan hati, perasaan atau fikirannya tersendiri. Dan yang keempat konflik yang berlaku antara manusia dengan takdir. Karya yang baik biasanya menggabungkan beberapa jenis konflik.

Petikan 44

“Mikhail memerhatikan Biyin dengan matanya yang merah menyala. Biyin tercunggap-cunggap menghirup nyawa yang sudah pun berada di rengkungan. Seluruh tubuhnya carik-barik dikerjakan sekumpulan dubuk. Dia terketar-ketar kerana mengalami kesakitan yang teramat dahsyat. Darah bersemburan menerusi rongga mulut dan hidung sang pengembala itu. **Biyin terlentang tanpa daya dan upaya. Mikhail tidak berasa kasihan**”

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 262)

Berdasarkan kepada petikan di atas, berlaku konflik sosial. Di mana terdapat peristiwa berlakunya pergelutan di antara watak utama (Mikhail) dengan watak sampingan (Biyin). Konflik ini berlaku kerana ketidakpuasan hati Mikhail terhadap Biyin kerana Biyin merupakan pengembala yang kejam yang telah memaksa dubuk-dubuk menjadi senjata serangan dalam membunuh manusia. Hal ini kerana, Biyin memiliki wisel magis yang membolehkannya untuk mengawal dan memerintah sekumpulan dubuk untuk mengikuti telunjuknya. Pergaduhan ini telah menyebabkan Biyin mati di tangan Mikhail.

4.14 Monolog

Monolog merupakan pengucapan atau tutur kata oleh sesuatu watak secara bersendirian. Menurut Shamsudin Othman (2017), teknik ini merupakan percakapan atau tutur kata sesuatu watak secara bersendirian atau sesuatu watak itu bercakap secara bersendirian. Monolog boleh hadir berupa doa, rungutan, keluh-kesan atau ratapan. Manakala menurut Md. Salleh Yaapar (2015), pertuturan panjang seorang watak pada dirinya sendiri bagi menyuarakan fikiran dan rasa hatinya. Pertuturan watak biasanya terdapat dalam drama, naratif dan puisi. Monolog boleh berbentuk bisikan kuat, senandika, monolog dramatik dan monolog dalaman. Bisikan kuat ialah pertuturan watak yang hanya dapat didengar oleh penonton manakala senandika ialah percakapan seorang watak untuk meluahkan perasaan dan fikiran kepada dirinya sendiri. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2017) monolog merupakan percakapan yang agak panjang

oleh seorang pelakon sahaja dalam sesebuah drama. Namun begitu, monolog dramatik merupakan percakapan seorang watak bagi menyampaikan pemikiran dan perasaannya terus kepada penonton. Monolog dalaman biasanya dikaitkan dengan naratif pula ialah bahagian teks yang mendedahkan pemikiran dalaman seorang watak kepada pembaca secara langsung. Dalam persembahan drama, monolog hanya dituturkan oleh seorang pelakon sahaja.

Petikan 45

“Carlos terasa pernafasannya tersekat-sekat. Oksigen yang memberi nyawa semakin menipis. Kerongkong dirasakan hamper pecah. Ubun-ubun kepala seperti ditusuk sebatang besi panas yang mengakibatkan otaknya menggelegak.

“Ya ALLAH... aku berlindung dan bertawakal pada-MU. Tiada daya dan kekuatan melainkan pertolongan-MU, Ya RABBI.....” Bisik Bilal Piut turut merintih”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 132)

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas menunjukkan berlakunya monolog pada Bilal Piut. Dalam konteks ini, Bilal Piut telah merintih dan mengharapkan pertolongan Allah di atas nasib yang menimpa dirinya. Hal ini kerana, Carlos ingin menguasai minda dan fikiran Bilal Piut. Dua perwatakan yang berbeza yang dikenali sebagai *Multiple Personality Disorder* amat sukar untuk di atasi di antara Bilal Piut dan Carlos. Namun begitu, Bilal Piut tidak berputus-asa untuk menasihati Carlos. Teknik monolog ini telah memberi kefahaman kepada pembaca terhadap apa yang telah dilalui oleh Bilal Piut untuk mengawal kemunculan Carlos dalam dirinya. Orang yang memiliki penyakit ini tidak akan sedar akan perbuatan yang dilakukan oleh watak lain pada dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, individu yang memiliki penyakit ini akan mengalami lupa ingatan setelah menukar kepada identiti baru (yang seterusnya).

Petikan 46

“Allah Yang Maha Mengetahui...isyaratkan hamba dengan cara apa sekalipun menurut kebijaksanaan-Mu”, bisik Saifudin merendah diri selakaynya seorang hamba. Akhirnya Saifudin memutuskan untuk menunggu di sini sehingga matahari terbit. Kemudian, dia bersila dan meneruskan rentak zikirullah secara lafaz. Kelopak mata dipejamkan untuk meraih khusyuk paling dalam menurut mata fikirannya”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 203)

Merujuk kepada petikan di atas, Saifudin telah bermonolog dengan mengharapkan pertolongan Allah. Dunia Hujung Waktu/ Buyuk Bulsinatur begitu asing dengan dirinya. Teknologi dan kecanggihan yang dimiliki oleh negeri Buyuk Buksinatur menjadikan negeri itu berkuasa dan megah namun memiliki kemunduran ketamadunan disebabkan oleh pemerintan Tuan Turak yang kejam

4.15 Monolog Dalam

Monolog dalam merupakan sebuah teknik lakonan yang melibatkan pengucapan batin seseorang watak yang ditemui dalam karya sastera. Fatimah (2003) menyatakan fungsi monolog dalam yang utama ialah sebagai menghadirkan konsep ruang dan masa dalam karya. Dan fungsi yang kedua ialah sebagai menggerakkan atau menghidupkan watak secara dalam sama ada melalui naluri, psikologi dan secara spiritual. Selain itu, monolog dalam juga adalah alat untuk memaparkan pergolakan batin, perasaan fikiran watak yang tidak dilahirkan dalam bentuk dialog. Disebabkan oleh itu, ia dianggap suatu proses keadaan yang dikongsi bersama pembaca malah monolog dalam juga merujuk kepada sebahagian atau keseluruhan teks yang merakamkan perasaan, pemikiran, persepsi. Di samping itu, menurut Md Salleh Yaapar (2015) teknik lakonan yang melibatkan pengucapan batin seseorang watak yang ditemui dalam karya sastera. Bagi pengarang, monolog dalam menjadi alat untuk mendedahkan perasaan, pergolakan batin dan fikiran watak yang tidak dilahirkan dalam bentuk dialog. Oleh itu, monolog dalam dianggap suatu proses mental watak yang

dikongsi bersama dengan pembaca. Monolog dalaman juga boleh dirujuk sebagai bahagian atau keseluruhan teks yang merakamkan pemikiran, perasaan persepsi dan memori watak tanpa sebarang perantaraan seolah-olah pembaca dapat menembusi mindanya.

Namun begitu, monolog dalaman dapat disampaikan dengan menggunakan teknik aliran kesedaran yang menekankan kecerlaluan dan pengabaian logik dengan menggunakan penggunaan ayat yang tidak teratur, idea yang tergantung dan tidak mengikut kronologi. Namun begitu, teknik penulisan monolog dalaman mendapat tempat dalam penulisan apabila penulis telah mula mementingkan aspek psikologi watak berbanding plot. Manakala menurut Muhammad Al-Afzan Bin Ali Hussin (2018) menyatakan monolog dalaman merupakan kata hati atau pengucapan batin sesuatu watak. Teknik ini menjadi alat untuk merakamkan isi hati, pergolakan batin, dan fikiran watak yang tidak dilahirkan dalam bentuk dialog atau monolog. Menurut Shamsudin Othman (2017), teknik ini merupakan percakapan, lintasan atau rintihan di dalam hati atau fikiran sesuatu watak yang tidak diketahui atau didengari oleh orang lain.

Petikan 47

“Saifudin diam berfikir- membasahi lidahnya dengan zikirullah. Mengharapkan isyarat dari langit untuk menyingkap hijab sekali gus menyelongkar rahsia penempatan purba ini. Alangkah naif dan lemahnya dia selaku makhluk tanpa pertolongan Allah. Dia bukan Nabi.... tidak layak untuk mendapatkan wahyu. Justeru.... bertawakal itu adalah lebih baik. **Seraya itu juga Laksamana Sunan mengumumkan serangkai doa agar Allah menyelamatkan Enjim si Tombiruo.** Semoga dianugerahkan taufik dan hidayah”.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 203)

Berdasarkan kepada petikan di atas jelas menunjukkan berlakunya monolog dalaman pada watak utama Saifudin. Dalam konteks ini, Saifudin telah memikirkan nasib yang menimpa dirinya terperangkap di dimensi hujung waktu dan nasib yang menimpa Enjim (Tombiruo). Dalam dunia hujung waktu, terdapat keanehan yang berunsur magis yang telah terjadi menyebabkan Saifudin keliru kerana perbezaan waktu

di antara dirinya dengan dimensi baru Buyuk Rimsiz / hujung waktu ini. Hal ini kerana, Saifudin merupakan seorang Raja di Negeri Kayangan Bumi pada tahun 1540 manakala dalam Buyuk Rimsiz/ hujung waktu adalah dunia teknologi yang terlalu moden sehingga peradapan manusia mulai terhakis. Petikan ayat tersebut jelas menunjukkan watak utama Saifudin berfikir dan mengharapkan pertolongan Allah di atas dugaan yang menimpa dirinya.

4.16 Teknik Saspens

Saspens atau ketegangan ialah peristiwa dalam cerita yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya. Menurut *Kamus Dewan* (2017), saspens adalah keadaan yang menimbulkan kegelisahan, cemas, bimbang dan teruja ketika keadaan menghampiri klimaks. Teknik ini digunakan bagi menimbulkan keadaan tertanya-tanya dan perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca dan menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan hingga kepada pengakhiran cerita. Menurut Muhammad Al-Afzan Bin Ali Hussin (2018) saspens atau ketegangan ialah peristiwa dalam cerita yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu di kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya. Manakala menurut Shamsudin Othman (2017), saspens atau ketegangan adalah menggambarkan keadaan atau perasaan tertanya-tanya pembaca dan rasa ingin tahu untuk mengikuti cerita yang selanjutnya. Teknik ini digunakan oleh pengarang bagi menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan bagi mengetahui peristiwa yang selanjutnya.

Petikan 48

Belum sempat Saifudin berhujah, Enjim terlebih dahulu menerpanya pantas. **Akibat serangan mendadak itu, Saifudin tertolak ke belakang.** Tendangan kuat Tombiruo hanya mampu disanggah menggunakan kedua-dua tangannya. Kedua-dua kakinya terseret laju, tapi masih mampu mengawal dengan baik. Kemudian, Enjim meluru lagi bak pendekar si pengejar angin, menyusur halangan bersama cantasan pedangnya yang tajam. Pedang ampuh yang diperbuat daripada besi waja tulen, dihunus tanpa ragu-ragu.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 115)

Menerusi pada petikan 23, terdapat penggunaan unsur saspens pada kenyataan petikan ayat tersebut. telah berlaku pergaduhan di antara Saifudin dengan Enjim. Pergelutan di antara dua lelaki perkasa ini menjadikan pertarungan yang tipis di antara kedua belah pihak dan membuatkan pembaca tertanya-tanya di sebalik penyebab pergaduhan yang berlaku. Malah pembaca juga ingin mengetahui siapakah pemenang di antara dua lelaki perkara tersebut sama ada Saifudin atau Enjim (Tombiruo).

Petikan 49

“Kau.... Siapa sebenarnya?” tegas Adid bertanya

“Aku bersama mereka.” Juvia berdolak dalik.

“Siapa yang menerbangkan kapal itu? Sampuk Fatimiah

“A...ku”. Jujur Juvia menjawab.

“Hanya orang Tur-Kus yang mahir mengendalikan kapal udara itu,” ujar Adid.

“Ada baiknya kamu berterus terang saja, Juvia” pinta Saifudin

“**Aku...anak gabenor Tur-Kus**”, tersekat-sekat suara Juvia memberitahu.

“Apa?” Fatimiah pantas mengangkat sejanta.

Juvia berundur. Gentarnya membuar

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 403)

Merujuk kepada petikan di atas, telah berlaku unsur saspens pada dialog tersebut. Adid dan Fatimiah sedang menanyakan siapakah Juvia. Kerana mereka musykil disebabkan hanya orang Tus-Kus sahaja yang mahir membawa kapal udara. Sedangkan masyarakat Mamalik hidup serba kekurangan dan ketakutan. Masyarakat Tus Kus dengan masyarakat Mamalik jauh perbezaan dari segi gaya hidup dan

teknologi. Juvia yang merupakan anak kepada Tuan Turak sanggup mengkhianati ayahnya demi lelaki yang dicintai Enjim (Tombirou). Disebabkan oleh itu, ketegangan ini berlaku disebabkan kehadiran Juvia di penempatan masyarakat kaum Mamalik yang akan memberikan sebuah ancaman kepada mereka. Namun begitu, Juvia turut menjelaskan kenapa dirinya khianati ayahnya kerana kekejaman yang dilakukan oleh ayahnya terhadap kaum Mamalik. Pengarang memberikan sebuah unsur saspens yang membuatkan pembaca tidak menjangka akan sikap Juvia sehingga sanggup khianati ayahnya.

4.17 Imbas muka

Imbas muka merupakan cara pengarang memberikan bayangan awal atau ramalan tentang sesuatu peristiwa yang akan berlaku kesan daripada aksi-aksi watak dalam cerita berkenaan. Menurut Shamsudin Othman (2017) teknik ini digunakan untuk memberikan gambaran peristiwa yang akan terjadi. Teknik imbas muka membolehkan pembaca meramal perkara yang bakal berlaku. Manakala menurut Md. Salleh Yaapar (2015), teknik penceritaan yang digunakan dalam naratif atau drama untuk memberikan gambaran dan isyarat kepada pembaca tentang perkara yang akan berlaku pada peristiwa yang selanjutnya contohnya kemungkinan berlakunya malapeta. Imbas muka sering digunakan untuk meningkatkan ketegangan pembaca atau membolehkan pembaca menerima perkara yang akan berlaku di luar dugaan. Imbas muka juga dikenali sebagai kilas atau bayangan depan. Selain itu, menurut Muhammad Al-Afzan Bin Hussin (2018), imbas muka merupakan cara pengarang memberikan bayangan awal atau ramalan tentang sesuatu peristiwa yang akan berlaku kesan daripada aksi-aksi watak dalam cerita berkenaan. Imbas muka dapat mewujudkan keyakinan dalam kalangan pembaca terhadap sesuatu yang akan berlaku.

Petikan 50

“Mana pedangmu, anakku?” Pondolou bertanya pula.

“Errr....” Enjim tampak serba salah. Mata fikirannya segera memunculkan bayangan wajah Juvia. Tepatlah andaiannya bahawa pedang tradisi pemberian bapanya Pondolou telah diambil-dicuri oleh perempuan yang telah memerangkapnya di sini.

“**Dapatkan semula pedang itu.... Berjuanglah habis-habisan**”. Itu pesan Pondolou.

Enjim hanya mampu mengangguk berulang-ulang kali. Sejurus bayangan Pondolou pun ghaib. Si Tombiruo pun terpondok merungkai dalam keadaan duduk mencangkung. Tangisannya pun bergema. Sekilas dia seperti kehilangan kejaguan seorang Tombiruo.

(Ramlee Awang Murshid, 2013: 287)

Merujuk kepada petikan di atas, pengarang menggunakan teknik imbas muka pada karya ini iaitu telah memberikan bayangan awal atau ramalan tentang sesuatu peristiwa yang akan berlaku. Pondolou menyeruh Enjim (Tombiruo) untuk mendapatkan balik sebilah pedang berukiran tradisi pagan yang dianggap sebagai senjata kuno. Dan berjuang habis-habisan untuk berlawan dengan Tuan Turak. Enjim telah diperangkap oleh Juvia selaku anak Gabenor Tuan Turak untuk dijadikan bahan eksperimen subjek X. Enjim yang diklasifikasikan sebagai subjek X dijadikan kajian para cendik pandai yang berada di bawah Gabenor Tuan Turak. Malah Enjim ditempatkan di kurungan kaca. Pembaca boleh meneka atau meramal situasi yang akan berlaku selepas perbualan di antara Pondolou untuk menyeruh Enjim mengambil pedang tersebut dan akan berlaku pergaduhan di antara Tuan Turak dan Juvia.

MALAYSIA

KELANTAN

4.18 kesimpulan

Kesimpulannya, pada bahagian bab empat ini pengkaji membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan objektif kajian. Objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdapat dua objektif. Yang pertama ialah mengenalpasti gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Objektif kedua menganalisis teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Dalam pada itu, pengkaji mengaplikasikan teori Stilistik bagi menyokong kajian ini.

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bahagian ini merupakan gambaran secara menyeluruh, ringkas dan padat mengenai kajian yang telah dijalankan. Selain itu, terdapat kesimpulan mengenai dapatan hasil kajian sama ada perkara tersebut menepati objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal bab. Malah turut menjawab persoalan yang terdapat dalam kajian iaitu mengkaji penggunaan gaya bahasa dalam novel *Magis* dalam penelitian teori Stilistik. Dan menganalisis teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Di samping itu, dalam bahagian ini juga pengkaji turut memberikan beberapa cadangan dan saranan yang relevan dan boleh digunakan dalam penyelidikan pada masa hadapan sekiranya novel *Magis* dapat dijadikan dasar kepada penyelidikan mengenai penggunaan gaya bahasa dan teknik penulisan. Seterusnya penghasilan projek penyelidikan yang dijalankan ini sedikit sebanyak akan membantu dalam mencapai objektif dan menjawab persoalan untuk kajian kelak yang sejajar dengan kajian yang pengkaji hasilkan ini.

5.2 Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan dengan mengkaji, menghurai dan menganalisis maklumat, maka pada bahagian ini adalah merumuskan hasil dapatan kajian. Segala perbincangan dalam bab ini adalah berdasarkan kepada analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian dengan lebih terperinci dalam bab empat sebelum ini yang telah menjadi garis panduan. Kaedah perpustakaan digunakan dalam kajian ini adalah untuk memperoleh seberapa banyak maklumat mengenai gaya bahasa seperti, hiperbola, personifikasi, metafora, dan sebagainya. Dengan berpandukan analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian yang pertama adalah mengenalpasti penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Selain itu, yang kedua adalah menganalisis penggunaan gaya bahasa dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid.

Pengkaji telah memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah keperpustakaan iaitu dengan meneliti sumber-sumber bahan daripada bahan bercetak antaranya buku-buku rujukan, tesis, jurnal, artikel, akhbar. Pengkaji juga menggunakan *Kamus Dewan* dan buku Kamus Kesusasteraan bagi mencari makna, takrifan mahupun definisi yang berkaitan satu-satu perkataan yang tidak jelas. Novel *Magis* (2013) adalah karya Ramlee Awang Murshid bersesuaian dengan objektif kajian mengenalpasti penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Seterusnya objektif kedua adalah menganalisis teknik penulisan pengarang Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan teori Stilistik bagi memperkukuhkan lagi kajian ini untuk diterima oleh setiap anggota masyarakat.

5.3 Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa novel pada masa kini kurang mendapat perhatian dan ia hanya tertumpu kepada golongan mahupun individu yang berlatar belakang sastera sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada hari ini terutamanya bagi golongan remaja lebih gemar dan meminati cerita di media massa seperti televisyen, youtube dan seangkatannya berbanding dengan membaca novel-novel. Dalam hal ini, masyarakat dikatakan kurang berminat dan tidak mempunyai masa untuk membaca karya-karya sastera seperti novel dan cerpen. Tambahan pula, mereka dikatakan tidak berminat dengan karya sastera ialah kerana lebih gemar membaca karya yang berbentuk picisan serta kurang pendedahan mengenai karya sastera ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kurang berminat dan menganggap bahawa sastera adalah membosankan dan kuno. Selain itu, masyarakat yang kurang pengetahuan terhadap aspek gaya bahasa dalam karya-karya sastera terutamanya novel.

Selain itu, ketidakfahaman teknik penulisan kebanyakan masyarakat belum mengetahui terhadap sesuatu teknik tersebut. Hal ini akan dikatakan demikian kerana, tiada pendedahan secara langsung terhadap perkara tersebut. Kesimpulannya, kurang pengetahuan terhadap aspek gaya bahasa bukan menjadi tali pengukur untuk tidak mempelajari. Namun begitu, ada juga yang beranggapan bahawa sastera ini tidak mempunyai manfaat serta masa depan di kemudian hari. Oleh itu, dalam kajian ini terdapat dua objektif utama dalam menyelesaikan dan merungkai tentang masalah yang berkaitan dengan novel yang dikaji. Walau bagaimanapun, kedua-dua objektif ini telah tercapai bagi meningkatkan minat masyarakat terhadap karya-karya sastera terutamanya novel. Hal ini kerana, ia bukan sahaja sekadar hiburan malahan juga terdapat penggunaan gaya bahasa dan teknik penulisan pengarang yang telah diterapkan dalam sesebuah karya sastera itu sendiri.

5.4 Cadangan

Dalam kajian ini, setelah kesemua objektif telah dicapai, terdapat banyak cadangan yang boleh dihuraikan dan didedahkan melalui kajian ini. Selain itu, dalam kajian ini dapat mendedahkan dan memartabatkan novel kepada orang ramai supaya dapat menambahkan rujukan bagi generasi yang akan datang bagi menjadikan sebagai bahan rujukan dalam sesebuah kajian. Dalam hal ini juga, walaupun masyarakat pada masa kini terutamanya pelajar yang mengambil jurusan sastera itu sendiri lebih meminati karya-karya yang berbentuk picisan. Hal ini kerana, karya picisan lebih menghiburkan dan lebih seronok apabila membacanya kerana ia memaparkan unsur-unsur romantik yang mengisahkan percintaan semata-mata dan perkara ini amat sesuai dengan jiwa remaja malah penggunaan bahasa pada karya picisan mudah untuk difahami.

Dalam aspek analisis penggunaan gaya bahasa, pengkaji ingin mencadangkan agar kajian yang akan datang memfokuskan penggunaan gaya bahasa, plot penceritaan, dan teknik penulisan agar membuat kepelbagaian unsur tersebut dapat dikaji secara menyeluruh bukan hanya bergantung kepada satu kaedah kajian sahaja. Kepelbagaian variasi ini akan menjadikan kajian tersebut padat dan tepat dan secara tidak langsung dapat dijadikan sebuah rujukan kepada generasi yang seterusnya. Selain itu, cadangan yang seterusnya adalah boleh mengetengahkan penubuhan persatuan dan kerjasaman dengan syarikat-syarikat dalam NGO atau Badan bukan Kerajaan. Sebagai contoh persatuan yang ditubuhkan itu bersama dengan golongan sastera perlu turun ke kampung-kampung terutamanya luar bandar untuk memberi pendedahan mengenai karya-karya sastera. Pihak persatuan juga boleh menjalankan aktiviti bagi menarik minat masyarakat terhadap sastera iaitu aktiviti mengadakan seminar dan pameran sastera. Berdasarkan cadangan di atas jelaslah bahawa dalam meningkatkan penerimaan karya-karya sastera amatlah sukar dalam menghadapinya.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini berfokus kepada novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori Stilistik. Hal ini kerana, teori ini bertepatan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis*. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa novel yang dihasilkan oleh Ramlee Awang Murshid banyak memberi kesan positif dan mengubah pemikiran masyarakat. Seterusnya, kajian ini mampu membuktikan bahawa novel-novel di Malaysia iaitu salah satunya novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid dapat dijadikan sebagai bahan bacaan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat dalam menambah ilmu pengetahuan terhadap penggunaan gaya bahasa dan teknik penulisan pengarang. Selain itu, novel ini juga boleh dijadikan bahan kajian seterusnya oleh para ilmuan sastera bagi mengembangkan bidang kesusasteraan negara. Pendek kata, kajian seperti ini haruslah diteruskan agar bidang sastera dapat diperkembangkan lagi oleh generasi akan datang.

Bibliografi

- Afandi, A. S. (2022). *Unsur Magis Sebagai Proses Katarsis Melalui Gaya Bahasa Pengarang Dalam Hikayat Pilihan Berdasarkan Model GTRFK*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah, H. (1993). *Gaya Bahasa Kiasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ei, S. (2010). *Apresiasi Bahasa Interpretasi dan Ekspresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah, H. O. (2016). *Bahasa Diraja Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah, A. R. (2013). *Transformasi Makna Ayat Perintah Dalam Novel S. Othman Kelantan*. Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Asrul Azuan, M. D., & Hajah Nor, A. Y. (2015). Teknik Retorik Dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *Jurnal Bahasa Pendidikan dan Bahasa Melayu* 2 (11), 49-59.
- Azman, I. (2018). Novel-Novel Shahnun Ahmad Dalam Perspektif Etnografi Semantik. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu RUMPUN* 6 (1), 1-30.
- Baharudin, & Nordiana, H. (2021). Adab Kepada Alam Semesta Dalam Novel Nggusu Waru Yang Tersisa Karya N.Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al-Ghazali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 9 (2), 1-10.
- Che Abdullah, C. Y. (2018). Manifestari Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*. 17 (2), 14-24
- Eizah, M. H., Tengku Intan, M. T., & Zahir, A. (2021). Analisis Nilai Murni Dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 9 (2), 15-23.
- Faezah, M., & Nik Rafidah, N. M. (2014). Cerita Adam: Analisis Daripada Perspektif Stilistik. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. 2 (1), 140-162.
- Faziela, A. B., & Nik Rafidah, N. M. (2016). Unsur Konflik Dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (5), 52-63.
- Gory, K. (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hadijah, J., Nor Shahida, M. S., & Farra Humairah, M. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Pendekatan Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (4), 1-11.
- Jamail, M., Abdul Halim, A., & Azhar, W. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragan Di Sabah. *Jurnal Bahasa Pendidikan dan Sastera Melayu*. 32 (1), 175-201.
- Johari, Y. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Sains Malaysia.
- Johari, S. B. (2021). *Unsur-Unsur Metafora Dalam Jangan Bunuh Rama-Rama Karya Noordin Hassan: Aplikasi Teori Stilistik*. Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.


- Junus, U. (1989). *Stilistik: Satu Penghantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin, J. (2017). *Antologi Nilai Insan Apresiasi Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris, M. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris, M. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Kusumawati. (2010). Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Pada Iklan Produk Kecantikan Perawatan Kulit Wajah di Televisi. *Jurnal Penelitian*.
- Maisarah, Y. (2017). *Unsur Tarbiah Dalam Novel Komsas*. Tesis Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia.
- Maniyamin, H. I. (2006). *Gaya Bahasa Kiasan Penggunaan Dan Keberkesanannya Dalam Sajak*. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Maryam, N. A., & Nuerul Janah, R. (2020). Analisis Deiksis Dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik. *International Young Scholars of Languages 1* (4), 1-18.
- Marzalina, M., Nor Hafidah, I., & Hasmawati, H. (2016). Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percival. *International Seminar On Generating Knowledge Research 1* (2), (pp. 101-112).
- Mastura, O. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shanon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Md. Salleh, Y. (2015). *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Sidin, A. I., & Mohd Salleh, M. (2008). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik Untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Rosmizi, M., Ghazali, D., & Phaosan. (2020). Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. *Journal of Malay Language, Education and Literature. PENDETA*, 11 (1), 68-87.
- Mohd Fairus, A. M. (2017). *Nilai-Nilai Islam Dalam Pantun Melayu: Analisis Pantun Utara Dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Malaysia Utara.
- Mohd Firdaus, C. Y. (2015). *Seuntaiian Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Ijazah Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Normaliza, A. R. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 49-57.
- Mohd Khairul, A. F., & Muhammad Zaid, D-. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Journal Of Kesidang 3* (2), 106-121.
- Muhammad Izzat, F. (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Tesis Ijazah

- Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nadia, I., & Kamariah, K. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori pengkaedahan Melayu. *Malay Literature* 32 (1), 116-144.
- Nadia, I., & Kamariah, K. (2019). *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 30, 103-129
- Nadia, I., & Kamariah, K. (2022). *Uslub Tasybih Dalam Gaya Bahasa Kiasan Melayu Menerusi Novel Suriati Dari Perspektif Pendekatan Seni*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nasroniazam, A. B. (2016). Perluasan Makna Kata Nafi Bukan Dan Tidak: Analisis Korpus Bahasa. *Journal of Malay Language, Education and Literature* 1823-6812 (73-84).
- Nik Hassan, B. N. (2005). *Stilistik Komsas*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan, B. N. (2007). *Komsas Pegangan teras Keterampilan*. Kuala Lumpur: Icon Religion Sdn. Bhd.
- Nik Hassan, B. N. (1997). *Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Noor Aina, D. (2000). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu (BBM 5202)*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Raudah, H. S. (2006). *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini, A. S., & Tengku Intan, M. T. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*. 15 (1), 1675-7513
- Norazilah, B., Nor Azlili, H., & Nik Norazira, A. A. (2022). Warisan Budaya Melayu Dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Malaysian Journal of Social and Humanities (MJSSH)* 7 (1), 145-160.
- Nur Samsiah, M., Mohd Firdaus, C. Y., & Nasirin, A. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Sosial Development*. 9 (2), 93-106.
- Nurul Husna, M. N. (2020). Keberanian Dan Proses Kreatif Dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel Empangan Tugal. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* 3 (11).
- Nurul Nasuha, M. R., & Zubir, I. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2 (2), 1-15.
- Nurul Natasya, H., Mohamad Zuber, I., & Arina, J. (2021). Penerapan Pendekatan Dakwah Dalam Lirik-Lirik Lagu Dendangan Maher Zain. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan kemanusiaan ke-6 (PASAK6 2021)*. 431-443.
- Nik Safiah Karim & Wong Aw Lam Chee. (2015). Keanekaan Binaan Ayat Dalam Sejarah Melayu. *PENDETA Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. 1-40.

- Nurul Raihana, A., & Norila, M. S. (2016). Penerapan Nilai-Nilai Murni KBSM Menerusi Watak Utama Dalam Teks KOMSAS Novel Tirani. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. 4(1), 127-150.
- Lou, Y. L. (2009). *Kajian Metafora Kata Nama Dan Kata Sifat Dalam Cerpen Bahasa Mandarin*. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Md, Z. B. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*. 19 (1), 54-74.
- Mohammad, F. J. (2016). Gaya Ujaran Dalam Teks Kesusasteraan Melayu. *Malaysia Journal of Communication*. 32 (2), 341-346.
- Mohd. (2013). *Magis*. Kuala Lumpur: Grup Buku Karangkrak SDN. BHD.
- Mohd Faradi, M. G. (2020). Interpretasi Resepsi Sastera Menerusi Lirik Lagu Tolong Ingatkan Aku. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 8 (2), 35-53.
- Mohd Faradi, M. G. (2021). Gaya Bahasa Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna). *Online Journal of Language, Communication and Humanities. Universiti Malaysia Kelantan*. 4(1), 75-90.
- Mohd, K. A. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Awar Kamaruaman. *Journal of Kesidang* . 3, 106-121.
- Norsofiah, A. B. (2019). *Linguistik Bahasa Dan Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Osman, A., Roslan, C., & Tuan Rusmawati, R. H. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu 8 (2).
- Pg. Haji Yakup, P. A., & Mohamad Mokhtar, A. H. (2018). Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan Analisis Pendekatan Dakwah. *Malaya*. 29, 156-180.
- Roslina, A. B., & Aone, V. E. (107-121). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Journal of Kesidang 1* (4).
- Rahayu, R. P. (n.d.). Diksi Dan Gaya Bahasa Dalam Novel Waktu Aku Sama Mika: Kajian Stilistika. *Jurnal DIKLASTRI*. 1 (2), 77-84.
- Rita, N. (2021). Gaya Bahasa Dalam Novel Till its Gone Karya Kezia Evi Wiadji Terhadap Pembelajaran Sastra. *Jurnal KIBASP*. 130-145.
- Rosnani, M. Z. (2019). Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains Dan Teknologi Dari Tahun 2012 Sehingga 2017. *MANU 30*, 189-212.
- Rosnani, M. Z. (2019). Unsur Sains Dan Sastera Dalam Novel Remaja Terpilih. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* . 10, 166-182.
- Rohayati, M. T. (2010). Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri Berdasarkan Prinsip Stilistik J.J Webber. *Jurnal Melayu*, 2(10) 1-22.
- Roslina, A. B. (2015). Stilistik dalam Persembahan Wayang Kulit Kelantan. *Mahawangsa*, 2(1), 75-86.

- Sara, B. N. (2021). Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu*. Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Shamsudin, O. (2017). *Darah Titik Semantan. Apresiasi KOMSAS*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti, F. S. (2020). Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd.Nor. *Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Asian People Journal* 3 (1), 45.
- Siti, K. M. (2016). Analisis Watak Dan Perwatakan Dalam Novel Sejambak Bakti Karya Rejab Fi. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. 1, 73-80.
- Siti, N. A. (2016). Keanekaragaman Ciri Laras Bahasa Kreatif (SASTERA) Dalam Penulisan Novel Hujung Pagi. *Jurnal Ilmi* 6, 11-28.
- Siti, N. B. (2022). *Unsur Didaktif Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Ijazah Sarjan Muda, Fakulti Teknologi Kreatif Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti, N. M. (2016). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied (IJLEAL)*. 7, 17-29.
- Sohaimi, A. A. (2014). *Teori Dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Srikandi, S. S. (2021). Perwatakan Dalam Novel Komsas Di Sebalik Dinara: Analisis Teori Releven. *Asian People Journal* 3 (1), 84-100.
- Suppiah, N. (2014). *Gaya Bahasa Dan Proses Kognisi Pedagogi Hermeneutik Dan Interpretasi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suraiya, C. (2022). *Konsep Asas Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul, A. K. (2017). Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJEAL)*. 7,47-63.
- Tarigan, H. G. (1990). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tengku, I. M. (2020). *Penulis Profesional Melayu Kepengarangan Dan Kritikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku, I. M. (2021). Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 9 (2), 24-34.
- Tengku, S. N. (2021). Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*. 20 (2), 230-246.
- Wan, N. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Wong, S. H. (2018). Percanggahan Pendapat Aspek Tatabahasa: Perbandingan Antara Bahan Rujukan Bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 9, 16-31.

BIODATA PENULIS



Wan Nur Akmal Binti Wan Ismail adalah nama penulis. Penulis merupakan penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Elektif Kesusasteraan Warisan). Dilahirkan pada 08 Mac 1999. Penulis merupakan anak ketujuh daripada sepuluh adik beradik yang berasal dari Kelantan. Penulis mendapat pengajian awal di Sekolah Rendah Pengkalan Kubor 1. Seterusnya, penulis telah melanjutkan pengajian di peringkat sekolah menengah iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Geting. Kini, penulis menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Kelantan dengan jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Akhir sekali, tanpa bantuan daripada pensyarah, rakan-rakan dan ibu bapa pastinya penulis tidak dapat untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN